




MENYAHUT SERUAN ILAH

Ustaz Haji Sawifi Bin Samson



HALIJAH TRAVELS



MENYAHUT SERUAN ILAH

Disusun oleh
USTAZ HJ SAWIFI BIN SAMSON

Penyelaras Asal Projek
Allahyarhamah
Halijah Abdul Hamid Almunawwarah

Cetakan Pertama Edisi 2010
Cetakan Kedua Edisi 2012
Cetakan Ketiga Edisi 2017
Cetakan Keempat Edisi 2020
Cetakan Kelima Edisi 2025

Perhatian: Buku ini mengandungi ayat-ayat suci dan doa-doa.
Harap dijaga dan dilupuskan dengan adab.



Halijah Travel Pte Ltd.

22, Kandahar Street, Singapore 198886
Tel : (65) 6294 9676 Fax : (65) 6294 9969
www.halijah.com.sg | corporate@halijah.com.sg

DOA SEBELUM MEMULAKAN PENGAJIAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

نَوَيْتُ التَّعْلَمَ وَالتَّعْلِيمَ، وَالتَّذْكَرَ وَالتَّذْكَيرَ، وَالنَّفْعَ
وَالْإِنْتِفَاعَ وَالْإِفَادَةَ وَالْإِسْتِفَادَةَ، وَالْحَثَّ عَلَى التَّمَسُّكِ
بِكِتَابِ اللَّهِ وَسُنَّةِ رَسُولِهِ، وَالدُّعَاءَ إِلَى الْهُدَى، وَالِدَّلَالَهَ
عَلَى الْخَيْرِ، ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ وَمَرْضَاتِهِ وَقُرْبِهِ وَثَوَابِهِ

Aku niat belajar dan mengajar, mengingat dan mengingatkan (ilmu), memberi manfaat dan mencari manfaat, memberi keutamaan dan mencari keutamaan, menganjurkan berpegang teguh dengan kitab Allah (Al Quran) dan sunnah RasulNya, menyeru kepada petunjuk, menunjukkan kepada kebaikan, demi mengharap dapat bertemu dengan Allah menggapai redaNya serta pahalaNya



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENDAHULUAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا
وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ. (الحج: 27)
وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلَى مَنْ قَالَ: الْحُجَّاجُ وَالْعُمَّارُ
وَفَدُّوا اللَّهَ إِنْ دَعَوْهُ أَجَابَهُمْ وَإِنْ اسْتَغْفَرُوهُ غُفِرَ لَهُمْ.
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَوَلَاهُ.

Alhamdulillah, wasyukru lillah. Kami bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. yang dengan pertolongan dan bantuanNya, dengan taufik dan hidayahNya, serta dengan limpah kurniaNya, buku panduan ini dapat diterbitkan.

Kandungan buku panduan ini berasal dari nota-nota pelajaran yang kami gunakan untuk menyampaikan kursus haji yang dianjurkan oleh **HALIJAH TRAVELS PTE LTD** sejak tahun 1984.

Isi dan kandungannya kami nukil daripada beberapa buah kitab haji, selain daripada Al-Quran dan Al-Hadis. Kami susun semula mengikut kehendak dan kemampuan para pelajar dan jemaah kami.

Inisiatif untuk menerbitkan buku ini datangnye daripada Allahyarhamah Puan Hajah Halijah Abdul Hamid Al-Munawwarah. Kemudian kami membentuk satu kumpulan kerja yang menyusun semula nota-nota pelajaran tersebut untuk dibukukan.



Sesudah berbincang, kami mengambil keputusan untuk menamakan buku ini dengan nama *“MENYAHUT SERUAN ILAHI.”* Nama ini kami sandarkan dengan firman Allah s.w.t. yang bermaksud: *“Dan serukanlah hai Ibrahim kepada manusia tentang hal haji, nescaya mereka akan datang kepada engkau dari segenap penjuru.”*-(Al-Haj:27)

Kami sesuaikan juga nama buku ini dengan lafaz talbiyah yang bermaksud: *“Aku menyahut seruanMu Wahai Tuhanku, aku menyahut seruanMu (panggilan Nabi Ibrahim). Aku menyahut seruanMu. Tiada sekutu bagiMu. Aku menyahut seruanMu. Sesungguhnya segala pujian dan nikmat bagiMu, dan pemerintahan juga bagiMu. Tiada sekutu bagiMu.”*

Untuk **“MENYAHUT SERUAN ILAHI”** para jemaah haji memerlukan pengetahuan, bekalan zahir dan batin, di samping pimpinan yang baik. Kami berharap buku panduan ini dapat dijadikan pedoman untuk mendapatkan ilmu dan juga bimbingan bagi para jemaah.

Oleh kerana kami adalah hamba-hamba Allah s.w.t. yang lemah dan mempunyai kekurangan dalam segala hal dan urusan, kami juga tidak luput daripada melakukan kesalahan dan kesilapan. Dari itu terlebih dahulu kami memohon ampun dan maaf di atas segala kesalahan dan kesilapan yang terdapat di dalam buku panduan ini.

Kami berharap agar anda dapat memberikan kerjasama dengan membetulkan kesalahan dan kesilapan yang terdapat di dalam buku ini. Segala yang betul dan benar datangnya dari Allah s.w.t. sementara yang salah dan silap datangnya dari kami, sebagai manusia yang mempunyai kekurangan dan kelemahan.

Ke hadrat Allah s.w.t. kami memohon agar segala dosa kami diampunkan, segala kesalahan kami dimaafkan kerana kami adalah umat yang lemah. Tiada satu daya, tiada satu upaya dan tiada satu kekuatan, kecuali dengan pertolongan dan izin dari Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Agung. Kami bersyukur ke hadratMu Ya Allah, yang telah mengurniakan kami pertolongan dan bantuan untuk menerbitkan buku panduan ini.

Kami berharap semoga buku panduan ini memberi manfaat kepada para jemaah haji khususnya dan para peserta kursus umumnya.

Mudah-mudahan buku panduan ini menjadi penyebab bagi anda dikurniakan dengan haji yang Mabruk. Insya Allah.



Baginda Rasulullah s.a.w. telah bersabda: “Orang-orang yang datang mengerjakan haji dan umrah, adalah rombongan tetamu Allah. Jika mereka bermohon sesuatu dari Allah, nescaya permohonannya diperkenankan, jika mereka bermohon ampun, nescaya Allah akan mengampunkannya.” (An-Nasai)

Bersempena dengan hadis ini, kami memohon jasa baik para jemaah haji, agar mendoakan kesemua umat Islam di seluruh alam, semoga segala dosanya diampunkan, semoga imannya ditetapkan, semoga segala kesulitannya dapat diuraikan, semoga rezekinya diluaskan dan matinya dalam husnul khatimah.

Akhirnya, kami mengucapkan ribuan terima kasih dan mendoakan agar roh Allahyarhamah Puan Hajah Halijah Abdul Hamid Almunawwarah; mantan Pengarah Urusan **HALIJAH TRAVELS PTE LTD** sentiasa dicucuri rahmat Ilahi kerana menaruh kepercayaan kepada kami untuk menerbitkan asal buku panduan ini.

Juga kami tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah memberikan pertolongan, panduan dan nasihat secara langsung atau tidak, untuk menjayakan rancangan penerbitan buku panduan ini. Semoga Allah s.w.t. akan mengurniakan sebaik-baik ganjaran kepada mereka.

Kami menyerahkan segala-galanya ke hadrat Allah s.w.t.. Semoga kita sama-sama mendapat rahmat dari Allah s.w.t..

Amin, Ya Rabbal alamin - Wassalam.

Salam hormat dan takzim

Haji Sawifi bin Samson

Tel: 6564 0829

Singapura

Rabiul Akhir 1431H -April 2010



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KATA KATA ALUAN

Perjalanan haji adalah suatu perjalanan yang memerlukan penelitian dan persiapan rapi dari bakal jemaah haji itu sendiri.

Memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan manasik haji adalah sangat penting. Hampir kesemua ibadat-ibadat yang bakal ditempuh di Tanah Suci merupakan ibadat yang baru dan belum pernah dipraktikkan di tanah air kita.

Di samping itu, persiapan dari segi mental dan rohani juga sama perlunya. Saya pernah terbaca tulisan seorang ulamak Singapura yang sangat saya hormati. Antara yang terdapat dalam rencana tulisan beliau yang boleh dijadikan peringatan adalah seperti berikut:

“Ingatlah. Kita ke Makkah hanya untuk Allah s.w.t. dan mengharapkan rahmatNya, bukan untuk riak dan sombong.

Ibadat haji penting. Untuk mendapatkan Haji Mabrur, ia memerlukan pemusatan hati hanya untuk Allah s.w.t..

Jagalah adab dan kesopanan ketika menjalankan ibadah haji. Bayangkanlah ketika kita dijemput oleh sultan ke istananya, kita harus mengikut protokol.

Begitulah ketika kita ke majlis Allah s.w.t. dan di tempat yang dimuliakanNya. Sebagai tamu, kita perlu mematuhi peraturan dan adab sopan.

Oleh itu, usah melakukan perkara yang merosakkan ibadah, terutama hati kita.”

Dalam konteks ini, kami, bagi pihak pengelola berperanan menjalankan program pendidikan, termasuk mengendalikan kursus haji dan menyediakan buku bimbingan haji yang lengkap.

Penyusun buku ini yang berbahagia Ustaz Haji Sawifi bin Samson, adalah mantan guru pembimbing kursus haji anjuran Halijah Travel sejak tahun 1984.



Beliau telah membimbing ribuan bakal-bakal haji dengan penuh dedikasi.

Beliau juga pernah dilantik beberapa kali sebagai pegawai kebajikan haji Majlis Ugama Islam Singapura.

Dengan pengalaman luas ini, berserta gabungan tenaga dan kepakaran beberapa orang pegawai haji kami, kami yakin buku ini dapat membantu anda dalam mengerjakan ibadat haji dan MENYAHUT SERUAN ILAHI ke Baitullah -Insya Allah.

Berusahalah memperengkapkan diri untuk perjalanan haji ini demi meraih suatu haji yang mabrur kerana bagi kebanyakan orang ia adalah perjalanan sekali seumur hidup.

Semoga Allah s.w.t. mengurniakan kerahmatan dan keredaanNya kepada setiap orang yang akan menunaikan ibadat haji serta setiap orang yang menggembeleng tenaga dan usaha ke arah jalan suci ini. Wassalam.

Ingatan Ikhlas

Haji Hussin bin Abdul Hamid

Pengarah Urusan

HALIJAH TRAVEL PTE LTD

Tel: 6294 9676

Singapura

Rabiul Akhir 1431H –April 2010



KANDUNGAN

AMALAN SEBELUM KE TANAH SUCI	1
Doa penerang hati	1
Istighfar, tahlil dan selawat	3
Penghulu istighfar	3
Solat sunat taubat	4
Doa untuk memudahkan menunaikan fardu haji	5
Doa untuk diberi kesempatan berziarah ke Baitullah Al-Haram	6
Doa selepas membaca Al-Quran setiap hari	7
Bacaan talbiyah	8
SEJARAH HAJI	10
PENGERTIAN HAJI	13
NABI IBRAHIM MEMBANGUN KAABAH	14
Al-Masjidil Haram	15
Al-Baitul Haram	16
Pembangunan Kaabah	17
Di sekitar Kaabah	18
HUKUM-HUKUM HAJI	20
Haji diwajibkan sekali	22
Syarat wajib haji dan umrah	23
Pengertian berkuasa	23
Badal haji	24
Hikmah dan fadilat haji	25
Haji dengan berhutang	27
Haji orang yang mati	28
Haji wanita	28
Haji dengan wang haram	29
Tingkatan sahnya haji	29
Persiapan untuk haji	30



Persiapan zahir	30
Persiapan batin	30
TARAF ORANG YANG MENGERJAKAN HAJI	31
Kelebihan haji lebih dari sekali	31
ADAB ADAB PELAYARAN	32
BEKALAN DALAM PELAYARAN	38
SOLAT KETIKA MUSAFIR	39
Solat jamak dan qasar	40
Bahagian solat jamak	40
Syarat solat qasar	40
Syarat solat jamak takdim	40
Lafaz niat solat jamak takdim dan qasar	41
Syarat solat jamak takhir	42
Lafaz niat solat jamak takhir dan qasar	42
ADAB KETIKA MASUK KE NEGERI BARU	44
Doa ketika masuk ke negeri baru	44
Doa ketika masuk ke Tanah Haram	44
Doa ketika nampak kota Makkah	45
Doa ketika masuk ke Masjidil Haram	46
Lafaz niat iktikaf	47
Doa ketika nampak Kaabah	47
IBADAT HAJI	48
RUKUN HAJI	49
IHRAM	50
Pengertian ihram	50
Hukum ihram	50
Adab-adab ihram	50
Pakaian ihram	51
Solat sunat ihram	54
Jenis-jenis ihram & lafaz niat	54



Lafaz niat ihram mutlak dan ihram badal	55
Berihram dari miqat	56
Miqat makani haji dan umrah	58
Berihram dari tempat yang tiada miqat	59
Tidak berniat ihram ketika melalui miqat	60
Berniat ihram sesudah melalui miqat	60
Miqat makani bagi umrah	60
Yang diharamkan dalam masa berihram	60
CARA-CARA MENGERJAKAN HAJI	62
Tiga cara mengerjakan haji	62
Cara-cara mengerjakan haji ifrad	62
Cara-cara mengerjakan haji tamattuk	63
Cara-cara mengerjakan haji qiran	63
WUKUF DI ARAFAH	65
Pengertian wukuf di Arafah	65
Hukum wukuf di Arafah	65
Waktu wukuf di Arafah	65
Tempat berwukuf di Arafah	65
Keadaan orang yang berwukuf di Arafah	66
Kelebihan wukuf di Arafah	66
Sunat-sunat wukuf di Arafah	67
Doa ketika masuk ke Arafah	68
Doa ketika berziarah ke Jabal Rahmah	68
Doa yang diamalkan oleh baginda	
Rasulullah s.a.w. di Arafah	69
Amalan yang baik ketika wukuf di Arafah	69
Doa di Arafah	72
Doa sebelum meninggalkan Arafah	74



TAWAF	75
Pengertian tawaf	75
Hukum tawaf	75
Tempat tawaf	75
Kelebihan tawaf	77
Jenis-jenis tawaf	78
Niat-niat tawaf	79
Tempat menjatuhkan niat tawaf	79
Syarat-syarat tawaf	79
Sunat-sunat tawaf	80
Makruh-makruh tawaf	81
Solat sunat tawaf	82
Tempat-tempat afdal solat sunat tawaf	82
Doa sebelum membaca lafaz niat tawaf	83
Lafaz-lafaz niat tawaf	83
DOA-DOA TAWAF	85
Doa tawaf dari baginda Rasulullah s.a.w.	85
Doa tawaf yang dibaca setiap pusingan	86
-Doa tawaf pusingan pertama	86
-Doa tawaf pusingan kedua	87
-Doa tawaf pusingan ketiga	87
-Doa tawaf pusingan keempat	88
-Doa tawaf pusingan kelima	89
-Doa tawaf pusingan keenam	90
-Doa tawaf pusingan ketujuh	91
DOA-DOA TAWAF DI SETIAP RUKUN	92
Doa tawaf di hadapan Rukun Hajar Aswad	92
Doa tawaf di pintu Kaabah	92
Doa tawaf di Rukun Iraqi	92
Doa tawaf di bawah Mizab (pancuran emas)	92
Doa tawaf di Rukun Syami	93



Doa tawaf di Rukun Yamani	94
Doa tawaf di Rukun Hajar Aswad	94
Doa selepas solat sunat tawaf (di belakang Makam Ibrahim)	95
Doa ketika di Multazam	98
Doa ketika berada di Hijir Ismail	99
TELAGA ZAMZAM	101
Asal telaga Zamzam	101
Fadilat air Zamzam	101
Cara dan doa minum air Zamzam	103
SAI	104
Pengertian sai	104
Hukum sai	104
Syarat-syarat sai	104
Sunat-sunat sai	107
Lafaz-lafaz niat sai	107
Doa dan cara mengerjakan sai	108
DOA-DOA SAI	110
Doa sai perjalanan pertama	110
Doa sai perjalanan kedua	112
Doa sai perjalanan ketiga	115
Doa sai perjalanan keempat	117
Doa sai perjalanan kelima	119
Doa sai perjalanan keenam	121
Doa sai perjalanan ketujuh	124
Doa setelah selesai sai	126
TAHALLUL	128
Pengertian tahallul	128
Hukum tahallul	128
Bahagian tahallul	128
Syarat tahallul	129



Sunat-sunat tahallul	129
Kelebihan bercukur dari bergunting	131
TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN	132
WAJIB-WAJIB HAJI	132
BERMALAM DI MUZDALIFAH	133
Pengertian bermalam di Muzdalifah	133
Hukum bermalam di Muzdalifah	133
Sunat-sunat di Muzdalifah	133
Doa di Muzdalifah	134
Doa di Masyaril Haram	135
MELONTAR JAMRAH	138
Pengertian melontar	138
Hukum melontar	138
Masa melontar	138
Bahan lontaran	138
Cara-cara melontar tiga jamrah	138
Syarat-syarat melontar	139
Sunat-sunat melontar	139
Makruh melontar	140
Doa ketika melontar	140
Doa selepas melontar	141
Lambat atau tidak dapat melontar	141
Melontar dengan berwakil	142
Nafar awal	142
BERMALAM DI MINA	143
Pengertian bermalam di Mina	143
Hukum bermalam di Mina	143
Syarat bermalam di Mina	144
Doa ketika masuk ke Mina	144



TAWAF WADAK	145
Pengertian tawaf wadak	145
Hukum tawaf wadak	145
Tidak batal tawaf wadak	145
Yang disunatkan selepas tawaf wadak	146
Doa sebelum membaca lafaz niat tawaf wadak	146
Doa tawaf wadak di semua pusingan	147
Doa setelah selesai tawaf wadak di Multazam	149
BAYARAN DAM	151
Pengertian membayar dam	151
Sebab-sebab dikenakan dam	151
Bahagian bayaran dam	151
1. Tertib dan Takdir	151
2. Tertib dan Takdil	152
3. Takhyir dan Takdil	153
4. Takhyir dan Takdir	154
Tempat menyembelih dan membahagikan daging dam	155
Masa bagi menyembelih dam	155
Peringatan dam	155
SOLAT JENAZAH	156
Rukun solat jenazah	156
Cara-cara mengerjakan solat jenazah	156
SUJUD TILAWAH	160
Cara melakukan sujud tilawah di dalam solat	160
Cara melakukan sujud tilawah di luar solat	160
UMRAH	162
Masa mengerjakan umrah	163
Rukun-rukun umrah	163
Lafaz niat ihram umrah	163
Wajib-wajib umrah	164



MADINAH	165
Sejarah ringkas hijrah baginda Rasulullah s.a.w.	165
Kelebihan kota Madinah Al-Munawwarah	166
Masjid Nabawi	167
Kelebihan solat di Masjid Nabawi	167
Ziarah makam baginda Nabi Muhammad s.a.w.	169
Adab ziarah ke Masjid Nabawi	170
Ziarah ke makam baginda Nabi Muhammad s.a.w.	172
Salam kepada baginda Rasulullah s.a.w.	173
Salam kepada Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq r.a.	174
Salam kepada Saiyidina Umar Al-Khattab r.a.	175
Doa di makam baginda Rasulullah s.a.w.	176
Menyampaikan salam kepada baginda Rasulullah s.a.w.	176
Ziarah ke perkuburan Syuhadak Uhud	177
Salam dan doa di perkuburan Syuhadak Uhud	178
Tempat-tempat yang baik diziarahi di Madinah	178
Perkuburan Baqi	179
Salam dan doa di perkuburan Baqi	180
Masjid Quba dan fadilatnya	180
Ziarah wadak	181
Secebis harapan	182
Gambar-gambar dan informasi	183





AMALAN SEBELUM BERANGKAT KE TANAH SUCI

DOA PENERANG HATI

يَا اللَّهُ يَا رَبُّ يَا رَحْمَنُ يَا رَحِيمُ يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ يَا ذَا الْجَلَالِ
وَالْإِكْرَامِ 3 كالي

Maksudnya: “Wahai Allah. Wahai Tuhan. Wahai Yang Pengasih. Wahai Yang Penyayang. Wahai Yang Hidup. Wahai Yang Berdiri dengan Sendirinya. Wahai Yang Mempunyai Kebesaran Kemuliaan.”

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ. النُّورِ الذَّاتِيَّ
وَالسِّرِّ السَّارِيَّ. فِي جَمِيعِ الْأَسْمَاءِ وَالصِّفَاتِ. 3 كالي

Maksudnya: “Ya Allah, semoga Engkau limpahkan kesejahteraan, keselamatan, dan berkat atas junjungan kami Nabi Besar Muhammad s.a.w. yang mempunyai cahaya ketuhanan dan rahsia kebesaran yang mana rahsianya termasuk dalam semua nama dan sifat.”

يَا مَوْلَانَا يَا مُجِيبُ يَا حَاضِرُ لَا يَغِيبُ. تَوَسَّلْنَا إِلَيْكَ بِجَاهِ
الْحَبِيبِ. فَاقْضِ حَاجَاتِنَا بِقَرِيبٍ. 3 كالي

Maksudnya: “Wahai Yang Mulia, Yang Menjawab segala permohonan. Wahai yang sentiasa Ada, dan tidak pernah tiada. Kami mendekatkan diri kepadaMu dengan kehebatan yang Kau kasihi. Kabulkanlah segala hajat kami dengan segera.”



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فَهَمَ النَّبِيِّينَ. وَحِفْظَ الْمُرْسَلِينَ. وَإِلْهَامَ
الْمَلَائِكَةِ الْمُقَرَّبِينَ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. 3 كالي

Maksudnya: “Ya Allah, kami memohon kepadaMu, kefahaman para nabi, dan kehafalan para rasul, dan ilham para malaikat yang hampir. Dan semoga Allah mengurniakan tambahan rahmat kepada junjungan kami Nabi Muhammad s.a.w. juga kepada keluarga dan sahabatnya, dan kurniakan juga akan keselamatan.”

اللَّهُمَّ أَخْرِجْنَا مِنْ ظُلُمَاتِ الْجَهْلِ وَالْوَهْمِ. وَأَكْرِمْنَا بِنُورِ
الْعِلْمِ وَالْفَهْمِ. وَافْتَحْ عَلَيْنَا أَبْوَابَ فَضْلِكَ. وَانْشُرْ عَلَيْنَا
مِنْ خَزَائِنِ رَحْمَتِكَ. (يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ 3 كالي) وَصَلَّى اللَّهُ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ
رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Maksudnya: “Ya Allah, keluarkanlah kami dari kegelapan, kebodohan dan ragu-ragu. Dan muliakanlah kami dengan cahaya ilmu dan kefahaman. Dan bukakanlah atas kami pintu kurniaMu. Dan limpahkan atas kami rahmat dari perbendaharaan rahmatMu. (Wahai yang Maha Pengasih dan Penyayang - 3 kali). Dan semoga Allah mengurniakan tambahan rahmat kepada junjungan kami Nabi Muhammad s.a.w. juga kepada keluarga dan sahabatnya dan kurniakan juga akan keselamatan. Dan segala puji bagi Tuhan sekalian alam.”



ISTIGHFAR, TAHLIL DAN SELAWAT

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ — 70,000 kali

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ — 70,000 kali

صَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ — 70,000 kali

PENGHULU ISTIGHFAR

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ. أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya: "Ya Allah. Engkaulah Tuhanku. Tidak ada Tuhan yang patut disembah, hanya Engkau yang menjadikan aku. Aku hambaMu dan aku dalam genggamannya, aku dalam perjanjian beriman dan taat kepadaMu, sekadar kesanggupan yang ada padaku. Aku berlandung kepadaMu, dari kejahatan yang aku perbuat. Aku mengakui atas nikmat yang Engkau berikan kepadaku, dan mengakui atas dosaku, aku mohon keampunanMu, tidak ada yang dapat mengampuni dosa seseorang, hanya Engkau. Wahai Tuhanku."



SOLAT SUNAT TAUBAT

Solat sunat taubat adalah satu solat yang disunatkan, apabila seseorang mahu bertaubat ke hadrat Allah S.W.T.

Syarat bertaubat ialah:

1. Menyesal akan perbuatan yang dilakukan.
2. Berazam tidak akan melakukannya lagi.
3. Memohon keampunan dari Allah S.W.T.

Cara melakukan solat sunat taubat

Solat sunat taubat ini dilakukan seperti solat sunat yang lain, iaitu dua rakaat satu salam. Pada rakaat yang pertama sesudah surah Al-Fatihah bacalah surah Al-Kafirun. Pada rakaat yang kedua sesudah surah Al-Fatihah bacalah surah Al-Ikhlas. Sesudah salam, hendaklah memperbanyak istighfar dan memohon keampunan ke hadrat Allah S.W.T. Bacalah doa istighfar ini berulang kali:

1- أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ
وَأَتُوبُ إِلَيْهِ. 100 كالي

Maksudnya: "Aku mohon ampun kepada Allah yang Maha Agung yang tiada Tuhan melainkan Dia yang Maha Hidup lagi Berdiri (di atas ZatNya sendiri) dan aku bertaubat kepadaNya."

LAFAZ NIAT SOLAT SUNAT TAUBAT

أُصَلِّي سُنَّةَ التَّوْبَةِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: "Sahaja aku solat sunat taubat dua rakaat kerana Allah Taala."



DOA UNTUK MEMUDAHKAN MENUNAIKAN FARDU HAJI

اَللّٰهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا اَعْطَيْتَ وَلَا مُعْطِيٍّ لِمَا مَنَعْتَ وَلَا رَادَّ لِمَا قَضَيْتَ وَلَا يَنْفَعُ ذَا الْجَدِّ مِنْكَ الْجَدُّ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ اَنْ تُبَلِّغَنَا وَتُوصِّلَنَا وَاَوْلَادَنَا وَبَنَاتِنَا وَاَزْوَاجَنَا وَذُرِّيَّاتِنَا اِلَى مَكَّةَ الْمُكْرَمَةِ بَيْنَكَ الْحَرَامِ وَالْوُقُوفِ بِعَرَفَةَ لِاتِّمَامِ اَرْكَانِ الْاِسْلَامِ الْخَمْسَةِ الْحَجِّ وَالْعُمْرَةِ. وَاِلَى زِيَارَةِ قَبْرِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَدِيْنَةِ الْمُنَوَّرَةِ فِي هَذِهِ السَّنَةِ بِجَاهِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَقَوْلِكَ الْحَقُّ فِي كِتَابِكَ الْمُنَزَّلِ. اُدْعُوْنِي اَسْتَجِبْ لَكُمْ. اِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيْعَادَ. بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ. وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Maksudnya: “Ya Allah, tidak ada yang mencegah jika Engkau memberi. Dan tidak ada yang memberi jika Engkau mencegah dan tidak ada yang dapat menolak apa yang telah Engkau takdirkan. Dan tidak bermanfaat orang yang mempunyai kemuliaan daripada Engkau oleh kemuliaannya. Ya Allah, kami memohon kepadaMu, supaya kami dan anak-anak kami serta isteri-isteri kami dan keturunan kami disampaikan ke Makkah Al-Mukarramah rumahMu yang dimuliakan. Dan dapat berwukuf di padang Arafah, untuk menyempurnakan rukun Islam yang kelima iaitu haji dan



umrah. Dan juga dapat menziarahi makam Nabi kami Muhammad s.a.w di Madinah al-Munawwarah pada tahun ini. Dengan berkat kebesaran Nabi kami Muhammad s.a.w dan juga firmanMu yang benar di dalam kitabMu yang diturunkan (Al-Quran). “Mintalah kepadaKu, nescaya aku mustajabkan.” Sesungguhnya Engkau tidak mungkir janji. Dengan rahmatMu, wahai Yang Pengasih lagi Penyayang. Dan semoga Allah mengurniakan tambahan rahmat kepada junjungan kami Nabi Muhammad s.a.w juga kepada keluarga dan sahabatnya dan kurniakan juga dengan keselamatan. Dan segala puji bagi Tuhan sekalian alam.”

**DOA UNTUK DIBERI KESEMPATAN BERZIARAH
KE BAITULLAH AL-HARAM**

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ عَدَدَ الرَّمْلِ
الرَّقِيقِ. صَلَاةً تَرْزُقُنَا بِهَا مِنْ اَهْلِ التَّوْفِيقِ. وَتُبَلِّغُنَا بِهَا
الْحُضُوْرَ اِلَى بَيْتِ الْعَتِيقِ. وَزِيَارَةَ قَبْرِهٖ وَقَبْرِ اَبِيْ بَكْرٍ الصِّدِّيقِ.
وَعَلٰى اٰلِهٖ اَجْمَعِيْنَ.

Maksudnya: “Ya Tuhan kami, semoga Engkau limpahkan kesejahteraan, keselamatan dan berkat atas junjungan kami Nabi Besar Muhammad s.a.w sebanyak hitungan pasir yang halus. Semoga Engkau masukkan kami ke dalam golongan orang yang mendapat taufik. Dan semoga Engkau sampaikan kami dapat hadir ke rumahMu yang mulia. Dan berziarah ke makam Nabi Muhammad s.a.w dan saiyidina Abu Bakar Siddiq r.a. Selawat dan salam atas keluarga Nabi Muhammad s. a.w dan sahabat sekalian.”



DOA SELEPAS MEMBACA AL-QURAN SETIAP HARI

اَللّٰهُمَّ اَنْفَعْنَا بِالْقُرْآنِ. وَعُصِّنَا بِالْغُفْرَانِ. وَاجْمَعْنَا عَلَى الْإِيْمَانِ.
اَللّٰهُمَّ اجْعَلْهُ لَنَا إِمَامًا وَهُدًى وَرَحْمَةً. اَللّٰهُمَّ ذَكِّرْنَا مِنْهُ مَا
نَسِينَا. وَعَلِّمْنَا مِنْهُ مَا جَهِلْنَا. وَارْزُقْنَا تِلَاوَتَهُ اَنَاءَ اللَّيْلِ
وَأَطْرَافِ النَّهَارِ. وَاجْعَلْهُ حُجَّةً لَنَا لَا حُجَّةَ عَلَيْنَا. وَانْظُرْ
بَوَجْهِكَ الْكَرِيمِ. يَا كَرِيْمُ اِلَيْنَا. وَصَلَّى اللهُ وَسَلَّمْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ بِعَدَدِ جَمِيعِ مَا فِي الْقُرْآنِ حَرْفًا حَرْفًا. وَبِكُلِّ
حَرْفٍ أَلْفًا أَلْفًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami berilah kemanfaatan bagi kami dengan Al-Quran. Dan liputilah kami dengan keampunan. Dan himpunkanlah kami di atas iman. Wahai Tuhan kami jadikanlah Al-Quran itu, imam bagi kami dan petunjuk serta rahmat. Wahai Tuhan kami ingatkanlah kami daripada Al-Quran akan ayat-ayat (kalimah) yang kami lupa. Dan ajarkanlah kami daripadanya barang yang kami jahil. Dan berilah kemudahan bagi kami akan membacanya di masa malam dan siang. Dan jadikanlah akan Al-Quran hujjah (bukti) penolong bagi kami, bukan hujjah (bukti) yang memberatkan kami. Dan pandanglah dengan wajah Engkau Yang Mulia kepada kami, wahai Tuhan Yang Maha Pemurah, Semoga rahmat Allah dan sejahtera dilimpahkan atas penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w. sebilangan sekalian barang yang ada dalam Al-Quran satu huruf demi satu huruf. Dan dengan tiap-tiap huruf beribu-ribu huruf. Dan segala puji bagi Allah Tuhan seru sekalian alam."



BACAAN TALBIYAH

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ
وَالنُّعْمَةَ، لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ.

Maksudnya: "Aku menyahut wahai Tuhanku aku menyahut (panggilan Nabi Ibrahim). Tiada sekutu bagiMu, aku menyahut akan panggilan itu. Segala pujian dan kebaikan bagiMu, dan pemerintahan juga bagiMu, Tiada sekutu bagiMu."

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ.
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ. كَمَا
بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ. وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ.
فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

Maksudnya: "Ya Allah, kurniakanlah tambahan rahmat kepada junjungan kami Nabi Muhammad dan kepada keluarga junjungan kami Nabi Muhammad. Sebagaimana Engkau telah mengurniakan rahmat ke atas junjungan kami Nabi Ibrahim dan kepada keluarga junjungan kami Nabi Ibrahim. Kurniakanlah keberkatan kepada junjungan kami Nabi Muhammad dan kepada keluarga junjungan kami Nabi Muhammad. Sebagaimana Engkau telah mengurniakan keberkatan kepada junjungan kami Nabi Ibrahim dan kepada keluarga junjungan kami Nabi Ibrahim. Di dalam seluruh alam, sesungguhnya Engkau adalah Maha Terpuji lagi Mulia."



اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ وَاَعُوْذُبِكَ مِنْ سَخَطِكَ
وَالنَّارِ.

Maksudnya: “Ya Allah, aku memohon keredaanMu, dan surga dan aku memohon dengan Engkau dijauhkan dari kemarahanMu dan api neraka.”



SEJARAH HAJI

Menurut pendapat jumhur ulama ibadat haji difardukan pada tahun ke enam Hijrah. Pada tahun itulah turun ayat:

وَاتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Maksudnya: "Dan sempurnakanlah olehmu haji dan umrah kerana Allah."
- (Al-Baqarah: 196)

Dimaksudkan dengan sempurnakanlah di sini ialah kerjakanlah atau lakukanlah.

Dalam pada itu, Ibnul Qaiyim menguatkan pendapat yang menetapkan, bahawasanya ibadat haji difardukan pada tahun kesembilan atau kesepuluh Hijrah. Tahun Nabi Muhammad s.a.w. melaksanakan hajinya, yang kemudian terkenal dengan haji wadak.

Haji telah terkenal di zaman jahiliah. Orang-orang jahiliah bertawaf dengan bertelanjang. Sesudah Islam, adat jahiliah yang bertelanjang dalam bertawaf dihapuskan, seperti halnya dengan kemungkaran-kemungkaran yang lain.

Ibadat haji juga terdapat dalam syariat-syariat yang lain. Ada yang mengatakan bahawasanya Nabi Adam a.s. berulang kali mengerjakan haji. Malaikat Jibril memberi tahu kepada Nabi Adam a.s. bahawa malaikat bertawaf di keliling kawasan Kaabah. Nabi Ishak dan nabi-nabi sesudah Nabi Ibrahim a.s. juga mengerjakan haji. Menurut sebahagian ulama, semua nabi mengerjakan haji.

Di antara ayat-ayat yang menandakan bahawasanya haji telah ada sebelum islam, ialah:

وَإِذَا بَوَّأْنَا لِإِبْرَاهِيمَ مَكَانَ الْبَيْتِ أَنْ لَا تُشْرِكْ بِي شَيْئًا وَطَهِّرْ
بَيْتِي لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ.



Maksudnya: “Dan ingatlah ketika Kami menempatkan Ibrahim a.s. di Baitullah, Kami berfirman padanya “Jangan engkau menyekutukan Aku dengan sesuatu, dan sucikanlah rumahKu untuk orang-orang yang tawaf, i’tikaf, rukuk dan sujud.”- (Al-Haj 26).

Allah s.w.t. berfirman pula:

وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ.

Maksudnya: “Dan serukanlah hai Ibrahim kepada manusia tentang hal haji, nescaya mereka akan datang kepada engkau dari segenap penjuru.”- (Al-Haj:27).

Rasulullah s.a.w. bersabda yang diriwayatkan oleh Bukhari dari As-Syabi:

كَانَ صَنْمٌ بِالصَّفَا يُدْعَى آسَافًا . وَوَثْنٌ بِالْمَرْوَةِ يُدْعَى نَائِلَةً فَكَانَ أَهْلُ الْجَاهِلِيَّةِ يَسْعَوْنَ بَيْنَهُمَا ، فَلَمَّا جَاءَ الْإِسْلَامُ رَمَى بِهَا . وَقَالَ إِنَّمَا كَانَ ذَلِكَ يَصْنَعُهُ أَهْلُ الْجَاهِلِيَّةِ مِنْ أَجْلِ أَوْثَانِهِمْ . فَأَمْسَكُوا عَنِ السَّعْيِ بَيْنَهُمَا .

Maksudnya: “Di Safa ada satu berhala yang dinamakan Asaaf dan di Marwah ada satu berhala yang dinamakan Nailah. Orang-orang jahiliyah bersai di antara keduanya. Setelah datangnya Islam, berhala-berhala itu disingkirkan dari situ. Umat Islam beranggapan bahawa orang-orang jahiliyah bersai kerana berhala. Lantaran itu, umat Islam enggan bersai, maka Allah s.w.t. menurunkan ayat:

فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى : (إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ).

Maksudnya: “Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah dari syiar-syiar Allah.”
- (Al-Baqarah: 158).



Dalam sebahagian riwayat, diterangkan bahawa tatkala turun ayat haji:

وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا.

Maksudnya: "Allah mewajibkan semua manusia melakukan ibadah haji di Baitullah, iaitu bagi orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke sana." - (Ali-Imran: 97).

Rasulullah s.a.w. mengumpulkan orang-orang musyrikin, Nasara, Yahudi, Majusi dan syabiin serta memberi tahu mereka bahawa Allah s.w.t. telah menfardukan haji, dan hendaklah mereka semua berhaji. Kerananya turunlah ayat lanjutan Fiman Allah s.w.t.:

وَمَنْ كَفَرَ فَاِنَّ اللّٰهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِيْنَ.

Maksudnya: "Dan barangsiapa kufur (tidak mahu mengerjakan haji), maka sesungguhnya Allah sentiasa Maha Kaya dari semesta alam." (Ali-Imran: 97).

Telah sama diketahui, bahawasanya Rasulullah s.a.w. berhaji sekali sahaja, pada tahun kesepuluh Hijrah. Sedangkan para muslimin telah berhaji pada tahun kesembilan Hijrah, sesudah pembukaan Makkah, dan yang bertindak sebagai Amirulhaj ialah Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq r.a.

Tidak turutnya Baginda Rasulullah s.a.w. bersama para sahabat, kerana orang-orang musyrikin masih berpegang kepada perjanjian perdamaian Hudaibiah. Mereka masih masuk ke dalam masjid dan bertawaf dalam keadaan bertelanjang. Lantaran itu, Nabi Muhammad s.a.w. menunda hajinya selama satu tahun.

Pada tahun kesepuluh Hijrah, Nabi Muhammad s.a.w. menyuruh Saiyidina Ali k.w. menyusul Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq r.a. dan menyampaikan kepada khalayak yang berkumpul pada hari Nahar bahawa orang-orang musyrikin tidak dibenarkan berhaji lagi pada tahun-tahun mendatang dan tidak boleh ada orang yang bertawaf dengan bertelanjang.



Dengan yang demikian, jadi mulialah Kaabah sebagai tempat menyembah Allah s.w.t. sahaja, dan murnilah Masjidil Haram untuk orang-orang yang mengerjakan tawaf, rukuk dan sujud.

Pada tahun kesepuluh Hijrah, barulah Nabi Muhammad s.a.w. mengerjakan haji, yang kemudian terkenal dengan Haji Wadak. Haji Nabi inilah yang menjadi pegangan kita dalam mempelajari dan mengerjakan ibadat haji.

PENGERTIAN HAJI

Haji menurut bahasa ialah menuju ke suatu tempat berulang kali atau menuju kepada sesuatu yang dibesarkan. Oleh kerana para muslimin mengunjungi Baitullahil Haram berulang kali pada tiap-tiap tahun, maka ibadah tersebut dinamakan dengan Haji atau Nusuk (ibadat). Atau kerana Baitullahil Haram merupakan satu tempat yang dibesarkan, dinamakanlah pekerjaan mengunjunginya dengan Haji.

Allah s.w.t. menjadikan Baitullahil Haram satu tempat yang dituju oleh manusia pada setiap tahun.

Allah s.w.t. menerangkan dengan firmanNya:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمْنًا

Maksudnya: "Dan (ingatlah), ketika Kami menjadikan rumah itu (Baitullahil Haram) tempat berkumpul bagi manusia dan tempat yang aman." - (Al-Baqarah: 125).

Baitullahil Haram adalah satu tempat yang didatangi oleh manusia pada setiap tahun. Lazimnya mereka yang sudah pernah mengunjungi Baitullahil Haram, akan timbul keinginannya untuk kembali lagi bagi kali yang kedua kalinya dan seterusnya.

Makna Hijjulbait menurut syarak, ialah mengunjungi Baitullahil Haram dengan sifat yang tertentu, di waktu yang tertentu, disertai oleh perbuatan-perbuatan yang tertentu pula. Para ulama telah sepakat mengkhususkan kalimat Haji untuk mengunjungi Kaabah buat menyelesaikan manasik haji.



Allah s.w.t memerintahkan Nabi Ibrahim a.s. membangun sebuah rumah di Makkah. Nabi Ibrahim a.s. melaksanakan perintah tersebut dengan membangunkan Kaabah bersama-sama puteranya Nabi Ismail a.s. Selesai pembangunan dikerjakan, Allah s.w.t. memerintahkan Nabi Ibrahim a.s. agar memberitahukannya kepada umat manusia dan harus dikunjungi sebagai tempat beribadat.

Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Ismail a.s. bermohon ke hadrat Allah s.w.t. supaya diajarkan manasik yang harus mereka kerjakan.

NABI IBRAHIM a.s. MEMBANGUN KAABAH

Al-Quran dan As-Sunnah telah mengisyaratkan dengan jelas tentang pembinaan Kaabah yang mulia oleh Nabi Ibrahim a.s. bersama puteranya Nabi Ismail a.s. Hal ini telah diterangkan dalam surah Al-Baqarah: 127 dan surah Al-Haj: 26.

Ibnu Abbas r.a. menceritakan kisah kedatangan Nabi Ibrahim a.s. bersama isterinya Hajar dan puteranya Nabi Ismail a.s. ke Makkah. Kawasan Baitullah, pada ketika itu merupakan suatu tanah rendah yang sering dilanda banjir dari kiri dan kanan. Keadaan demikian berjalan beberapa lama hingga pada satu ketika datang keluarga dari Jurhum.

Sesudah mendapat izin dari Hajar, ibunda Nabi Ismail a.s., mereka pun tinggal di situ. Pada satu ketika sesudah mendapat perintah dari Allah s.w.t. supaya membangun sebuah rumah, Nabi Ibrahim a.s. datang bertemu dengan anaknya Nabi Ismail a.s. dan menerangkan kepadanya. Sesudah ditunjukkan tapak rumah itu, mereka mula membangunkannya. Nabi Ismail a.s. membawa batu dan Nabi Ibrahim a.s. yang menyusunnya. Setelah dinding rumah agak tinggi, dibawalah sebuah batu dan diletakkan untuk tempat berpijak bagi Nabi Ibrahim a.s. dalam menyusun batu-batu dinding. Sambil Nabi Ismail a.s. memberikan batu kepada Nabi Ibrahim a.s. kedua mereka mengucapkan:

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami, terimalah daripada kami, sesungguhnya Engkau sentiasa Mendengar lagi sentiasa Mengetahui."

Doa ini tetap dibaca oleh Nabi Ibrahim a.s. dan juga anaknya Nabi Ismail



a.s. ketika mengelilingi bangunan yang telah diselesaikan. Demikianlah yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam sahihnya.

AL-MASJIDIL HARAM

Firman Allah s.w.t.:

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ ﴿٩٦﴾
 فِيهِ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ مِّمَّا قَامَ إِبْرَاهِيمُ وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا وَلِلَّهِ
 عَلَى النَّاسِ حُجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ
 عَنِ الْعَالَمِينَ ﴿٩٧﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya permulaan rumah-rumah yang pertama dibina untuk tempat manusia beribadat adalah rumah yang di Makkah, yang mendapat berkat dan menjadi petunjuk bagi seluruh alam," Padanya ada tanda-tanda yang nyata, iaitu makam Ibrahim. Barangsiapa masuk ke dalamnya, niscaya amanlah dia. Dan wajib haji kerana Allah atas orang yang mempunyai kemungkinan untuk sampai ke sana. Dan barangsiapa kufur (tidak mahu mengerjakan haji) maka sesungguhnya Allah itu Maha Kaya dari semesta alam," - (Ali-Imran: 96-97).

Bakkah itulah yang dinamakan Makkah. Dia dinamakan juga dengan Ummul-Qura. Terletak di perut lembah yang dilingkungi oleh bukit-bukit yang tinggi. Jeddah yang menjadi muaranya ke Laut Merah. Tingginya dari permukaan laut kira-kira 280m. Di tengah-tengah kota Makkah, terletak Al-Masjidil Haram yang terdiri atas beberapa tingkat. Luasnya mencecah lebih 300,000 meter persegi dan mampu menampung sekurang-kurangnya 700,000 jemaah pada satu masa.



AL-BAITUL HARAM

Di tengah-tengah Al-Masjidil Haram terdapat sebuah bangunan besar yang hampir-hampir empat persegi dan tingginya lebih kurang 15m. Dinding di antara Rukun Hajar Aswad dan Rukun Iraqi lebih kurang 11.8m. Dinding di antara Rukun Iraqi dan Rukun Syami lebih kurang 10.22m. Di antara Rukun Syami dan Rukun Yamani lebih kurang 11.9m. Di antara Rukun Yamani dan Rukun Hajar Aswad lebih kurang 10.13m.

Inilah bangunan yang dinamakan Al-Kaabah Al-Musyarrafah dan dinamakan juga Al-Bait. Sesuai dengan firman Allah:

وَإِذْ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَثَابَةً لِّلنَّاسِ وَأَمْنًا

Maksudnya: "Dan ketika kami jadikan Al-Bait tempat kembali manusia dan tempat yang aman." - (Al-Baqarah: 125).

Juga dinamakan Al-Baitul Haram. Sesuai dengan firman Allah s.w.t.:

جَعَلَ اللَّهُ الْكَعْبَةَ الْبَيْتَ الْحَرَامَ قِيَمًا لِّلنَّاسِ

Maksudnya: "Allah telah menjadikan Kaabah, Al-Baitul Haram untuk menjadi penggerak hidup bagi manusia." - (Al-Maidah: 97).

Dinamakan juga Al-Baitul Atiq. Sesuai dengan firman Allah:

وَلْيُوفُوا نُذُورَهُمْ وَلِيَطَّوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ

Maksudnya: "Dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazar mereka dan mentawafi Al-Baitul Atiq." - (Al-Haj: 29).

Ialah kiblat umat Islam di dalam solat. Oleh kerana ia terletak di tengah-tengah Al-Masjidil Haram agak ke selatan sedikit, maka setiap orang yang menghadapkan mukanya ke arah Al-Masjidil Haram, bererti mengarahkan mukanya kepada Baitul Haram. Allah s.w.t. telah menyandarkan rumah itu kepada diriNya dalam firmanNya kepada Nabi Ibrahim a.s.:



وَطَهَّرَ بَيْتِي لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ ﴿٦٦﴾

Maksudnya: “Dan sucikanlah rumahKu untuk orang-orang yang tawaf untuk orang-orang yang berdiri dan untuk orang-orang yang rukuk, sujud.” - (Al-Haj: 26).

Pada zaman Nabi Ibrahim a.s. perumahan dibangun jauh dari Kaabah. Bermula pada zaman Quraisy, orang-orang Quraisy membangun rumah-rumah mereka berhampiran dengan Kaabah dan mengelilinginya.

Kaabah mempunyai empat sudut (Rukun)

Pertama: Rukun Iraqi terletak di sebelah Utara.

Kedua: Rukun Syami terletak di sebelah Barat.

Ketiga: Rukun Yamani terletak di sebelah Selatan.

Keempat: Rukun Hajar Aswad terletak di sebelah Timur.

(Tempat terletakinya Hajar Aswad)

PEMBANGUNAN KAABAH

Ada riwayat yang mengatakan bahawa pembangunan Kaabah telah dilakukan sebagai berikut:

- (1) Oleh Malaikat.
- (2) Oleh Nabi Adam a.s.
- (3) Oleh Nabi Syith a.s.
- (4) Oleh Nabi Ibrahim a.s.
- (5) Oleh Orang-orang Amalika.
- (6) Oleh Jurhum.
- (7) Oleh Qusyai.
- (8) Oleh Abdul Mutalib.
- (9) Oleh Quraisy.



- (10) Oleh Abdullah Ibnu Zubair.
- (11) Oleh Al-Hajjaj Ibnu Yusuf.
- (12) Oleh Sultan Murad Khan Al-Uthmani.

Bangunan ini dinamakan Kaabah ialah kerana ia bersegi empat. Dalam bahasa Arab, tiap-tiap bangunan yang bersegi empat, dinamakan Kaabah. Ada yang mengatakan ia dinamakan Kaabah kerana terasing dari bangunan yang lain dan ada pula yang mengatakan kerana ia tinggi.

Al-Masjidil Haram pada masa dahulu, sehingga pada masa baginda Rasulullah s.a.w. dan Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq r.a. tidak berding. Pada tahun 17 Hijrah, Saiyidina Umar Al-Khattab r.a. mula membuat dinding yang rendah tidak sampai setinggi badan orang biasa. Sesudah Saiyidina Umar Al-Khattab r.a. menjadi Khalifah, beliau membeli bangunan-bangunan atau rumah-rumah yang di sekitar masjid, untuk meluaskan masjid dan membuat dinding. Kemudian pada tahun Hijrah yang ke 26 Saiyidina Othman r.a. meluaskan lagi.

DI SEKITAR KAABAH TERDAPAT

Al-Hatim - Satu bangunan yang berlengkung separuh bulatan terletak di sebelah utara Kaabah, lebih kurang 2m jauhnya dari Kaabah dan tingginya lebih kurang 1m.


Hijir Ismail - Satu lapangan yang terletak antara Kaabah dan Hatim (tembok Hijir Ismail). Dahulu, Hijir Ismail di dalam Kaabah.

Makam Ibrahim - Batu tempat Nabi Ibrahim a.s. berdiri ketika membangunkan Kaabah dan puteranya Nabi Ismail a.s. memberikan batu kepadanya.

Mizab - Pancuran air yang terletak di atas sutuh Kaabah, di antara Rukun Iraqi dan Rukun Syami. Mizab sekarang lebih dikenali sebagai Pancuran Emas.



GRAFIK PERSEKITARAN KAABAH



Halijah Travel copyright 2010



HUKUM-HUKUM HAJI

Haji adalah salah satu ibadah yang difardukan. Ini sesuai dengan firman Allah s.w.t:

وَلِلّٰهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ اِلَيْهِ سَبِيْلًا

Maksudnya: "Allah mewajibkan semua manusia melakukan ibadah haji di Baitullah, iaitu bagi orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke sana." - (Ali-Imran: 97).

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim dari Ibnu Omar beliau berkata:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ، شَهَادَةُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَحِجُّ الْبَيْتِ مَنْ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَصَوْمُ رَمَضَانَ.

Maksudnya: "Saya mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Islam didirikan atas lima sendi; Mengakui bahawasanya tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawasanya Muhammad pesuruh Allah, mengerjakan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah bagi yang mampu untuk ke sana dan berpuasa di bulan Ramadan." - (Bukhari dan Muslim).

Al-Quran, As-Sunnah, Ijmak dan para ahli kias, menetapkan bahawasanya haji itu merupakan fardu ain bagi para muslim dan muslimat yang sanggup mengerjakannya.

Apabila seseorang mengingkari kefarduan haji, maka ia menjadi kufur dan murtad (keluar dari agama Islam). Sangat disenangi supaya orang yang telah wajib mengerjakan haji, bersegera mengerjakannya, mengingati firman Allah s.w.t.:



فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ.

Maksudnya: "Maka berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebajikan."

- (Al-Baqarah: 148).

Apabila dilambat-lambatkan melaksanakannya, ada kemungkinan akan luput haji itu dikerjakan. Walaubagaimanapun, sebahagian ulama berpendapat boleh ditakhirkan dari tahun ke tahun.

Menurut Imam Abu Hanifah, Malik, Ahmad, Abu Yusuf dan sebahagian ulama Syafiiyah, haji itu wajib disegerakan perlaksanaannya.

Inilah yang dipegang oleh al-Muzani dan inilah pendapat jumhur ulama Hanafiah. Mereka berhujah dengan firman Allah s.w.t.:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Maksudnya: "Dan sempurnakanlah haji dan umrah kerana Allah."

- (Al- Baqarah: 196).

Kerana firman Allah s.w.t. ini merupakan satu perintah, maka sewajarnya perintah itu wajib segera dikerjakan. Di samping itu, perhatikan pula hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan dari Ibnu Abbas:

مَنْ أَرَادَ الْحَجَّ فَلْيَعْجَلْ فَإِنَّهُ قَدْ يَمْرُضُ الْمَرِيضُ وَتَضِلُّ الرَّاحِلَةُ وَتَكُونُ الْحَاجَةُ.

Maksudnya: "Barangsiapa hendak mengerjakan haji maka hendaklah dikerjakan dengan segera, kerana dia mungkin sakit; akan hilang kenderaannya dan timbul keperluan-keperluan yang lain."

As-Syafie menetapkan hadis ini kepada sunat melakukan ibadat haji dengan segera.



Mengingati haji itu adalah satu yang wajib diberikan kafarah apabila dirosakkan, maka ini sama dengan puasa.

HAJI DIWAJIBKAN SEKALI SAHAJA

Syariat Islam mewajibkan haji atas mukallaf dalam seumur hidup sekali. Seluruh ulama berijmak menetapkan, bahawasanya haji itu tidak berulang-ulang, diwajibkan sekali sahaja untuk seumur hidup, terkecuali kalau dinazarkan. Selain dari sekali yang wajib, maka yang lebih dari sekali dipandang sunat.

Diriwayat dari Abi Hurairah r.a. beliau berkata:

خَطَبَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : يَا أَيُّهَا
النَّاسُ كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْحَجُّ.

Maksudnya: Rasulullah s.a.w. berkhutbah di hadapan kami baginda bersabda: "Wahai manusia, telah difardukan haji atas kamu."

فَقَامَ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسٍ فَقَالَ : أَفِي كُلِّ عَامٍ يَا رَسُولَ
اللَّهِ؟ فَقَالَ : لَوْ قُلْتُ نَعَمْ لَوَجَبْتُ، وَلَوْ وَجَبْتُ لَمْ تَعْمَلُوا
بِهَا وَلَمْ تَسْتَطِيعُوا، الْحَجُّ مَرَّةً فَمَنْ زَادَ فَهُوَ تَطَوُّعٌ.

Maksudnya: Maka telah berdiri al-Aqrak ibnu Habis dan bertanya: "Apakah pada tiap-tiap tahun ya Rasulullah?." Nabi menjawab: "Sekiranya aku mengatakan ya! tentulah anda tidak dapat melakukannya dan tentulah anda tidak menyanggupinya. Haji hanya sekali. Maka barangsiapa mengerjakan lebih dari sekali, yang demikian itu merupakan amalan sunat."

**SYARAT WAJIB HAJI DAN UMRAH ADALAH SAMA**

1. **Islam** - Tidak wajib dan tidak sah bagi orang kafir dan murtad.
2. **Baligh** - Tidak diwajibkan haji ke atas kanak-kanak dan jika ia mengerjakannya, adalah sah tetapi tidak gugur haji fardunya.
3. **Berakal** - Tidak wajib ke atas orang yang gila, hajinya tidak sah jika dilakukan.
4. **Merdeka** - Hamba abdi tidak diwajibkan haji, jika dilakukan hajinya sah dan mendapat pahala.
5. **Berkuasa** - Orang yang mengerjakan haji itu mempunyai kesanggupan untuk melakukannya.

Berkuasa mengerjakan haji dan umrah terbahagi dua:

Pertama: Berkuasa dengan sendirinya.

Kedua: Berkuasa dengan pertolongan orang lain.

Berkuasa dengan sendirinya ialah:

1. Berkuasa membayar tambang-menambang dan segala perbelanjaan bagi pekerjaan haji hingga selesai dan balik ke tempatnya.
2. Mempunyai bekalan yang cukup untuk saraan dan nafkah orang yang di bawah tanggungannya.
3. Ada kenderaan pergi dan balik.
4. Aman di dalam perjalanan pergi dan balik, seperti tidak ada peperangan, perompak, penyamun dan musuh yang mengancam diri atau harta bendanya, atau tidak ada penyakit yang membahayakan tubuh badannya.
5. Sihat tubuh badan.
6. Ada masa untuk mengerjakan haji dan umrah.
7. Dengan izin suami atau wali (bagi wanita).
8. Ditemani oleh suami atau mahramnya atau perempuan-perempuan yang dipercayai (bagi wanita).



Berkuasa dengan pertolongan orang lain ialah:

Bagi mereka yang sudah mencukupi syarat-syarat dari segi kewangan untuk menunaikan fardu haji, tetapi tidak dapat mengerjakannya sendiri, disebabkan oleh uzur atau sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh, atau terlalu tua umurnya, dan telah putus asa serta yakin yang dia tidak dapat menunaikan fardu haji, maka bolehlah digantikannya dengan orang lain untuk mengerjakan haji bagi dirinya dengan upah yang berpatutan, atau dengan sukarela.

Begitu juga orang yang telah meninggal dunia yang berupaya semasa hayatnya, tetapi tidak mengerjakan haji, maka terhutanglah fardu haji ke atasnya. Sehingga warisnya atau orang yang menerima wasiatnya menyelenggarakan hutang hajinya iaitu dengan memberi upah yang berpatutan atau sukarela.

BADAL HAJI

Orang yang hendak mengerjakan badal haji disyaratkan:

1. Dia telah menunaikan fardu haji untuk dirinya sendiri dengan sempurna.
2. Melakukan badal haji hanya untuk seorang sahaja pada satu musim.
3. Berihram dari miqat orang yang dihajikannya, atau pada yang sama jauhnya dengan miqat itu. Hendaklah berihram pada miqat yang telah ditentukan. Jika tidak, bolehlah berihram dari miqat yang dilaluinya.
4. Hendaklah dia mahir dalam mengerjakan ibadat haji, dan dapat menyempurnakannya sebagaimana dia menyempurnakan ibadat hajinya sendiri.

Rasulullah s.a.w.bersabda:

عَنْ لَقِيطِ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنَّ أَبِي شَيْخٌ كَبِيرٌ لَا يَسْتَطِيعُ
الْحَجَّ وَلَا الْعُمْرَةَ وَلَا الطَّعْنَ، قَالَ حُجَّ عَنْ أَبِيكَ وَاعْتَمِرْ.



Maksudnya: Daripada Laqit bin Amir r.a. bahawasanya dia telah mengadap Baginda Rasulullah s.a.w. dan berkata: “Bahawa bapa hamba seorang yang telah tua, tidak berdaya menunaikan haji dan umrah dan tidak berkuasa mengikuti rombongan atau berjalan untuk mengerjakan haji dan umrah”. Sabdanya: “Tunaikanlah haji untuk bapakmu dan umrahnya.” - (Abu Daud dan Tarmizi).

HIKMAH DAN FADILAT HAJI

Haji ialah syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. sebagai membaharui dan menyambung ajaran Nabi Ibrahim a.s. Di antara hikmat-hikmat yang dapat diselami ialah:

1. Melatih umat Islam yang berada di seluruh alam ini, supaya bersatu haluan dalam meninggikan syiar Islam, berganding bahu untuk menegakkan agama Allah s.w.t. Sesuai dengan firmanNya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا
 إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami jadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak, supaya kamu berkenal-kenalan di antara satu sama lain. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah, ialah yang lebih takwanya di antara kamu. Sesungguhnya Allah sangat-sangat Mengetahui lagi amat Luas PengetahuanNya.” - (Al-Hujurat: 13).

2. Tegasnya ibadat haji merupakan lambang perpaduan umat Islam supaya sentiasa berada dalam ikatan perpaduan yang teguh bagi menghadapi cabaran-cabaran dunia yang beraneka ragam.
3. Manakala melontar pula, adalah melambangkan tanda kesucian rohani, dalam memperhambakan diri dan kesabaran terhadap perintah-perintah Allah s.w.t. supaya penganut-penganut Islam menjadikannya sebagai teladan di atas pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. hendak menyembelih anaknya Nabi Ismail a.s. sebagai ganti korban.



4. Begitu juga sai. Ia mencerminkan peristiwa Siti Hajar isteri Nabi Ibrahim a.s. yang berlari berulang-alik di antara Safa dan Marwah, kerana mencari air untuk anaknya di tengah-tengah padang pasir yang kering kontang untuk minuman anaknya Nabi Ismail a.s., sehingga terpancar air zamzam dari bumi yang diberkati.
5. Manusia adalah makhluk Allah s.w.t. yang paling istimewa sekali berbanding dengan makhluk-makhluk lain, kerana dikurniakan kepadanya akal dan nafsu. Dengan ini manusia akan beroleh darjat yang paling tinggi, sekiranya dia mempergunakan akalnya dengan sempurna. Tetapi sebaliknya pula dia akan menerima padah yang amat menyedihkan, kalau hawa nafsunya dapat mempengaruhinya. Salah satu jalan untuk memohon keampunan dosa itu dan segera kembali balik kepangkuan jalan Allah s.w.t. yang diredai ialah dengan menunaikan fardu haji. Sesuai dengan sabda baginda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتَ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ خَرَجَ مِنْ ذُنُوبِهِ
كَيَوْمٍ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ.

Maksudnya: "Barangsiapa menunaikan haji ke Baitullah sedangkan dia tidak melakukan persetubuhan dan perkara-perkara yang dilarang, maka bersihlah dia dari dosanya seperti pada hari dia dilahirkan oleh ibunya." - (Bukhari dan Muslim).

Sabdanya lagi:

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ
لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ.

Maksudnya: "Dosa yang berlaku di antara umrah dihapuskan dan tidak ada balasan bagi haji yang mabrur (yang diterima) melainkan syurga." - (Bukhari dan Muslim).



Sabdanya lagi:

النَّفَقَةُ فِي الْحَجِّ كَالنَّفَقَةِ فِي سَبِيلِ اللَّهِ. الدَّرْهَمُ بِسَبْعِمِائَةٍ ضِعْفٍ.

Maksudnya: “Perbelanjaan yang dibelanjakan untuk haji itu samalah seperti perbelanjaan untuk sabilillah. Satu dirham dibalas dengan tujuh ratus kali ganda.” - (Ibnu Syaibah, Ahmad dan At-Tabrani).

Sabdanya lagi:

مَنْ مَاتَ بِمَكَّةَ فَكَأَنَّمَا مَاتَ فِي سَمَاءِ الدُّنْيَا.

Maksudnya: “Barangsiapa mati di Makkah seolah-olah dia mati di langit dunia.”

BOLEHKAH BERHUTANG UNTUK MENGERJAKAN IBADAT HAJI?

Baginda Rasulullah s.a.w. menerangkan:

سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، رَجُلًا لَمْ يَحُجَّ
أَيَسْتَقْرِضُ لِلْحَجِّ؟ قَالَ : لَا.

Maksudnya: “Saya telah bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang orang yang belum berhaji, apakah harus ia berhutang untuk mengerjakan haji?” Nabi s.a.w menjawab: “Tidak.” - (Al-Baihaqi).



HAJI ORANG YANG MATI

Orang yang mati, sedangkan dia belum menunaikan haji fardu atau nazar dan dia mempunyai harta, wajiblah dikeluarkan hartanya untuk dihajikan, sebagaimana juga hartanya yang belum dijelaskan.

Dalam hal ini, baginda Rasulullah s.a.w. menerangkan dalam sebuah hadis yang bermaksud: Dari Ibnu Abbas r.a., ada seorang perempuan dari Jahinah datang menemui Nabi s.a.w. dan berkata: “*Bahawa ibuku bernazar untuk mengerjakan haji, tetapi beliau tidak menunaikannya hinggalah beliau mati. Apakah boleh saya menghajikannya?*” Nabi s.a.w. menjawab: “*Ya hajikan untuknya. Apakah kamu membayar hutang ibumu jika ia berhutang? Tunaikanlah hak Allah, kerana hak Allah lebih utama ditunaikan!*” -(Al-Bukhari).

HAJI WANITA

Ibadat haji sebagai salah satu rukun Islam, diwajibkan juga atas para wanita, bila memenuhi syaratnya. Sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang lelaki, tidak ada perbezaan. Hanya ada satu tambahan bagi wanita, iaitu dia harus ditemani oleh suami atau mahramnya.

Ibnu Abbas berkata:

سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: لَا يَخْلُونَ
رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا وَمَعَهَا ذُو مَحْرَمٍ وَلَا تُسَافِرُ الْمَرْأَةُ إِلَّا مَعَ
ذِي مَحْرَمٍ فَقَامَ رَجُلٌ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ امْرَأَتِي
خَرَجَتْ حَاجَّةً وَإِنِّي اكْتَتَبْتُ فِي غَزْوَةٍ كَذَا وَكَذَا، فَقَالَ:
إِنْ طَلِقَ فَحُجَّ مَعَ امْرَأَتِكَ.



Maksudnya: Saya telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: “Janganlah seorang lelaki berkhawat dengan seorang wanita, kecuali ada bersamanya mahram dan janganlah seorang wanita bersafar, kecuali ada mahram bersamanya” Kemudian bangun seorang lelaki dan berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya isteriku ingin berhaji dan aku telah mencatatkan diri untuk turut dalam peperangan ini dan itu” Baginda bersabda: “Pergilah berhaji bersama isterimu”-(Bukhari dan Muslim).

HAJI DENGAN WANG HARAM

Jumhur ulama berpendapat berhaji dengan harta yang haram dianggap sah, walaubagaimanapun haji itu tetap berdosa kerana menggunakan harta haram.

Menurut pendapat Ahmad, tidak sah haji yang dilakukan dengan harta haram. Pendapat inilah yang paling sahih, kerana mengingat hadis Nabi s.a.w.:

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا.

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah adalah bersih, Allah tidak menerima, kecuali yang bersih (yang baik)”- (Ahmad).

TINGKATAN SAHNYA HAJI

1. **Sah secara mutlak** - Syarat sah haji yang mutlak ialah pelaksanaannya beragama Islam dan dilaksanakan dalam waktu yang sudah ditentukan untuk haji.
2. **Sah mubasyarah** - Boleh mengerjakan haji walaupun tidak dipandang haji wajib, syaratnya ialah beragama Islam dan sudah mumaiyiz.
3. **Sah bernazar mengerjakan haji** - Syarat sah bernazar mengerjakan haji ialah beragama Islam, sudah mumaiyiz dan sudah sampai umur. Tertunai nazarnya setelah ia mengerjakan haji.
4. **Sah haji fardu** - Sah haji yang dikerjakan dengan mengikut syarat- syaratnya iaitu; beragama Islam, mumaiyiz, baligh dan merdeka.
5. **Sah wajib** - Kesanggupan dari sudut kesihatan, perbelanjaan dan keamanan adalah menjadi syarat wajib haji, di samping beragama Islam, mumaiyiz, baligh dan merdeka.



PERSIAPAN UNTUK HAJI

Sebelum seseorang itu pergi menunaikan fardu haji, hendaklah dia membuat persiapan zahir dan batin.

PERSIAPAN ZAHIR

Termasuk persiapan zahir ialah seperti menyediakan pakaian, wang perbelanjaan sampingan (selain dari tambang), persiapan untuk kesihatan, seperti ubat-ubatan dan perkara-perkara yang ada hubungan dengan kesihatan, pengetahuan dan pengalaman yang berguna daripada para sahabat yang telah pernah pergi ke Tanah Suci.

PERSIAPAN BATIN

Termasuk persiapan batin ialah seperti membersihkan diri dari segala dosa dengan banyak beristighfar dan banyak bertaubat ke hadrat Allah s.w.t., memohon ampun dan maaf dari para sahabat dan sanak saudara. Kerana sebagai insan, kita tidak sunyi dari kesalahan di antara sesama kita. Sangat baik kalau sebelum berangkat, kita pergi menziarahi mereka dan menuntut ampun dan maaf, semoga mereka memaafkan kita.



TARAF ORANG YANG MENERJAKAN HAJI

Adapun taraf orang-orang yang mengerjakan haji dan umrah ialah mereka sebagai tetamu-tetamu Allah s.w.t. Sesuai dengan sabda baginda Rasulullah s.a.w.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
الْحَجَّاجُ وَالْعُمْرَاءُ فُدُّ اللَّهِ إِنْ دَعَوْهُ أَجَابَهُمْ وَإِنْ اسْتَغْفَرُوهُ
غَفَرَ لَهُمْ.

Maksudnya: "Dari Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Orang-orang yang datang mengerjakan haji dan umrah, adalah rombongan tetamu-tetamu Allah. Jika mereka memohon sesuatu dari Allah, nescaya diperkenankan permohonannya dan jika mereka memohon ampun, nescaya Allah akan mengampunkannya." - (An-Nasai).

KELEBIHAN HAJI LEBIH DARI SEKALI

Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ حَجَّ حَجَّةً أَدَّى فَرَضَهُ وَمَنْ حَجَّ ثَانِيَةً دَايِنَ رَبِّهِ وَمَنْ
حَجَّ ثَلَاثَ حَجَجٍ حَرَّمَ اللَّهُ شَعْرَهُ عَلَى النَّارِ.

Maksudnya: "Barangsiapa mengerjakan haji sekali, dia telah membayar fardunya, barangsiapa mengerjakan haji dua kali dia telah mendatangi Tuhannya dan barangsiapa mengerjakan haji tiga kali, nescaya diharamkan rambutnya dari api neraka." - (Al-Baihaqi).



ADAB-ADAB PELAYARAN

Di antara adab-adab yang baik dilakukan ketika hendak belayar, terutama sekali ketika hendak belayar ke Tanah Suci untuk beribadat haji dan umrah, atau ketika hendak belayar ke mana-mana sahaja ialah:

1. **Solat Sunat Safar:** Solat ini dilakukan sebanyak dua rakaat. Pada rakaat yang pertama selepas membaca surah Al-Fatihah, bacalah surah Al-Kafirun dan pada rakaat yang kedua, selepas membaca surah Al-Fatihah, bacalah surah Al-Ikhlâs. Cara solatnya ialah sebagaimana solat biasa. Lafaz niatnya ialah:

أُصَلِّي سُنَّةَ السَّفَرِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى - اللَّهُ أَكْبَرُ.

Maksudnya: "Sahaja aku solat sunat safar dua rakaat kerana Allah Ta'ala."

2. **Membaca doa selepas solat :** Doa pendek selepas solat sunat safar ialah:

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ، وَاَنْتَ الْخَلِيْفَةُ فِي الْاَهْلِ
وَالْمَالِ وَالْوَلَدِ وَالْاَصْحَابِ. اِحْفَظْنَا وَاِيَّاهُمْ مِنْ كُلِّ آفَةٍ
وَعَاثَةٍ.

Maksudnya: "Ya Allah, Kaulah teman di dalam pelayaran, dan Engkaulah juga pengganti yang tinggal dalam keluarga, harta, anak dan sahabat. Peliharalah kami dan mereka daripada segala penyakit dan bencana."



Selain daripada doa yang pendek di atas, boleh juga dibaca doa-doa yang panjang jika mahu. Seperti doa ini:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ، وَأَنْتَ الْخَلِيفَةُ فِي
الْأَهْلِ وَالْمَالِ وَالْوَلَدِ وَالْأَصْحَابِ، احْفَظْنَا وَإِيَّاهُمْ مِنْ
كُلِّ آفَةٍ وَعَاهَةٍ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِي مَسِيرِنَا هَذَا الْبِرَّ
وَالتَّقْوَى . وَمِنَ الْعَمَلِ مَا تَرْضَى . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ
تَطْوِيَ لَنَا الْأَرْضَ وَتُهَوِّنَ عَلَيْنَا السَّفَرَ وَأَنْ تَرْزُقَنَا فِي
سَفَرِنَا هَذَا سَلَامَةَ الْبَدَنِ وَالْدِّينِ وَالْمَالِ. وَتُبَلِّغَنَا حَجَّ أَوْ
عُمْرَةَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ. وَزِيَارَةَ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَالْآلِ وَسَلَّمَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ وَعْثَاءِ السَّفَرِ، وَكَآبَةِ
الْمُنْقَلَبِ وَسُوءِ الْمُنْظَرِ فِي الْأَهْلِ وَالْمَالِ وَالْوَلَدِ وَالْأَصْحَابِ.
اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا وَإِيَّاهُمْ فِي جَوَارِكَ. وَلَا تَسْلُبْنَا وَإِيَّاهُمْ نِعْمَتَكَ.
وَلَا تُغَيِّرْ مَا بَنَا وَبِهِمْ مِنْ عَافِيَتِكَ. اللَّهُمَّ إِلَيْكَ تَوَجَّهْنَا.



وَبِكَ اغْتَصِمْنَا. اَللّٰهُمَّ اكْفِنَا مَا اَهَمَّنَا وَمَا لَمْ نَهْتَم بِهِ.
اَللّٰهُمَّ زَوِّدْنَا التَّقْوٰى وَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا. وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Erti doa ketika hendak belayar:

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Penyayang. Segala puji bagi Tuhan semesta alam. Ya Allah, selawat dan salam serta berkat ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad dan atas keluarganya dan sahabatnya sekalian.

Ya Allah, Engkaulah rakan dalam pelayaran ini, dan Engkaulah juga Pengganti yang tinggal dalam keluarga, harta, anak dan sahabat. Peliharalah kami dan mereka daripada segala penyakit dan bencana.

Ya Allah, kami bermohon agar kami mendapat kebajikan dan takwa dalam pelayaran kami ini. Dan dapat membuat amalan yang Engkau cinta dan Engkau redai.

Ya Allah, kami bermohon agar Engkau perdekatkan jauhnya perjalanan kami ini dan Engkau ringankan kesusahannya dan kurniakan kami dalam pelayaran ini keselamatan pada badan, agama dan harta benda. Sampaikanlah kami untuk menunaikan haji (umrah) ke rumah suciMu dan menziarahi NabiMu Muhammad s.a.w.

Ya Allah, kami berlingung denganMu dari kepayahan pelayaran dan buruk kesudahan serta buruk pandangan pada keluarga dan anak-anak, serta para sahabat.

Ya Allah, letakkanlah kami dan mereka dalam perlindunganMu dan janganlah tarik nikmatMu dari kami dan mereka dan jangan Engkau ubahkan keyakinan yang ada pada kami dan mereka.

Ya Allah, kami menuju kepadaMu dan kami berpegang denganMu. Ya Allah, jagalah kami dalam perkara yang merunsingkan kami atau yang tidak kami mengambil berat dengannya.



Ya Allah, bekalkanlah kami dengan takwa dan ampunilah segala dosa kami. Selawat Allah atas penghulu kami Nabi Muhammad dan atas keluarganya, sahabatnya sekalian. Dan segala puji bagi Tuhan semesta alam.

3. **Berkhairat:** Ada baiknya kita berkhairat sebelum kita keluar dari rumah, sekadar yang kita mampu. Semoga Allah s.w.t. menyelamatkan kita dari bala bencana dan kesulitan dalam masa kita belayar. Seperti kata-kata ulama` yang tersebut di dalam kitab Dalil Al-Falihin:

الصَّدَقَةُ تَدْفَعُ الْبَلَاءَ

Maksudnya: "Sedekah itu menolak bala bencana"

4. **Berdoa ketika keluar rumah:** Ketika melangkah keluar rumah, bacalah doa ini.

بِسْمِ اللَّهِ آمَنْتُ بِاللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ ، وَلَا حَوْلَ وَلَا
قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، رَبِّ أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَضِلَّ أَوْ أُضَلَّ أَوْ أَذِلَّ أَوْ
أُذِلَّ، أَوْ أَزِلَّ أَوْ أُزِلَّ، أَوْ أَظْلِمَ أَوْ أُظْلِمَ، أَوْ أَجْهَلَ أَوْ
يُجْهَلَ عَلَيَّ.

Maksudnya: "Dengan nama Allah, aku beriman kepada Allah, aku berserah kepada Allah, tiada daya upaya dan kekuatan melainkan dengan Allah. Ya Allah, aku berlindung denganMu, jangan sampai aku sesat atau disesatkan, menjadi hina atau dihina, terpesong atau dipesongkan, menganiaya atau dianiayakan, menjadi bodoh atau diperbodohkan."



5. **Berdoa ketika naik kendaraan:** Bacalah doa ini ketika menaiki kendaraan:

بِسْمِ اللَّهِ مَجْرِيهَا وَمُرْسَاهَا إِنَّ رَبِّي لَغَفُورٌ رَحِيمٌ. سُبْحَانَ
الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ، وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا
لَمُنْقَلِبُونَ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

Maksudnya: "Dengan nama Allah ketika pelayarannya dan berlabuhnya. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. Maha Suci Allah yang memudahkan bagi kami kendaraan ini dan tiadalah kami berkuasa menggunakannya kalau tidak dengan kurniaan Allah. Sesungguhnya kami akan kembali kepada Tuhan kami. Tiada daya dan upaya melainkan dengan Allah yang Maha Besar"

6. **Doa dan amalan dalam perjalanan:** Banyakkanlah berzikir dan berselawat atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. di dalam perjalanan. Jika ada sesuatu yang menakutkan, hendaklah membaca: Ayatul Kursi, surah Al-Ikhlâs, surah Al-Falaq, surah An-Nas dan doa ini:

بِسْمِ اللَّهِ مَا شَاءَ اللَّهُ. لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ. حَسْبِيَ اللَّهُ تَوَكَّلْتُ
عَلَى اللَّهِ مَا شَاءَ اللَّهُ. لَا يَأْتِي بِالْخَيْرِ إِلَّا اللَّهُ. مَا شَاءَ اللَّهُ.
لَا يَصْرِفُ السُّوءَ إِلَّا اللَّهُ. حَسْبِيَ اللَّهُ وَكَفَى. وَسَمِعَ اللَّهُ
لِمَنْ دَعَا لَيْسَ وَرَاءَ اللَّهِ مُنْتَهَى. وَلَا دُونَ اللَّهِ مَلْجَأٌ. كَتَبَ
اللَّهُ لَأَغْلِبَنَّ أَنَا وَرُسُلِي. إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ. تَحَصَّنْتُ بِاللَّهِ



الْعَظِيمِ، وَاسْتَعْنْتُ بِالْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ. اَللّٰهُمَّ اَحْرُسْنَا
بِعَيْنِكَ الَّتِي لَا تَنَامُ. وَاکْنُفْنَا بِكَفِّكَ الَّذِي لَا يُرَامُ. اَللّٰهُمَّ
ارْحَمْنَا بِقُدْرَتِكَ عَلَيْنَا فَلَا نُهْلِكَ وَأَنْتَ ثَقْتُنَا وَرَجَاؤُنَا.
اَللّٰهُمَّ عَطِّفْ عَلَيْنَا قُلُوبَ عِبَادِكَ وَأَمَّا تِكَ بِرَأْفَةٍ وَرَحْمَةٍ
مِّنْكَ إِنَّكَ أَنْتَ أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Maksudnya: “Dengan nama Allah. Apa yang dikehendaki oleh Allah. Tiada yang gagah kecuali Allah. Telah dicukupkan oleh Allah. Aku berserah kepada Allah. Apa yang dikehendaki oleh Allah. Tiada yang mendatangkan kebaikan kecuali Allah. Apa yang dikehendaki oleh Allah. Tiada yang menghindarkan keburukan melainkan Allah. Cukuplah Allah bagiku. Allah mendengar siapa yang berdoa. Tiada Kesudahan bagi Allah. Allah telah memastikan dengan Katanya: “Aku dan RasulKu pasti menang.” Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Perkasa. Aku berkubu dengan Tuhan yang Besar. Aku memohon pertolongan dari Tuhan Yang Hidup, tidak mati. Ya Allah, jagalah kami dengan pengawasanMu yang tidak dapat ditembusi. Engkaulah harapan kami. Lembutkanlah hati hamba-hambaMu kepada kami dengan kelembutan dariMu.”



BEKALAN DALAM PELAYARAN

Sebaik-baik bekal dalam pelayaran, terutama sekali pelayaran menuju ke Tanah Suci ialah Taqwa. Ini sesuai dengan firman Allah s.w.t:

وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَىٰ.

Maksudnya: "Berebekallah, sesungguhnya sebaik-baik bekal ialah bertaqwa."

Maksud ringkas perkataan taqwa ialah seorang yang sanggup melakukan segala suruhan Allah s.w.t. dan RasulNya, di samping sanggup meninggalkan segala larangan Allah s.w.t. dan RasulNya. Dari itu sangat wajar bagi para bakal jemaah haji supaya dari sekarang membuat persiapan untuk bertaqwa ke hadrat Allah s.w.t. dengan melaksanakan segala suruhan dari yang sekecil-kecilnya hinggalah kepada yang sebesar-besarnya, sebagai bekal dalam pelayaran menuju ke Tanah Suci.

Insya Allah dengan berebekkan Taqwa, para jemaah haji akan dapat melaksanakan segala amalan ibadat haji dengan baik dan sempurna. Dengan kerananya Allah s.w.t. akan mengurniakan anda dengan haji yang mabrur.



SOLAT KETIKA MUSAFIR

Firman Allah s.w.t.:

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنَّ الْكَافِرِينَ كَانُوا أَعْدَاؤُكُمْ مُبِينًا ﴿١١﴾

Maksudnya: "Dan apabila kamu berpergian di muka bumi, maka tidaklah mengapa kamu mengqasarkannya (memendekkan) solat jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu adalah musuh yang nyata bagimu." - (An-Nisaa. 101).

Ayat ini menerangkan, bahawa Allah s.w.t. memberi kemudahan kepada orang yang sedang dalam pelayaran (musafir) dengan mengqasarkannya dan menjamakkan solat.

Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda:

الرُّخْصَةُ صَدَقَةٌ تَصَدَّقُ اللَّهُ بِهَا عَلَيْكُمْ فَاقْبَلُوا صَدَقَتَهُ.

Maksudnya: "Anugerah yang dikurniakan Allah ke atas kamu maka hendaklah kamu terima anugerahNya." - (Muslim).

Oleh itu, sesiapa yang musafir yang diharuskan oleh syarak, sepertinya jemaah haji dalam pelayarannya ke Tanah Suci Makkah, bolehlah mengerjakan solat fardunya dengan qasar atau qasar beserta jamak.

Musafir dikira apabila mereka memulakan perjalanan keluar negeri. Ia masih dikira dalam musafir walaupun sudah sampai di Jeddah, selagi ia tidak berniat hendak bermukim di situ lebih dari empat hari (tidak termasuk hari tiba dan belayar semula). Jika seseorang itu tidak berniat untuk bermukim di situ, ianya masih dikira musafir hingga lapan belas hari (tidak termasuk hari tiba dan belayar semula).

Jika ia telah sampai ke Tanah Suci Makkah atau Tanah Suci Madinah (jika ia memulakan ziarah dahulu) dan sememangnya ia berniat untuk menetap (mukim) di Tanah Suci Makkah atau Tanah Suci Madinah, maka habislah tempoh musafirnya.

Dengan yang demikian, ia diharuskan mengqasarkannya solatnya dan menjamkannya, dalam masa musafirnya sehingga sampai ke tempat yang dituju.



SOLATJAMAK DAN QASAR

Solat qasar ertinya mengerjakan dua rakaat sahaja bagi solat zuhur, asar dan isyak. Tidak bagi solat maghrib dan subuh. Solat jamak ertinya menghimpunkan antara solat zuhur dengan asar dan maghrib dengan isyak.

BAHAGIAN SOLAT JAMAK

1. Jamak Takdim

Jamak Takdim - ialah mengerjakan solat asar di waktu zuhur, bersama-sama dengan solat zuhur, dan mengerjakan solat isyak di waktu maghrib, bersama-sama dengan solat maghrib.

2. Jamak Takhir

Jamak Takhir - ialah mengerjakan solat zuhur di waktu asar, bersama-sama dengan solat asar, dan mengerjakan solat maghrib di waktu isyak, bersama-sama dengan solat isyak.

SYARAT SOLAT QASAR

1. Pelayaran atau perjalanan yang diharuskan oleh syarak.
2. Jauh pelayaran atau perjalanan itu tidak kurang dari dua marhalah, lebih kurang 56ms atau 91 km.
3. Berniat qasar dalam takbiratul ihram.
4. Tidak berimam dengan orang yang solat tamam (sempurna).
5. Solat yang diqasarkan terdiri dari solat empat rakaat.

SYARAT SOLATJAMAK TAKDIM

1. Mulakan dengan solat yang punya waktu (zuhur kemudian asar dan maghrib kemudian isyak).



2. Niat jamak takdim dalam solat yang pertama (afdal dalam takbiratul ihram).
3. Berturut-turut di antara solat yang dijamakkan.
4. Berkekalan pelayaran atau perjalanan hingga takbiratul ihram solat yang kedua.
5. Berkeyakinan adanya waktu solat yang pertama, sehingga didirikan solat yang kedua.

LAFAZ-LAFAZ NIAT SOLAT JAMAK TAKDIM DAN QASAR

(zuhur dan asar - di waktu zuhur)

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الْعَصْرُ
أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى - اللَّهُ أَكْبَرُ

(solat zuhur)

Maksudnya: "Sahaja aku solat fardu zuhur dua rakaat qasar dihipunkan kepadanya asar tunai kerana Allah Taala."

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعَصْرِ رَكْعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى - اللَّهُ أَكْبَرُ

(solat asar)

Maksudnya: "Sahaja aku solat fardu asar dua rakaat qasar kerana Allah Taala."

(maghrib dan isyak- di waktu maghrib)

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الْعِشَاءُ
أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى - اللَّهُ أَكْبَرُ.

(solat maghrib)



Maksudnya: “Sahaja aku solat fardu maghrib tiga rakaat dihimpunkan kepadanya isyak tunai kerana Allah Taala.”

(solat isyak)

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعِشَاءِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى - اللَّهُ أَكْبَرُ

Maksudnya: “Sahaja aku solat fardu isyak dua rakaat qasar kerana Allah Taala.”

SYARAT SOLAT JAMAK TAKHIR

1. Berniat jamak dalam solat pertama (zuhur atau maghrib).
2. Pelayaran perjalanannya berkekalan hingga selesai solat kedua.

LAFAZ-LAFAZ NIAT SOLAT JAMAK TAKHIR DAN QASAR

(zuhur dan asar - di waktu asar)

أُصَلِّيَ فَرَضَ الظُّهْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَى الْعَصْرِ
لِلَّهِ تَعَالَى - اللَّهُ أَكْبَرُ

(solat zuhur)

Maksudnya: “Sahaja aku solat fardu zuhur dua rakaat qasar dihimpunkan kepada asar kerana Allah Taala.”

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعَصْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى - اللَّهُ أَكْبَرُ

(solat asar)

Maksudnya: “Sahaja aku solat fardu asar dua rakaat qasar tunai kerana Allah Taala.”



(maghrib dan isyak - di waktu isyak)

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَى الْعِشَاءِ
لِلَّهِ تَعَالَى - اللَّهُ أَكْبَرُ.

(solat maghrib)

Maksudnya: "Sahaja aku solat fardhu maghrib tiga rakaat dihimpunkan kepada isyak kerana Allah Taala."

أُصَلِّيَ فَرَضَ الْعِشَاءِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى - اللَّهُ أَكْبَرُ

(solat isyak)

Maksudnya: "Sahaja aku solat fardu isyak dua rakaat qasar tunai kerana Allah Taala."

Peringatan

1. Solat jamak takhir boleh dikerjakan dengan menunaikan solat asar diikuti dengan solat zuhur, atau solat isyak diikuti dengan solat maghrib. Tetapi sunat didahulukan solat zuhur kemudian diikuti dengan solat asar. Demikian juga solat maghrib kemudian diikuti dengan solat isyak. Tetapi jika waktunya sempit, (tidak membolehkan dua fardu solat) maka wajib didahulukan solat yang punya waktu (sahibul waktu).
2. Solat jamak dikerjakan dengan satu azan dan dua iqamah.
3. Jika solat itu dikerjakan dengan berjemaah, hendaklah ditambah dengan perkataan makmuman atau imaman sebelum perkataan lillahi Taala.
4. Menjatuhkan niat di dalam sesuatu ibadat adalah wajib, tetapi melafazkannya adalah sunat.



ADAB KETIKA MASUK KE NEGERI BARU

Di antara adab yang baik ketika memasuki negeri baru, hendaklah bersyukur ke hadirat Allah s.w.t. dengan bertakbir dan bertahmid. Kemudian berselawat kepada junjungan kita baginda Rasulullah s.a.w. seterusnya berdoa.

DOA KETIKA MASUK KE NEGERI BARU

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ الَّتِي لَا يُجَاوِزُهَا بَرٌّ وَلَا
فَاجِرٌ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ. اللَّهُمَّ أَعْطِنَا خَيْرَ هَذَا الْمَنْزِلِ وَخَيْرَ
مَا فِيهِ وَانْكِفْنَا شَرَّهُ وَشَرَّ مَا فِيهِ، رَبِّ أَنْزِلْنِي مُنْزَلًا مُبَارَكًا
وَأَنْتَ خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ.

Maksudnya: "Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang sempurna yang tidak dapat dilampaui oleh orang yang baik, mahupun yang jahat dari segala kejahatan yang dijadikannya. Ya Allah, berilah kami kebaikan tempat ini dan kebaikan yang ada di dalamnya, dan selamatkan kami dari keburukannya. Ya Tuhan kami turunkanlah kami dengan keberkatan. Engkaulah sebaik-baik yang menurunkan."

DOA KETIKA MASUK KE TANAH HARAM

اللَّهُمَّ إِنَّ هَذَا الْحَرَمَ حَرْمُكَ وَالْبَلَدَ بَلَدُكَ وَالْأَمْنَ أَمْنُكَ
فَحَرِّمْنِي عَلَى النَّارِ. وَآمِنِّي مِنْ عَذَابِكَ يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ.



Maksudnya: “Ya Allah, tanah haram ini tanah haramMu, dan negeri ini negeriMu, dan tempat keamanan ini tempat keamananMu, maka haramkanlah aku dari api neraka dan amankanlah aku dari azabMu, pada hari Engkau membangkitkan hamba-hambaMu.”

DOA KETIKA NAMPAK KOTA MAKKAH

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ لِيْ بِهَا قَرَارًا وَّارْزُقْنِيْ فِيْهَا رِزْقًا حَلَالًا . رَبَّنَا
اَتَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .
اَللّٰهُمَّ اِنَّ الْبَلَدَ بَلَدُكَ وَالْبَيْتَ بَيْتُكَ . جِئْتُ اَطْلُبُ رَحْمَتَكَ
وَاَوْفُ طَاعَتِكَ ، مُتَبِعًا لِاَمْرِكَ ، طَالِبًا لِثَوَابِكَ ، رَاضِيًا بِقَدْرِكَ
مُسْلِمًا لِاَمْرِكَ . اَسْأَلُكَ مَسْأَلَةَ الْمُضْطَرِّ اِلَيْكَ الْمُشْفِقِ مِنْ
عَذَابِكَ اَنْ تَسْتَقْبِلَنِيْ بِعَفْوِكَ وَاَنْ تَتَجَاوَزَ عَنِّيْ بِرَحْمَتِكَ
وَاَنْ تُدْخِلَنِيْ جَنَّتِكَ .

Maksudnya: “Ya Allah, jadikanlah negeri ini tempat yang tenang buatku, dan kurniakanlah aku rezeki yang halal di dalamnya. Ya Tuhan kami, berilah kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan selamatkan kami dari api neraka. Ya Allah, negeri ini negeriMu, dan rumah ini rumahMu, aku datang bermohon rahmatMu, dan mengikut taatMu, menurut perintahMu, mengharapkan keredaanMu, berserah kepada perintahMu. Aku bermohon sebagai permohonan orang yang terdesak, yang takut dari azabMu, aku harapkan Engkau menerimaku dengan kemaafan, mengampuni dosaku dan memasukkan aku ke dalam syurgaMu.”



DOA KETIKA MASUK KE MASJIDIL HARAM

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِيْ ذُنُوْبِيْ وَافْتَحْ لِيْ اَبْوَابَ رَحْمَتِكَ وَاَدْخِلْنِيْ
 فِيْهَا وَسَهِّلْ لِيْ اَبْوَابَ رِزْقِكَ. اَللّٰهُمَّ هَذَا حَرْمُكَ وَمَوْضِعُ
 اَمْنِكَ فَحَرِّمْ لَحْمِي وَبَشْرِي وَعِظَامِيْ عَلٰى النَّارِ. اَللّٰهُمَّ
 اَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ. وَاِلَيْكَ يَعُوْذُ السَّلَامُ فَحَيِّنَا
 رَبَّنَا بِالسَّلَامِ، وَاَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ دَارَ السَّلَامِ. تَبَارَكَتَ رَبَّنَا
 وَتَعَالَيْتَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ اَنْ
 تَغْفِرَ لِيْ وَتَرْحَمَنِيْ. وَتُقِيلَ عَثْرَتِيْ. وَتَضَعَ وِزْرِيْ. بِرَحْمَتِكَ
 يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Maksudnya: “Ya Allah, ampunilah dosaku dan bukannya bagiku pintu-pintu rahmatMu, dan masukkanlah aku dalam rahmatMu, dan permudahkanlah bagiku pintu rezekiMu. Ya Allah, sesungguhnya tempat ini adalah tempat suciMu, dan tempat keamanan yang Engkau sediakan. Maka haramkanlah dagingku, kulitku dan tulanku dari api neraka. Ya Allah, Engkaulah keselamatan, daripadaMulah keselamatan dan masukkanlah kami di dalam syurga tempat keselamatan, Maha banyak keberkatanMu, Ya Tuhan yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan. Ya Allah, aku bermohon kepadaMu agar Engkau mengampuni dosaku dan menghapuskan kesalahanku dan meletakkan beban yang memberatiku dengan rahmatMu. Ya Tuhan yang Maha Penyayang .”

**LAFAZ NIAT IKTIKAF**

نَوَيْتُ الْإِعْتِكَافَ فِي هَذَا الْمَسْجِدِ الْمُبَارَكِ سُنَّةَ اللَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: "Sahaja aku berniat iktikaf di masjid yang diberkati ini sunat kerana Allah Taala."

DOA KETIKA NAMPAK KAABAH

اَللّٰهُمَّ زِدْ هَذَا الْبَيْتَ تَشْرِيفًا وَتَعْظِيمًا وَتَكْرِيمًا وَمَهَابَةً
وَزِدْ مَنْ شَرَّفَهُ وَعَظَّمَهُ مِمَّنْ حَجَّهٗ اَوْ اعْتَمَرَهُ تَشْرِيفًا
وَتَكْرِيمًا وَتَعْظِيمًا وَبِرًّا.

Maksudnya: "Ya Allah, tambahkanlah kemuliaan rumah ini, kebesaran dan kehebatannya. dan tambahkanlah kemuliaan dan kebesaran kepada orang yang mengunjunginya kerana membuat haji atau umrah dengan kemuliaan, penghormatan, kebesaran dan kebaikan."



IBADAT HAJI

Ibadat haji terbahagi kepada empat bahagian:

Rukun	Wajib	Sunat	Makruh
-------	-------	-------	--------

1. **Rukun haji** - ialah perkara yang mesti dikerjakan oleh setiap jemaah. Jika salah satu rukun haji tidak dikerjakan, hajinya tidak sah.
2. **Wajib haji** - ialah perkara yang wajib dikerjakan oleh setiap jemaah. Tetapi jika salah satu dari wajib haji tidak dikerjakan, hajinya masih sah, tetapi ia dikenakan membayar dam.
3. **Sunat haji** - ialah perkara yang baik dikerjakan, tetapi jika tidak dikerjakan, hajinya tetap sah dan tidak dikenakan membayar dam (buat dapat pahala dan tidak membuatnya tidak berdosa).
4. **Makruh haji** - ialah perkara yang elok ditinggalkan (jika dilakukan tidak berdosa dan jika ditinggalkan mendapat pahala).



rukun haji

rukun haji enam perkara

1. Niat ihram
2. Wukuf di Arafah
3. Tawaf ifadah/rukun
4. Sai haji
5. Bercukur atau bergunting (tahallul)
6. Tertib pada kebanyakan rukun



IHRAM

PENGERTIAN IHRAM

Ihram ialah permulaan memasuki ibadat haji atau umrah, seperti takbiratul ihram sebagai permulaan ibadat solat.

HUKUM IHRAM

Berniat ihram adalah rukun dalam ibadat haji dan mesti dilakukan oleh mereka yang mengerjakan ibadat haji. Ini kerana setiap ibadat hendaklah disertakan dengan niat. Sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ

Maksudnya: “Sesungguhnya amal ibadat hendaklah disertakan dengan niat.”

ADAB-ADAB IHRAM

Di antara adab-adab ihram ialah:

1. Kebersihan

- Sebelum berihram hendaklah:

- (a) Mengerat kuku
- (b) Menggunting misai
- (c) Mencabut bulu ketiak
- (d) Mencukur bulu ari-ari
- (e) Mandi atau berwuduk (mandi lebih afdal)
- (f) Menyikat rambut dan misai

2. Memakai wangi-wangian (sebelum ihram)

3. Solat sunat ihram



PAKAIAN IHRAM


Bagi lelaki ialah dua helai kain (kain ihram) yang tidak berjahit cantum (disunatkan yang berwarna putih) iaitu sehelai dijadikan kain yang menutup auratnya dan sehelai lagi dipakai sebagai selindang yang menutup bahagian atas pusatnya hingga ke bahu. Pastikan yang kepala didedahkan (tidak memakai songkok) dalam masa berihram.

Bagi perempuan ialah pakaian biasa yang menutup auratnya iaitu seluruh tubuhnya, kecuali muka dan kedua tapak tangannya. Cara pakaiannya ialah seperti kain telekung yang dipakai ketika solat.


Bagi lelaki dibolehkan memakai kasut yang tidak menutup tumit dan kepala anak jari kaki. Kasut yang menutup tumit atau kepala anak jari kaki tidak boleh dipakai dalam masa berihram. Tali pinggang boleh dipakai dengan memasukkan ke bakelnya, tetapi tidak boleh disimpulkan (kalau memakai tali pinggang dari kain).





Pakaian Ihram Wanita



PAKAIAN IHRAM LELAKI







SOLAT SUNAT IHRAM

Solat ini dikerjakan sesudah berpakaian ihram tetapi sebelum menjatuhkan niat ihram. Solatnya dua rakaat. Pada rakaat yang pertama, sesudah Al-Fatihah bacalah surah Al-Kafirun dan pada rakaat yang kedua, sesudah Al-Fatihah bacalah surah Al-Ikhlas.

Lafaz niatnya ialah:

أُصَلِّي سُنَّةَ الْإِحْرَامِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى - اللَّهُ أَكْبَرُ.

Maksudnya: “Sahaja aku solat sunat ihram dua rakaat kerana Allah Taala”-Allahu Akbar.

JENIS-JENIS IHRAM DAN LAFAZ NIAT

Niat ihram ada tiga jenis:

- (a) Niat ihram haji (haji ifrad)
- (b) Niat ihram umrah (haji tamattuk)
- (c) Niat ihram haji dan umrah (haji qiran)

(a) Lafaz niat ihram haji ialah:

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: “Sahaja aku berniat haji dan aku berihram dengannya kerana Allah Taala.”

(b) Lafaz niat ihram umrah ialah:

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: “Sahaja aku berniat umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah Taala”



(c) Lafaz niat ihram haji dan umrah ialah:

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهِمَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: "Sahaja aku berniat haji dan umrah dan aku berihram dengan keduanya kerana Allah Taala"

LAFAZ NIAT IHRAM MUTLAK DAN IHRAM BADAL

Selain daripada berniat ihram dengan ihram haji, umrah atau haji dan umrah, seseorang boleh berniat dengan ihram mutlak (tidak ditentukan niat ihramnya). Menentukan niat ihramnya hendaklah dilakukan sebelum memulakan jenis ibadat yang hendak dikerjakan (haji, umrah atau haji dan umrah). Jika tidak diniatkan, ibadatnya tidak sah.

Seseorang itu boleh juga berniat dengan tiga jenis ihram tersebut untuk orang lain (badal) atau untuk anak.

Lafaz niat ihram mutlak:

نَوَيْتُ الْإِحْرَامَ لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: "Sahaja aku berihram kerana Allah Taala."

Lafaz niat ihram haji untuk orang lain:

نَوَيْتُ الْحَجَّ عَنْ (سبوتكن نمانث) وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: "Sahaja aku berniat haji untuk (sebutkan namanya) dan aku berihram dengannya kerana Allah Taala"

Lafaz niat ihram umrah untuk orang lain:

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ عَنْ (سبوتكن نمانث) وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.



Maksudnya: “Sahaja aku berniat umrah untuk (sebutkan namanya) dan aku berihram dengannya kerana Allah Taala.”

Lafaz niat ihram haji dan umrah untuk orang lain:

نَوَيْتُ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ عَنْ (سبوتكن نماث) وَأَحْرَمْتُ
بِهِمَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: “Sahaja aku berniat haji dan umrah untuk (sebutkan namanya) dan aku berihram dengan keduanya kerana Allah Taala.”

Lafaz niat ihram haji untuk anak:

نَوَيْتُ الْإِحْرَامَ بِالْحَجِّ عَنْ هَذَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: “Sahaja aku berniat ihram haji untuk anak ini kerana Allah Taala.”

Lafaz niat ihram umrah untuk anak:

نَوَيْتُ الْإِحْرَامَ بِالْعُمْرَةِ عَنْ هَذَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: “Sahaja aku berniat ihram umrah untuk anak ini kerana Allah Taala.”

BERIHRAM DARI MIQAT

Miqat ialah sempadan bagi jemaah untuk menjatuhkan niat ihram kerana menunaikan ibadat haji atau umrah.

Miqat ihram haji terbagi kepada dua bahagian:

1. Miqat zamani (sempadan masa)
2. Miqat makani (sempadan tempat)

Miqat zamani ialah masa bagi seseorang yang hendak menunaikan fardu haji menjatuhkan niat ihramnya. Masanya ialah dari 1hb Syawal hingga 9hb Zulhijjah. Bulan-bulan haji telah ditentukan, sesuai dengan firman Allah:



الْحَجُّ أَشْهُرٌ مَّعْلُومَاتٌ

Maksudnya: "Haji itu pada bulan yang telah ditentukan."

Adapun miqat zamani bagi umrah ialah sepanjang tahun, selain daripada masa dia berihram dengan ihram haji.

Miqat makani ialah tempat sempadan tertentu untuk memulakan ihram bagi mereka yang hendak mengerjakan ibadat haji atau umrah. Sempadan itu telah ditetapkan berdasarkan sebuah hadis:


عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَّتَ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ ذَا الْحُلَيْفَةِ وَلِأَهْلِ الشَّامِ الْجُحْفَةَ وَلِأَهْلِ نَجْدٍ قَرْنَ الْمَنَازِلِ وَلِأَهْلِ الْيَمَنِ يَلَمْلَمَ. هُنَّ لَهُنَّ وَلِمَنْ أَتَى عَلَيْهِنَّ مِنْ غَيْرِ أَهْلِهِنَّ مِمَّنْ أَرَادَ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ، وَمَنْ كَانَ دُونَ ذَلِكَ فَمِنْ حَيْثُ أَنْشَأَ حَتَّى أَهْلُ مَكَّةَ مِنْ مَكَّةَ.

Maksudnya: "Diriwayatkan daripada Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah s.a.w telah menetapkan miqat bagi penduduk Madinah ialah Zulhulaifah, bagi penduduk negeri Syam ialah Aljuhfa, bagi penduduk Najd ialah Qarnulmanazil dan bagi penduduk Yaman ialah Yalamlam. Miqat-miqat tersebut adalah bagi negeri-negeri yang disebutkan itu dan juga bagi orang-orang yang datang melaluinya dari negeri-negeri lain yang hendak menunaikan haji dan umrah. Adapun bagi mereka yang tinggal di tempat yang kurang jarak jauhnya dari miqat yang ditentukan, maka miqat mereka ialah di tempat mereka sendiri. Penduduk Makkah miqat mereka ialah di Makkah juga."



MIQAT MAKANI HAJI DAN UMRAH

PERANGKAIAN TEMPAT MIQAT IHRAM HAJI / UMRAH



- ⦿ Jemaah Haji / Umrah yang datang dari luar, Miqat Makani mereka adalah di Zulhulaifah, Juhfah, Yalamlam, Qarnul Manazil, Zatu Irtiqin atau sejajar.
- ◆ Jemaah Umrah yang berada di Tanah Haram, Miqat Makani mereka di luar Tanah Haram. Yang afdal di Tan'aim, Ja'aranah atau Hudaibiah



Bagi penduduk di luar Makkah, Miqat makaninya ialah:

1. Zulhulaifah (Birr Ali): Miqat bagi penduduk Madinah dan sekitarnya. Jaraknya dengan Makkah ialah lebih kurang 450km dan lebih kurang 10km dari Madinah.
2. Aljuhfah (Berdekatan dengan Rabigh): Miqat bagi penduduk-penduduk Syam, Mesir, Maghribi, Sepanyol dan negeri-negeri dari arahnya. Jaraknya dengan Makkah ialah lebih kurang 180km.
3. Qarnul Manazil: Miqat bagi penduduk-penduduk Kuwait, Najd dan jemaah haji yang datang dengan kapal terbang melalui ruang angkasanya. Jaraknya dengan Makkah lebih kurang 94km.
4. Yalamlam: Miqat bagi penduduk-penduduk Yaman, India dan negeri-negeri sebelah timur, termasuk Malaysia, Indonesia dan Singapura. Yalamlam ialah nama sebuah bukit di tepi Laut Merah, di dataran semenanjung tanah Arab. Jaraknya dengan Makkah lebih kurang 89km.
5. Zatu Irqin: Miqat bagi penduduk Iraq. Jaraknya dengan Makkah lebih kurang 94km.

Miqat makani ihram haji bagi penduduk Makkah dan mereka yang sudah bermukim di Makkah ialah di rumah atau tempat kediaman mereka sendiri.

Miqat makani ihram umrah bagi penduduk Makkah dan mereka yang sudah bermukim di Makkah ialah di tanah halal. Yang lebih baik ialah di:

1. Ja'aranah -Jaraknya dengan Makkah lebih kurang 22km.
2. Tan'aim -Jaraknya dengan Makkah lebih kurang 5km.
3. Hudaibiah -Jaraknya dengan Makkah lebih kurang 29km.

BERIHRAM DARI TEMPAT YANG TIADA MIQAT

Jemaah haji yang tidak melalui mana-mana miqat yang telah diterangkan di atas, hendaklah berihram dari tempat yang hampir dengan miqat, atau hendaklah dia berihram di tempat yang jauhnya dua marhalah dari Makkah.

Berihram dari miqat adalah lebih afdal daripada berihram di negerinya sendiri.



TIDAK BERNIAT IHRAM KETIKA MELALUI MIQAT

Jemaah haji yang tidak berniat ihram ketika melalui miqat, wajib kembali kepada miqatnya, atau kepada miqat yang sama jauhnya, dan berniat ihram di sana. Jika dia tidak berbuat demikian, dia dikenakan membayar dam.

Damnya ialah Tertib dan Takdir iaitu dengan menyembelih seekor kambing. Jika tidak terdaya, wajib berpuasa sepuluh hari, tiga hari dalam masa haji dan tujuh hari setelah pulang ke negerinya.

BERNIAT IHRAM SESUDAH MELALUI MIQAT

Jemaah haji yang berniat ihram sesudah melalui miqat, hendaklah dia kembali kepada miqatnya sebelum melakukan sebarang amalan haji. Dia tidak dikenakan membayar dam. Tetapi jika dia tidak kembali kepada miqatnya, ataupun dia kembali kepada miqatnya sesudah melakukan amalan haji, dia dikenakan membayar dam. Damnya ialah Tertib dan Takdir.

MIQAT MAKANI BAGI UMRAH

Bagi orang yang di luar Tanah Haram, miqatnya ialah miqat haji dan bagi orang yang di dalam Tanah Haram, miqatnya ialah di tanah halal.

YANG DIHARAMKAN DALAM MASA BERIHRAM

- 1) Jimak
- 2) Pendahuluan jimak
- 3) Melakukan jahat dan maksiat
- 4) Berkelahi
- 5) Memakai pakaian yang berjahit bagi lelaki
- 6) Akad nikah
- 7) Mengerat kuku



- 8) Memakai bau-bauan
- 9) Menggugurkan rambut
- 10) Berburu binatang halal
- 11) Menutup kepala bagi lelaki
- 12) Menutup muka bagi perempuan
- 13) Memakai sarung tangan (gloves) bagi perempuan
- 14) Memakai minyak rambut
- 15) Memotong/mencabut pokok
- 16) Memakai kasut yang menutup tumit dan kepala anak jari bagi lelaki
- 17) Memindahkan tanah, pasir atau batu-batu dari tanah haram ke tanah halal



CARA-CARA MENERJAKAN HAJI

TIGA CARA MENERJAKAN HAJI

1. **Haji Ifrad:** Menerjakan haji terlebih dahulu, di bulan haji (1 Syawal - 9 Zulhijjah). Setelah selesai haji, barulah menerjakan umrah.
2. **Haji Tamattuk:** Menerjakan umrah terlebih dahulu, di bulan haji (1 Syawal - 9 Zulhijjah). Kemudian barulah menerjakan haji setelah tiba waktunya. Cara ini diwajibkan membayar dam.
3. **Haji Qiran:** Menerjakan haji dan umrah sekali jalan, di bulan haji (1 Syawal - 9 Zulhijjah). Cara ini diwajibkan membayar dam.

CARA-CARA MENERJAKAN HAJI IFRAD

1. Berniat ihram haji (sesudah memakai pakaian ihram) - (R).
2. Berniat ihram haji dari miqat makani (tempat) - (W).
3. Melakukan tawaf qudum (selamat datang) - (S).
4. Melakukan sai haji sebelum wukuf (jika mahu) - (R).
5. Wukuf di Arafah (pada 9 Zulhijjah) - (R).
6. Bermalam di Muzdalifah (sesudah wukuf di Arafah) - (W).
7. Melontar jamrah aqabah di Mina (pada 10 Zulhijjah) - (W).
8. Menyembelih kurban (jika mahu) - (S).
9. Tahallul awal (bergunting atau bercukur) - (R).
10. Tawaf haji (ifadah) - (R).
11. Sai haji (jika belum dilakukan selepas tawaf qudum) - (R).
12. Bermalam di Mina (malam 11,12 dan 13 Zulhijjah) - (W).
13. Melontar tiga jamrah (ula, wusta dan aqabah) pada hari-hari tasyrik (11,12 dan 13 Zulhijjah) - (W).
14. Tawaf wadak (selamat tinggal) - (W).



CARA-CARA MENGERJAKAN HAJI TAMATTUK

1. Berniat ihram umrah (sesudah memakai pakaian ihram) - (R).
2. Berniat ihram umrah dari miqat makani (tempat) - (W).
3. Melakukan tawaf umrah - (R).
4. Melakukan sai umrah (selepas tawaf) - (R).
5. Tahallul (bergunting atau bercukur) - (R).
6. Berniat ihram haji di tempat kediamannya (sesudah memakai pakaian ihram) - (R).
7. Wukuf di Arafah (pada 9 Zulhijjah) - (R).
8. Bermalam di Muzdalifah (sesudah wukuf di Arafah) - (W).
9. Melontar jamrah Aqabah (pada 10 Zulhijjah) - (W).
10. Membayar dam tamattuk - (W).
11. Tahallul awal (bergunting atau bercukur) - (R).
12. Tawaf haji (ifadah) - (R).
13. Sai haji - (R).
14. Bermalam di Mina (malam 11, 12 dan 13 Zulhijjah) - (W).
15. Melontar tiga jamrah (ula, wusta dan aqabah) pada hari-hari tasyrik (11, 12 dan 13 Zulhijjah) - (W).
16. Tawaf wadak (selamat tinggal) - (W).

CARA-CARA MENGERJAKAN HAJI QIRAN

1. Berniat ihram haji dan umrah (sesudah memakai pakaian ihram) - (R).
2. Berniat ihram haji & umrah dari miqat makani (tempat) - (W).
3. Melakukan tawaf qudum (selamat datang) - (S).
4. Melakukan sai haji sebelum wukuf (jika mahu) - (R).
5. Wukuf di Arafah (pada 9 Zulhijjah) - (R).
6. Bermalam di Muzdalifah (sesudah wukuf di Arafah) - (W).



7. Melontar jamrah aqabah di Mina (pada 10 Zulhijjah) - (W).
8. Membayar dam qiran - (W).
9. Tahallul awal (bergunting atau bercukur) - (R).
10. Tawaf haji (ifadah) - (R).
11. Sai haji (jika belum dilakukan selepas tawaf qudum) - (R).
12. Bermalam di Mina (malam 11, 12 dan 13 Zulhijjah) - (W).
13. Melontar tiga jamrah (ula, wusta dan aqabah) pada hari-hari tasyrik (11, 12 dan 13 Zulhijjah) - (W).
14. Tawaf wadak (selamat tinggal) - (W).



WUKUF DI ARAFAH

PENGERTIAN WUKUF DI ARAFAH

Wukuf ialah berada di satu tempat yang bernama “Arafah” walau hanya sekejap, dengan niat wukuf.

HUKUM WUKUF DI ARAFAH

Seluruh ulama menetapkan bahawasanya wukuf di Arafah adalah rukun yang utama dari rukun-rukun haji. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w.:

الْحَجُّ عَرَفَةٌ

Maksudnya: “Haji yang benar; ialah haji yang dapat berwukuf di Arafah”

WAKTU BERWUKUF DI ARAFAH

Menurut pendapat jumhur ulama, waktu berwukuf di Arafah ialah sesudah tergelincir matahari pada hari kesembilan bulan Zulhijjah, hingga terbit fajar pada hari kesepuluh bulan Zulhijjah (hari nahar - hari raya kurban).

Jemaah yang tidak dapat wukuf di Arafah, walau sekejap masa pada waktu tersebut, luputlah hajinya.

TEMPAT BERWUKUF DI ARAFAH

Wukuf sah dilakukan di mana-mana sahaja di padang Arafah, kecuali di lembah Arinah (terletak di sebelah barat Arafah - Masjid Namirah). Tidak ada dalil yang menerangkan tentang afdalnya berwukuf di atas Jabal Rahmah.



KEADAAN ORANG YANG BERWUKUF DI ARAFAH

Sah wukuf dalam keadaan tidur, berjaga, berbaring, duduk, berjalan dan menunggang kenderaan. Sah berwukuf dalam keadaan suci ataupun tidak, seperti wanita yang sedang berhaid, nifas atau orang yang sedang berjunub.

Tidak sah wukuf yang dilakukan oleh orang yang pengsan, gila, pitam atau mabuk yang tidak sedarkan dirinya sepanjang masa berwukuf (batal hajinya).

Jemaah yang tersebut, dikehendaki meneruskan semua pekerjaan hajinya hingga akhir dan wajib mengqadaknya pada tahun yang berikutnya.

KELEBIHAN WUKUF DI ARAFAH

Di antara beberapa kelebihan wukuf di Arafah telah diterangkan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. dengan sabdanya:

وَأَمَّا وَقُوفُكَ عَشِيَّةَ عَرَفَةَ فَإِنَّ اللَّهَ يَهْبِطُ إِلَى سَمَاءِ الدُّنْيَا
فِيْبَاهِي بِكُمْ الْمَلَائِكَةُ يَقُولُ: عِبَادِي جَاءُونِي شُعْتًا مِنْ كُلِّ
فَجٍّ يَرْجُونَ جَنَّتِي فَلَوْ كَانَتْ ذُنُوبُهُمْ كَعَدَدِ الرَّمْلِ أَوْ
كَقَطْرِ الْمَطَرِ أَوْ كَزَبَدِ الْبَحْرِ لَغَفَرْتُهَا.

Maksudnya: “Tentang wukufmu di Arafah, maka rahmat Allah turun ke langit dunia, dan Allah berbangga dengan kamu akan malaikatNya sambil berfirman: “Hamba-hambaKu datang dalam keadaan kusut masai dari perjalanan yang jauh, mengharap syurgaKu. Andainya dosa mereka seperti pasir banyaknya atau seperti titik-titik hujan atau seperti buih di laut; nescaya Aku ampunkan.”
- (At-Tabrani).



Dalam satu hadis marfuk, Ibnu Abbas meriwayatkan:

مَنْ قَرَأَ قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ أَلْفَ مَرَّةٍ يَوْمَ عَرَفَةَ أُعْطِيَ مَا سَأَلَ.

Maksudnya: “Barangsiapa membaca *Qulhuwallahu Ahad* seribu kali pada hari Arafah, Allah s.w.t. akan memberinya apa yang dimintanya.” - (Ibnu Abbas).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

مَنْ حَفِظَ لِسَانَهُ وَسَمِعَهُ وَبَصَرَهُ يَوْمَ عَرَفَةَ غُفِرَ لَهُ مِنْ عَرَفَةَ إِلَى عَرَفَةَ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang sanggup menjaga lidahnya, pendengarannya dan juga penglihatannya pada hari Arafah, diampunkan dosanya dari satu Arafah ke satu Arafah yang lain.” - (Abun Naih bin Hibban).

SUNAT-SUNAT WUKUF DI ARAFAH

Di antara sunat wukuf di Arafah ialah:

1. Mandi kerana wukuf (selepas gelincir matahari pada hari wukuf).
2. Berzikir, berdoa dan bertahlil sebanyak-banyaknya.
3. Berselawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w.
4. Membanyakkan membaca Al-Quranul Karim.
5. Mengangkat kedua tangan ketika berdoa.
6. Berdiri menghadap kiblat, berdoa (dalam keadaan berwuduk).
7. Banyak beristighfar dan bertaubat.
8. Membaca amalan-amalan di Arafah.

**DOA KETIKA MASUK KE ARAFAH**

اللَّهُمَّ إِلَيْكَ تَوَجَّهْتُ وَبِكَ اعْتَصَمْتُ وَعَلَيْكَ تَوَكَّلْتُ.
اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِمَّنْ تُبَاهِي بِهِ الْيَوْمَ مَلَائِكَتَكَ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Maksudnya: “Ya Allah, hanya kepada Engkau aku menghadap, dan kepada Engkau aku bergantung, dan kepada Engkau aku berserah diri. Ya Allah, jadikanlah aku dari golongan orang-orang yang pada hari ini yang membanggakan Engkau akan dia disisi malaikatMu. Sesungguhnya Engkau Yang Maha Berkuasa di atas segala-galanya.”

DOA KETIKA BERZIARAH KE JABAL RAHMAH

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَتُبْ عَلَيَّ وَاعْظِنِي سُؤْلِي وَوَجِّهْ لِي الْخَيْرَ
أَيْنَمَا تَوَجَّهْتُ سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ
أَكْبَرُ.

Maksudnya: “Ya Allah, ampunilah aku, terimalah taubatku. Perkenankanlah permohonanku dan hadapkanlah aku kepada kebaikan, ke mana saja aku pergi. Maha Suci Allah dan segala puji bagi Allah, dan tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Agung.”



DI ANTARA DOA YANG DIAMALKAN OLEH BAGINDA NABI S.A.W. DI ARAFAH

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ فِيْ قَلْبِيْ نُورًا، وَفِيْ
سَمْعِيْ نُورًا وَفِيْ بَصَرِيْ نُورًا. اَللّٰهُمَّ اشْرَحْ لِيْ صَدْرِيْ،
وَيَسِّرْ لِيْ اَمْرِيْ.

Maksudnya: "Tiada Tuhan melainkan Allah, yang tiada sekutu bagiNya. BagiNya segala kerajaan dan bagiNya segala puji. Dan Dia Maha Kuasa ke atas tiap-tiap sesuatu. Ya Allah, berilah cahaya di hatiku, di telingaku, dan di penglihatanku. Ya Allah, lapangkanlah dadaku, dan mudahkanlah urusanku."

AMALAN YANG BAIK KETIKA WUKUF DI ARAFAH

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ الَّذِيْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ
وَأَتُوبُ إِلَيْهِ. 100 كالي.

Maksudnya: "Aku mohon ampun kepada Allah yang Maha Agung yang tiada Tuhan melainkan Dia yang Maha Hidup lagi Berdiri (di atas ZatNya sendiri) dan aku bertaubat kepadaNya"

لَبَّيْكَ اَللّٰهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ. اِنَّ الْحَمْدَ
وَالنَّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ. 3 كالي.



Maksudnya: “Aku menyahut wahai Tuhanku aku menyahut (panggilan Nabi Ibrahim). Tiada sekutu bagiMu, aku menyahut akan panggilan itu. Segala pujian dan kebaikan bagiMu, dan pemerintahan juga bagiMu, tiada sekutu bagiMu.”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ. 3 كالي.

Maksudnya: “Allah Maha Besar. Allah Maha Besar. Allah Maha Besar. Tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar. Allah Maha Besar dan bagi Allah segala puji.”

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ
يُحْيِي وَيُمِيتُ بِيَدِهِ الْخَيْرُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. 100 كالي.

Maksudnya: “Tiada Tuhan melainkan Allah. Dia Esa, tiada sekutu bagiNya. UntukNya segala pemerintahan dan untukNya segala puji. Dia menghidupkan dan Dia mematikan. Di tanganNya segala kebaikan dan Dia Maha Berkuasa atas sesuatu.”

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ. أَشْهَدُ أَنَّ اللَّهَ عَلَى
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَنَّ اللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا. 100 كالي

Maksudnya: “Tiada suatu daya dan tiada suatu kekuatan kecuali dengan izin Allah yang Maha Tinggi dan Maha Agung. Dan aku bersaksi bahawa Allah Maha Berkuasa atas segala sesuatu dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.”



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. إِنَّ اللَّهَ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. 3 كاي.

Maksudnya: "Aku berlindung kepada Allah dari syaitan yang terkutuk. Sesungguhnya Allah, Dialah Yang Maha Mendengar dan Maha Melihat."

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. الرَّحْمَنُ
الرَّحِيمُ. مَا لِكَ يَوْمَ الدِّينِ. إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ. اهْدِنَا
الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ. صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ. غَيْرِ
الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ. 3 كاي

Maksudnya: "Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Maha Penyayang, Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, Yang Maha Pemurah Maha Penyayang, Yang menguasai hari pembalasan, hanya kepada Engkaulah kami menyembah dan kepada Engkaulah kami mohon pertolongan, tunjukilah kami jalan yang lurus, iaitu jalan orang-orang yang telah Engkau anugerahkan nikmat kepada mereka, bukan jalan mereka yang Engkau murkai dan bukan jalan mereka yang sesat."

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ. اللَّهُ الصَّمَدُ.
لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُولَدْ. وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُوًا أَحَدٌ. 100 كاي

Maksudnya: "Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah Maha Penyayang. Katakanlah: Dialah Allah yang Maha Esa, Allah adalah Tuhan yang bergantung kepadaNya segala sesuatu. Dia tiada beranak dan tiada pula diperanakkan dan tidak ada seorang pun yang setara dengan Dia."



اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى النَّبِيِّ الْاُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ. 100 كالي.

Maksudnya: “Ya Allah, selawat dan salam serta berkatilah; atas Nabi yang tidak tahu membaca dan menulis, demikian juga ke atas keluarganya sekalian.”

DOA DI ARAFAH

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ بِوَجْهِكَ الْكَرِيْمِ وَجُودِكَ الْقَدِيْمِ وَبِاسْمِكَ
الْاَعْظَمِ وَبِجَاهِ نَبِيِّكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَإِخْوَانِهِ مِنَ النَّبِيِّيْنَ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَالْتَّابِعِيْنَ لَهُمْ مِنَ الْعُلَمَاءِ الْعَامِلِيْنَ وَالْأَوْلِيَاءِ الصَّالِحِيْنَ
وَبِحُرْمَةِ هَذَا الْيَوْمِ أَنْ تُصَلِّيَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَأَنْ تَغْفِرَ
لَنَا وَلِوَالِدَيْنَا وَأَوْلَادِنَا وَإِخْوَانِنَا وَأَقْرَبَائِنَا وَمَشَائِخِنَا وَأَصْحَابِنَا
وَأَصْدِقَائِنَا وَلِمَنْ أَوْصَانَا بِالدُّعَاءِ وَلِمَنْ أَحْسَنَ إِلَيْنَا وَلِمَنْ
لَهُ حَقٌّ عَلَيْنَا وَلِمَنْ ظَلَمْنَاهُ أَوْ أَسَانَا إِلَيْهِ وَلِجَمِيعِ الْمُسْلِمِيْنَ
وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَنْ تَرْزُقَنَا وَإِيَّاهُمْ



خَيْرَاتِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَأَنْ تَحْفَظَنَا وَإِيَّاهُمْ مِنْ جَمِيعِ
 بَلَاءِ الدُّنْيَا وَأَهْوَالِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَأَنْ تَرْزُقَنَا الْعُلُومَ النَّافِعَةَ
 وَالْأَعْمَالَ الصَّالِحَةَ وَأَنْ تَعْصِمَنَا مِنْ جَمِيعِ الْمَعَاصِي
 الظَّاهِرَةِ وَالْبَاطِنَةِ وَأَنْ تُسَهِّلَ لَنَا رِزْقًا حَلَالًا وَاسِعًا وَأَنْ
 تَحْفَظَنَا شَرَّ الْأَشْرَارِ مِنَ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ وَالِدَّوَابِّ وَغَيْرِهَا
 وَأَنْ تَخْتِمَنَا وَإِيَّاهُمْ بِحُسْنِ الْخَاتِمَةِ، آمِينَ. وَصَلَّى اللَّهُ
 عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: “Ya Allah. Ya Tuhanku, sesungguhnya aku mohon akan di-Kau, dengan kemuliaan zatMu, dengan kemurahanMu, yang kekal abadi dengan segala namaMu Yang Maha Besar dengan apa yang diturunkan ke atas nabiMu Saiyidina Muhammad s.a.w. dan sekalian saudara-saudaranya daripada nabi-nabi dan rasul-rasul serta keluarganya, sahabat-sahabatnya dan sekalian pengikut-pengikut mereka daripada golongan ulama-ulama yang beramal, wali-wali yang soleh. Dengan kehormatan di hari yang mulia ini bahawa Engkau memberi rahmat ke atas Nabi Muhammad, bahawa Engkau ampunkan kami, kedua ibu-bapa kami, anak-anak kami, saudara-mara kami, sekalian keluarga kami, guru-guru kami, sahabat-handai kami, mereka yang berbuat-baik kepada kami, mereka yang mempunyai hak atas kami, mereka yang kami zaliminya atau menyakitinya dan kepada sekalian orang-orang Islam lelaki dan perempuan sama ada yang hidup atau yang mati. Engkau memberi rezeki dan kebajikan kepada kami dan mereka itu dunia dan akhirat dan Engkau peliharalah kami dan mereka daripada segala bencana, Engkau jauhkan mala petaka dunia dan akhirat. Bahawa Engkau kurniakan kepada kami dengan ilmu pengetahuan yang berguna dan amalan yang soleh, Engkau peliharalah kami



daripada perbuatan-perbuatan yang jahat sama ada dari manusia, jin, binatang yang buas dan lain-lainnya. Engkau matikan kami dan mereka itu dalam husnul khatimah, Amin. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad dan keluarganya, sahabat-sahabatnya, dan sejahterakanlah.

SEBELUM MENINGGALKAN ARAFAH BACALAH

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَاللّٰهُ اَكْبَرُ
اَللّٰهُ اَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ.

Maksudnya: “Allah Maha Besar. Allah Maha Besar. Allah Maha Besar. Tiada Tuhan melainkan Allah, dan Allah Maha Besar. Allah Maha Besar dan bagi Allah segala puji.”



TAWAF

PENGERTIAN TAWAF

Tawaf ialah berjalan mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh pusingan, yang dilakukan di dalam Masjidil Haram di Makkah. Ia dimulai dari rukun Hajar Aswad dan menurut syarat-syarat yang telah ditentukan.

HUKUM TAWAF

Tawaf ialah satu daripada rukun ibadat haji, dan mesti dikerjakan oleh setiap jemaah haji. Ini telah diterangkan oleh Allah s.w.t. dengan firman-Nya:

وَلِيَطَّوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: "Dan hendaklah mereka melakukan tawaf sekeliling rumah yang tua ini (Baitul-Atik)." - (Al-Haj: 29).

Firman-Nya lagi:

وَطَهَّرَ بَيْتِي لِلطَّائِفِينَ وَالْقَائِمِينَ وَالرُّكَّعِ السُّجُودِ ﴿٢٦﴾

Maksudnya: "Dan sucikanlah rumahKu ini bagi orang-orang yang tawaf dan orang-orang yang beribadat dan orang-orang rukuk dan sujud." - (Al-Haj: 26).

TEMPAT TAWAF


Tawaf ialah satu ibadat yang hanya boleh dilakukan di Kaabah sahaja. Tidak sah tawaf yang dilakukan di tempat yang lain, walaupun tawaf sama dengan solat. Sesuai dengan firman Allah:



وَلْيُوفُوا ذُرَاهِمَ وَلْيَطَّوَّفُوا بِالْبَيْتِ الْعَتِيقِ

Maksudnya: "Dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazar mereka dan hendaklah mereka melakukan tawaf sekeliling rumah yang tua ini (Baitul Atik)."

- (Al-Haj: 29).





KELEBIHAN TAWAF

Rasulullah s.a.w. bersabda:

وَأَمَّا طَوَافُكَ بِالْبَيْتِ بَعْدَ ذَلِكَ فَإِنَّكَ تَطُوفُ وَلَا ذَنْبَ لَكَ، يَأْتِي مَلَكٌ حَتَّى يَضَعَ يَدَيْهِ بَيْنَ كَتِفَيْكَ فَيَقُولُ: اْعْمَلْ فِيمَا اسْتَقْبَلَ فَقَدْ غُفِرَ لَكَ مَا مَضَى.

Maksudnya: “Adapun tawafmu di Kaabah selepasnya (selepas melontar semua jamrah), maka kamu bertawaf dalam keadaan bersih dari dosa. Maka datang Malaikat dan kedua tangannya memegang kedua bahumu sambil berkata: Beramallah olehmu pada masa akan datang. Sesungguhnya dosamu yang lalu telah diampunkan.”

Sabdanya lagi:

مَنْ طَافَ بِالْبَيْتِ خَمْسِينَ مَرَّةً خَرَجَ مِنْ ذُنُوبِهِ كَيَوْمٍ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ.

Maksudnya: “Barangsiapa mengerjakan tawaf di Baitullah lima puluh kali, maka keluarlah dia dari dosanya (diampunkan, bersih dari dosanya) seperti baru dilahirkan oleh ibunya.”- (Ibnu Abbas)

Sabdanya lagi:

يُنْزِلُ اللَّهُ كُلَّ يَوْمٍ عَلَى حُجَّاجِ بَيْتِهِ الْحَرَامِ مِائَةَ وَعِشْرِينَ رَحْمَةً: سِتِّينَ لِلطَّائِفِينَ، وَأَرْبَعِينَ لِلْمُصَلِّينَ، وَعِشْرِينَ لِلنَّاظِرِينَ إِلَى الْبَيْتِ.



Maksudnya: “Allah menurunkan pada tiap-tiap hari untuk orang yang mengerjakan haji di Baitullahil Haram, seratus dua puluh rahmat. Enam puluh untuk orang yang mengerjakan tawaf, empat puluh untuk orang yang mengerjakan solat dan dua puluh untuk orang yang memandang ke Kaabah.” - (Al-Baihaki).

JENIS-JENIS TAWAF

1. Tawaf Qudum - Dinamakan juga dengan tawaf dukhul (selamat datang). Jika yang bertawaf berhaji ifrad, tawaf ini dinamakan tawaf qudum, tawaf tahiyat dan tawaf dukhul. Jika yang bertawaf berhaji qiran atau tamattuk, tawaf ini dinamakan tawaf umrah dan tidak perlu mengerjakan tawaf qudum.

2. Tawaf Ifadah - Dinamakan juga dengan tawaf rukun, ia adalah satu daripada rukun haji dan umrah. Jika tidak dikerjakan tidaklah sah haji atau umrahnya. Untuk mengerjakan tawaf ini tidak perlu berniat, kerana niat mengerjakan haji atau umrah sudah mencukupi. Tetapi sunat diniatkan semula.

3. Tawaf Tahiyat - Dinamakan juga dengan tawaf sunat. Tawaf ini dikerjakan setiap kali masuk ke Masjidil Haram, sebagai ganti solat sunat tahiyatul masjid. Atau mengulangi tawafnya ketika berada di dalam Masjidil Haram. Tawaf inilah yang banyak dikerjakan oleh jemaah haji yang suka dan rajin beribadat. Ia wajib diniatkan setiap kali bertawaf.

4. Tawaf Wadak - Dinamakan juga dengan tawaf selamat tinggal. Ia dikerjakan ketika para jemaah hendak berangkat meninggalkan kota Makkah. Sama ada akan pulang ke tanah airnya atau untuk berziarah ke Masjid Nabawi di Madinah. Tawaf wadak ialah amalan yang terakhir yang dikerjakan oleh seseorang jemaah dan hukumnya adalah wajib. Yang meninggalkannya tanpa uzur, adalah berdosa dan diwajibkan membayar dam, dengan menyembelih seekor kambing (seperti dam tamattuk).

5. Tawaf Tahallul - Tawaf ini diwajibkan ke atas seseorang yang tidak dapat wukuf di Arafah, kerana sebab-sebab yang tertentu, untuk menghalalkan yang haram. Dia wajib keluar daripada ihram dengan menunaikan amalan umrah. Selain itu, dia juga wajib membayar dam serta mengulangi haji pada tahun hadapan sekiranya haji tersebut ialah haji fardu.



6. Tawaf Nazar -Tawaf ini wajib dikerjakan oleh orang yang bernazar untuk melaksanakannya. Dia wajib menunaikan nazarnya serta berniat ketika mengerjakan tawaf tersebut.

NIAT-NIAT TAWAF

Menurut pendapat yang muktamad, tawaf haji dan umrah, tidak wajib diniatkan secara khusus. Ini kerana tawaf adalah rukun bagi ibadat haji dan umrah. Walaupun demikian, adalah baik jika diniatkan dengan cara khusus.

Mengulangi niat tawaf haji dan umrah adalah sunat. Selain daripada tawaf haji dan umrah, tawaf-tawaf yang lain, adalah wajib diniatkan ketika hendak mengerjakannya.

TEMPAT MENJATUHKAN NIAT TAWAF

Tempat menjatuhkan niat untuk memulakan tawaf ialah di Rukun Hajar Aswad (menghadap kepadanya). Diharuskan menjatuhkan niat di antara Rukun Yamani dan Rukun Hajar Aswad. Tetapi permulaan tawaf hanya dikira dari sudut Rukun Hajar Aswad dan akhir tawaf juga di situ (Rukun Hajar Aswad).

SYARAT-SYARAT TAWAF

Syarat bagi sahnya tawaf ada sembilan perkara:

1. Menutup aurat.
2. Suci daripada hadas dan najis.
3. Cukup tujuh pusingan.
4. Dimulai dari Rukun Hajar Aswad.
5. Mengiri Kaabah.
6. Di luar Kaabah.
7. Di dalam Masjidil Haram.
8. Berniat.
9. Tujuan bertawaf.



SUNAT-SUNAT TAWAF

Di antara sunat-sunat tawaf ialah:

1. Dimulakan semula dari sudut Rukun Hajar Aswad, apabila tawaf kita batal (berhadas, terpesong dari Kaabah, terkena najis dan lain-lainnya).
2. Tawaf dengan berjalan kaki.
3. Tidak memakai kasut (ketika bertawaf).
4. Pendekkan langkah (kerana banyak pahala).
5. Istilam pada Rukun Hajar Aswad pada permulaan tawaf (dengan tangan atau mengucup).
6. Meniga-nigakan istilam.
7. Istilam pada Rukun Yamani (jika tidak boleh, memadai dengan melambai sahaja).
8. Bacalah doa-doa tawaf yang warid dari Nabi s.a.w.
9. Ramal bagi lelaki pada tiga pusingan yang pertama (tawaf yang diiringi dengan sai).
10. Berjalan biasa pada pusingan yang keempat hingga akhir.
11. Ittibak bagi lelaki pada tiga pusingan yang pertama (tawaf yang diiringi dengan sai).
12. Tawaf berhampiran dengan Kaabah (bagi lelaki).
13. Tawaf berjauhan dengan Kaabah (bagi wanita).
14. Berturut-turut di antara pusingan tawaf.
15. Berniat semula bagi tawaf rukun (haji atau umrah).
16. Solat sunat tawaf (dua rakaat - selepas tawaf).
17. Nyaringkan suara (pada solat sunat yang dikerjakan pada waktu malam).
18. Afdal solat sunat tawaf dua rakaat pada tiap-tiap satu tawaf (harus beberapa kali tawaf dengan satu solat sunat).
19. Tawaf dengan sakinah, wakar dan hadir hati (sopan santun, tenang dan jangan berkata-kata selain dari mengajar).
20. Mengangkat kedua tangan ketika membaca doa dalam tawaf (letakkan tangan di dada jika tidak membaca doa).



MAKRUH-MAKRUH TAWAF

Di antara makruh-makruh tawaf ialah:

1. Meninggalkan ramal - Ramal yang ditinggalkan tidak sunat diqadakkan pada keliling yang baki.
2. Meninggalkan ittibak - Tidak disunatkan ittibak pada tawaf yang tidak ada sai sesudahnya.
3. Ittibak dalam solat - Makruh ittibak dalam solat. Ketika solat sunat tawaf, janganlah ittibak. Apabila hendak mengerjakan sai, sunat ittibak semula.
4. Menceraikan pusingan - Makruh menceraikan pusingan tawaf tanpa uzur. Uzurnya tawaf ialah: Hendak mendirikan solat berjemaah, kedatangan sesuatu hajat, seperti hendak kadak hajat atau terlalu dahaga.
5. Menceraikan tawaf fardu - Makruh menceraikan tawaf fardu kerana hendak mengerjakan solat jenazah atau solat sunat rawatib.
6. Makan - Makruh makan dan minum ketika tawaf
7. Meletakkan tangan di mulut - Makruh meletakkan tangan di mulut dengan tiada hajat, melainkan kerana menguap.
8. Tasybik - iaitu memasukkan jari-jari di antara jari-jari (seperti sembahyangnya orang-orang Nasrani) sambil mengerenyam- ngerenyamkannya.
9. Hendak kadak hajat - Makruh tawaf ketika terasa sangat hendak qadak hajat, terlalu sangat lapar dan dahaga.



SOLAT SUNAT TAWAF

Solat ini sunat dikerjakan setelah selesai tawaf. Boleh dilakukan di mana-mana tempat yang afdal mengerjakan solat sunat tawaf. Solat ini dikerjakan dua rakaat. Pada rakaat yang pertama, selepas surah Al-Fatihah bacalah surah Al-Kafirun dan pada rakaat yang kedua, selepas surah Al-Fatihah bacalah surah Al-Ikhlash.

Lafaz niat solat sunat tawaf

أُصَلِّي سُنَّةَ الطَّوَّافِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: "Sahaja aku solat sunat tawaf dua rakaat kerana Allah Taala"

TEMPAT-TEMPAT AFDAL SOLAT SUNAT TAWAF

Di antara tempat-tempat afdal solat sunat tawaf ialah:

1. Di belakang Makam Ibrahim.
2. Kawasan yang seiring dengan makam.
3. Di dalam Kaabah.
4. Di bawah Mizab.
5. Di dalam kawasan Hijir Ismail.
6. Kawasan yang mengiringi Hatim (tembok Hijir Ismail).
7. Kawasan yang mengiringi wajah Kaabah (di antara Rukun Hajar Aswad dan Rukun Iraqi).
8. Di antara Rukun Yamani dan Rukun Hajar Aswad.
9. Di mana-mana sahaja dalam Masjidil Haram.
10. Di mana-mana sahaja di tanah Haram Makkah.
11. Di dalam negeri Makkah.
12. Di mana-mana sahaja.



DOA SEBELUM MEMBACA LAFAZ NIAT TAWAF

Sebelum membaca lafaz niat tawaf sangat baik kalau dibaca doa ini:

اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اُرِيْدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ فَيَسِّرْهُ لِيْ وَتَقَبَّلْهُ مِنِّىْ .

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku hendak mengerjakan tawaf mengelilingi rumahMu yang suci, maka berikanlah aku kemudahan dan terimalah ia daripadaku.”

LAFAZ-LAFAZ NIAT TAWAF

Lafaz niat tawaf qudum

نَوَيْتُ اَنْ اَطُوْفَ طَوَافَ الْقُدُوْمِ سَبْعَةَ اَشْوَاطٍ لِلّٰهِ تَعَالٰى .

Maksudnya: “Sahaja aku berniat mengerjakan tawaf qudum tujuh pusingan kerana Allah Taala.”

Lafaz niat tawaf haji

نَوَيْتُ اَنْ اَطُوْفَ طَوَافَ الْحَجِّ سَبْعَةَ اَشْوَاطٍ لِلّٰهِ تَعَالٰى .

Maksudnya: “Sahaja aku berniat mengerjakan tawaf haji tujuh pusingan kerana Allah Taala”

Lafaz niat tawaf umrah

نَوَيْتُ اَنْ اَطُوْفَ طَوَافَ الْعُمْرَةِ سَبْعَةَ اَشْوَاطٍ لِلّٰهِ تَعَالٰى .

Maksudnya: “Sahaja aku berniat mengerjakan tawaf umrah tujuh pusingan kerana Allah Taala.”



Lafaz niat tawaf sunat

نَوَيْتُ أَنْ أَطُوفَ طَوَافَ السُّنَّةِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: "Sahaja aku berniat mengerjakan tawaf sunat tujuh pusingan kerana Allah Taala"

Lafaz niat tawaf wadak

نَوَيْتُ أَنْ أَطُوفَ طَوَافَ الْوَدَاعِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: "Sahaja aku berniat mengerjakan tawaf wadak tujuh pusingan kerana Allah Taala."



DOA-DOA TAWAF

Di antara doa-doa tawaf ada yang dibaca pada semua keliling tawaf (tujuh keliling), ada yang dibaca pada satu keliling (satu keliling satu doa) dan ada yang dibaca pada setiap rukun (satu doa pada satu rukun).

DOA TAWAF DARI BAGINDA RASULULLAH S.A.W. YANG DIBACA PADA SEMUA PUSINGAN

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:
مَنْ طَافَ بِالْبَيْتِ سَبْعًا وَلَا يَتَكَلَّمُ إِلَّا سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ
لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ،
مُحِيتَ عَنْهُ عَشْرُ سَيِّئَاتٍ وَكُتِبَ لَهُ عَشْرُ حَسَنَاتٍ وَرُفِعَ
لَهُ بِهَا عَشْرُ دَرَجَاتٍ.

Maksudnya: Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya dia telah mendengar Nabi s.a.w. bersabda "Barangsiapa bertawaf di Kaabah tujuh keliling dan ia tidak berkata-kata selain dari Maha Suci Allah dan segala puji bagi Allah - (Orang yang membaca kalimat-kalimat tersebut) dihapuskan daripadanya sepuluh kejahatan dan dituliskan untuknya sepuluh kebajikan dan ditingkatkan darjatnya sepuluh tingkat." - Diriwayatkan oleh Ibnu Majah.



DOA-DOA TAWAF YANG DIBACA PADA SATU-SATU PUSINGAN

Doa tawaf pusingan pertama

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ
وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ. اَللّٰهُمَّ اِيْمَانًا بِكَ
وَتَصَدِيقًا بِكِتَابِكَ وَوَفَاءً بِعَهْدِكَ وَاتِّبَاعًا لِسُنَّةِ نَبِيِّكَ وَحَبِيْبِكَ
مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ. اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ الْعَفْوَ
وَالْعَافِيَةَ وَالْمُعَافَاةَ الدَّائِمَةَ فِي الدِّينِ وَالدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،
وَالْفَوْزَ بِالْجَنَّةِ وَالنَّجَاةَ مِنَ النَّارِ.

Maksudnya: “Maha Suci Allah dan segala puji bagiNya. Tiada Tuhan kecuali Allah. Allah Maha Besar, dan tidak ada suatu kekuatan, kecuali dengan izin Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Agung. Selawat dan salam bagi Rasulullah s.a.w. Ya Allah, kerana keimanan kepadaMu, kerana membenarkan kitabMu, kerana menunaikan janji denganMu dan kerana menurut sunnah NabiMu Muhammad s.a.w. aku melakukan amalan ini. Ya Allah sesungguhnya aku mohon keampunan, kesihatan dan kesejahteraan terus menerus di dalam beragama, di dunia dan di akhirat, memperoleh kemenangan dan syurga serta terhindar dari neraka.”



Doa tawaf pusingan kedua

اَللّٰهُمَّ اِنَّ هٰذَا الْبَيْتَ بَيْتُكَ وَالْحَرَمَ حَرَمُكَ وَالْاَمْنَ اَمْنُكَ
وَالْعَبْدَ عَبْدُكَ وَاَنَا عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ وَهٰذَا مَقَامُ الْعَائِدِ
بِكَ مِنَ النَّارِ فَحَرِّمْ لِحُومَنَا وَبَشَرَتَنَا عَلَى النَّارِ. اَللّٰهُمَّ
حَبِّبْ اِلَيْنَا الْاِيْمَانَ وَزَيِّنْهُ فِي قُلُوْبِنَا وَكَرِّهْ اِلَيْنَا الْكُفْرَ
وَالْفُسُوْقَ وَالْعِصْيَانَ وَاجْعَلْنَا مِنَ الرَّاشِدِيْنَ. اَللّٰهُمَّ قِنِي
عَذَابَكَ يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ. اَللّٰهُمَّ ارْزُقْنِي الْجَنَّةَ بِغَيْرِ حِسَابٍ.

Maksudnya: "Ya Allah, sesungguhnya rumah ini adalah rumahMu, dan tanah haram ini adalah tanah haramMu, negeri aman ini adalah negeriMu, hamba ini adalah hambaMu, dan anak dari hambaMu, dan tempat ini adalah tempat orang berlindung padaMu dari seksa neraka, maka jauhkanlah daging dan kulit kami dari api neraka. Ya Allah, jadikanlah hati kami pencinta keimanan, hasilah hati kami dengannya (iman), dan jadikanlah kami benci dengan kekafiran, kefasikan dan kemaksiatan, serta jadikanlah kami di antara orang yang mendapat petunjuk. Ya Allah, lindungilah kami dari azabMu pada hari Engkau membangkitkan hamba-hambaMu. Ya Allah, anugerahilah aku syurga tanpa perhitungan."

Doa tawaf pusingan ketiga

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ مِنَ الشَّكِّ وَالشَّرِّ وَالشَّقَاقِ وَالنِّفَاقِ
وَسُوْءِ الْاَخْلَاقِ وَسُوْءِ الْمَنْظَرِ وَالْمُنْقَلَبِ فِي الْمَالِ وَالْاَهْلِ
وَالْوَلَدِ. اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ وَاعُوْذُ بِكَ مِنْ



سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْقَبْرِ وَاَعُوْذُ بِكَ
مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ.

Maksudnya; “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadaMu dari kebimbangan, kesyirikan, perpecahan, kemunafikan, keburukan akhlak, keburukan pandangan, dan kesalahan urusan dalam harta, keluarga dan anak-anak. Ya Allah, aku mohon redaMu dan syurga serta mohon perlindungan terhadap kemarahanMu dan neraka. Ya Allah, aku mohon dilindungi dari fitnah kubur, dan mohon dilindungi dari berbagai godaan kehidupan dan kematian.”

Doa tawaf pusingan keempat

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا وَسَعْيًا مَشْكُورًا وَذَنْبًا مَغْفُورًا
وَعَمَلًا صَالِحًا مَقْبُولًا وَتِجَارَةً لَّنْ تَبُوْرَ ، يَا عَالِمَ مَا فِي
الصُّدُوْرِ. اَخْرِجْنِيْ يَا اَللهُ مِنَ الظُّلُمَاتِ اِلَى النُّوْرِ. اَللّٰهُمَّ
اِنِّيْ اَسْأَلُكَ مُوْجِبَاتِ رَحْمَتِكَ وَعَزَائِمَ مَغْفِرَتِكَ وَالسَّلَامَةَ
مِنْ كُلِّ اِثْمٍ وَالْغَنِيْمَةَ مِنْ كُلِّ بَرٍّ وَالْفَوْزَ بِالْجَنَّةِ وَالنَّجَاةَ
مِنْ النَّارِ. رَبِّ قَنِّعْنِيْ بِمَا رَزَقْتَنِيْ وَبَارِكْ لِيْ فِيْمَا اَعْطَيْتَنِيْ
وَاخْلُفْ عَلَيَّ كُلَّ غَائِبَةٍ لِّيْ مِنْكَ بِخَيْرٍ.

Maksudnya:”Ya Allah, jadikanlah hajiku haji yang mabrur, sai yang diterima, dosa yang terampun, amal soleh yang diterima, serta perniagaan yang tidak merugikan. Wahai Tuhan Yang Maha Mengetahui apa-apa tersimpan di dalam dada. Ya Allah, keluarkanlah aku dari kegelapan kepada cahaya terang. Ya Allah, aku mohon



maaf padaMu segala hal yang mendatangkan rahmatMu, semua yang membawa kepada keampunan, terjauh dari segala dosa, memperoleh segala kebaikan, dan berjaya memasuki syurga serta terlepas dari neraka. Ya Tuhanku tenteramkan hatiku dengan rezeki yang Engkau beri dan berkatilah segala yang Engkau telah kurniakan kepadaku, dan gantilah segala yang terluput dariku dengan kebaikan dari sisiMu.”

Doa tawaf pusingan kelima

اَللّٰهُمَّ اَظِلَّنِيْ تَحْتَ ظِلِّ عَرْشِكَ يَوْمَ لَا ظِلَّ اِلَّا ظِلُّكَ،
وَلَا بَاقِيَ اِلَّا وَجْهُكَ وَاَسْقِنِيْ مِنْ حَوْضِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ
صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَرْبَةً هَنِئَةً مَّرِيَّةً لَا اَظْمَأُ بَعْدَهَا
اَبَدًا. اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا سَأَلَكَ مِنْهُ نَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ
صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا اسْتَعَاذَكَ مِنْهُ
نَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَاٰلِهٖ وَسَلَّمَ. اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ
الْجَنَّةَ وَنَعِيْمَهَا وَمَا قَرَّبَ اِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ وَاَعُوْذُ بِكَ
مِنَ النَّارِ وَمَا قَرَّبَ اِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ.

Maksudnya: “Ya Allah, lindungilah aku di bawah naunganMu pada hari yang tiada naungan, kecuali naunganMu, dan tiada yang tinggal kecuali wajahMu. Berilah aku minum dari telaga Nabi Muhammad s.a.w., minuman yang lazat yang menyegarkan, yang sesudahnya aku tidak akan pernah haus lagi. Ya Allah, aku mohon kepadaMu dari apa yang terbaik yang pernah diminta oleh NabiMu, Muhammad s.a.w. Dan aku berlindung kepadaMu dari kejahatan sebagaimana perlindungan yang di mohon oleh Nabi Muhammad s.a.w. Ya Allah, aku mohon kepadaMu syurga dengan segala kenikmatannya dan segala yang mendekatkan aku kepadanya, baik perkataan,



perbuatan ataupun tindakan. Dan aku mohon perlindungan kepadaMu dari neraka dan segala yang mendekatkan aku kepadanya, baik perkataan, perbuatan dan tindakan.”

Doa tawaf pusingan keenam

اَللّٰهُمَّ اِنَّ لَكَ عَلَيَّ حُقُوْقًا كَثِيْرَةً فَيَمَّا بَيْنِيْ وَبَيْنَكَ وَحُقُوْقًا
كَثِيْرَةً فَيَمَّا بَيْنِيْ وَبَيْنَ خَلْقِكَ. اَللّٰهُمَّ مَا كَانَ لَكَ مِنْهُ
فَاغْفِرْهُ لِيْ وَمَا كَانَ لِخَلْقِكَ فَتَحَمَّلْهُ عَنِّيْ وَاَغْنِنِيْ بِحَلَالِكَ
عَنْ حَرَامِكَ وَبِطَاعَتِكَ عَنْ مَعْصِيَتِكَ وَبِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ
يَا وَاَسَعَ الْمَغْفِرَةِ. اَللّٰهُمَّ اِنَّ بَيْتَكَ عَظِيْمٌ وَوَجْهَكَ كَرِيْمٌ.
وَاَنْتَ يَا اِلٰهَ حَلِيْمٌ كَرِيْمٌ عَظِيْمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاَعْفُ عَنِّيْ.

Maksudnya:”Ya Allah, hakMu sungguh banyak padaku, begitu juga yang berkaitan antara aku dan makhlukMu. Segala hakMu terhadapku, ampunilah aku tentang itu dan mana yang termasuk hak hambaMu padaku, maka bebaskanlah aku daripadanya. Cukuplah aku dengan rezeki yang halal yang Engkau berikan, terbebas dari yang haram. Kurniakanlah aku ketaatan padaMu dan jauhkan dari kederhakaan terhadapMu. Cukupkan bagiku kurniaMu, sehingga aku tidak memerlukan selain itu, wahai Tuhan Yang Maha Luas keampunanMu. Ya Allah, sesungguhnya rumahMu agung, wajahMu mulia, dan Maha Penyayang, Pemurah dan Maha Bijak. Engkau menyukai keampunan, ampunilah aku.”



Doa tawaf pusingan ketujuh

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ إِيمَانًا كَامِلًا، وَيَقِينًا صَادِقًا وَرِزْقًا وَاسِعًا
وَقَلْبًا خَاشِعًا، وَلِسَانًا ذَاكِرًا، وَحَلَالًا طَيِّبًا وَتَوْبَةً نُّصُوحًا،
وَتَوْبَةً قَبْلَ الْمَوْتِ وَرَاحَةً عِنْدَ الْمَوْتِ وَمَغْفِرَةً وَرَحْمَةً بَعْدَ
الْمَوْتِ، وَالْعَفْوَ عِنْدَ الْحِسَابِ، وَالْفَوْزَ بِالْجَنَّةِ، وَالنَّجَاةَ
مِنَ النَّارِ بِرَحْمَتِكَ يَا عَزِيزُ يَا غَفَّارُ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا وَالْحَقْنِي
بِالصَّالِحِينَ.

Maksudnya: "Ya Allah ya Tuhanku, sesungguhnya aku memohon dikurniakan iman yang sempurna, keyakinan yang benar-benarnya, rezeki yang luas, hati yang khusyuk, lidah yang sentiasa berzikir, barang-barang halal yang baik, taubat yang sebenar sebelum mati, keampunan dan rahmat sesudah mati, kemaafan ketika dihisabkan amalan, kejayaan dengan mendapat syurga dan keselamatan daripada neraka, dengan belas kasihan Engkau ya Tuhan yang Maha Kuasa lagi Maha Pengampun, ya Tuhan, tambahkan ilmu pengetahuan kepadaku dan masukkan daku ke dalam golongan orang-orang yang soleh.



DOA-DOA TAWAF DI SETIAP RUKUN

DI HADAPAN HAJAR ASWAD

اَللّٰهُمَّ اِيْمَانًا بِكَ وَتَصَدِّيقًا بِكِتَابِكَ وَوَفَاءً بِعَهْدِكَ وَاتِّبَاعًا
لِسُنَّةِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ.

Maksudnya: “Ya Allah, kerana keimanan kepadaMu, kerana membenarkan kitabMu, kerana menunaikan janji denganMu dan kerana menurut sunnah NabiMu Muhammad s.a.w. aku melakukan amalan ini.”

DI PINTU KAABAH

اَللّٰهُمَّ اِنَّ هَذَا الْبَيْتَ بَيْتُكَ، وَالْحَرَمَ حَرْمُكَ، وَالْأَمْنَ
أَمْنُكَ، وَهَذَا مَقَامُ الْعَائِدِ بِكَ مِنَ النَّارِ فَأَجِرْنِي مِنَ النَّارِ.

Maksudnya: “Ya Allah, rumah ini rumahMu, tanah Haram ini tanah HaramMu, keamanan ini keamananMu, dan inilah tempat orang berlingung dari azabMu. Maka selamatkanlah aku dari api nerakai:

DI RUKUN IRAQI

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ مِنَ الشَّكِّ وَالشَّرْكِ وَالشَّقَاقِ وَالنِّفَاقِ
وَسُوْءِ الْاَخْلَاقِ وَسُوْءِ الْمَنْظَرِ وَالْمُنْقَلَبِ فِي الْاَهْلِ وَالْمَالِ
وَالْوَلَدِ.



Maksudnya: “Ya Allah, aku berlingdung denganMu daripada sifat ragu dan syirik, permusuhan, kemunafikan, keburukan akhlak, dan buruk pandangan pada keluarga, harta dan anak

DI BAWAH SALURAN EMAS (MIZAB)

اَللّٰهُمَّ اَظِلَّنِيْ تَحْتَ ظِلِّ عَرْشِكَ يَوْمَ لَا ظِلَّ اِلَّا ظِلُّكَ وَلَا
بَاقِيْ اِلَّا وَجْهُكَ وَاَسْقِنِيْ مِنْ حَوْضِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى
اَللّٰهُ عَلَيْهِ وَاٰلِهٖ وَسَلَّم شَرِيَّةً هَنِئَةً مَّرِيَّةً لَا اَظْمَأُ بَعْدَهَا اَبَدًا.

Maksudnya: “Ya Allah, lindungilah aku di bawah naunganMu pada hari yang tiada naungan, kecuali naunganMu, dan tiada yang tinggal kecuali wajahMu. Berilah aku minum dari telaga Nabi Muhammad s.a.w., minuman yang lazat yang menyegarkan, yang sesudahnya aku tidak akan pernah haus lagi.”

DI RUKUN SYAMI

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا، وَسَعْيًا مَشْكُورًا، وَتِجَارَةً لَّنْ
تَبُوْرَ، رَبِّ اغْفِرْ وَاَرْحَمْ وَاَعْفُ وَتَكَرَّمْ وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ
اِنَّكَ اَنْتَ الْاَعَزُّ الْاَكْرَمُ.

Maksudnya: “Ya Allah, jadikanlah haji ini haji yang mabrur, sai yang diterima dan perniagaan yang tidak rugi. Ya Tuhanku, ampunilah, kasihanilah, maafkanlah dan kurniakanlah hambaMu ini. Maafkanlah kesalahan yang Engkau ketahui kerana sesungguhnya Engkau Maha Mulia lagi Maha Pemurah”



DI RUKUN YAMANI

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ. اَللّٰهُمَّ قَنِّعْنِيْ بِمَا رَزَقْتَنِيْ وَبَارِكْ لِيْ فِيْهِ وَاخْلُفْ عَلَيَّ
كُلَّ غَائِبَةٍ لِّيْ بِخَيْرٍ. اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ ضِيقِ الصَّدْرِ
وَشَتَاتِ الْاَمْرِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ.

Maksudnya: “Ya Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta selamatkanlah kami dari api neraka. Ya Allah, puaskanlah hati kami dengan rezeki kurniaanMu dan gantikanlah mana-mana yang hilang dengan yang lebih baik. Ya Allah, aku berlindung denganMu dari kesempitan dada, kucar-kacimya urusan dan azab kubur.”

KETIKA DI RUKUN HAJAR ASWAD

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِيْ بِرَحْمَتِكَ اَعُوْذُ بِرَبِّ هَذَا الْحَجَرِ مِنَ الدَّيْنِ
وَالْفَقْرِ وَضِيقِ الصَّدْرِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ. اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ
مِنَ الْفَقْرِ وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ.
وَاَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْخِزْيِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِيْ



بِرَحْمَتِكَ أَعُوذُ بِرَبِّ هَذَا الْحَجَرِ مِنَ الدَّيْنِ وَالْفَقْرِ وَضِيقِ
الصَّدْرِ وَشَتَاتِ الْأَمْرِ.

Maksudnya: Maksudnya: "Ya Tuhanku, ampunilah bagiku dengan rahmatMu, aku berlingung dengan Tuhan yang punya Hajar Aswad ini, daripada hutang dan kemiskinan, dan sempit dada dan azab kubur. Ya Allah, aku berlingung denganMu dari kepapaan, azab kubur dan fitnah hidup dan mati. Aku berlingung denganMu dari sifat kecewa di dunia dan di akhirat Ya Allah, ampunilah aku dengan rahmatMu. Aku berlingung dengan Tuhan yang menjadikan Hajar ini, dari hutang dan kepapaan, kesempitan dada dan kucar-kacimya urusan."

DOA SELEPAS SOLAT SUNAT TAWAF

(di belakang Makam Ibrahim)

اَللّٰهُمَّ اِنَّ هَذَا بَلَدُكَ الْحَرَمُ، وَمَسْجِدُكَ الْحَرَامُ، وَبَيْتُكَ
الْحَرَامُ، وَاَنَا عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ وَابْنُ أَمَتِكَ أَتَيْتُكَ بِذُنُوبٍ
كَثِيرَةٍ، وَخَطَايَا جَمَّةٍ وَأَعْمَالٍ سَيِّئَةٍ، وَهَذَا مَقَامُ الْعَائِدِ بِكَ
مِنَ النَّارِ. اَللّٰهُمَّ عَافِنَا وَاعْفُ عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ. اَللّٰهُمَّ إِنَّكَ دَعَوْتَ عِبَادَكَ إِلَى بَيْتِكَ الْحَرَامِ. وَقَدْ
جِئْتُ طَالِبًا مَرْضَاتِكَ، وَأَنْتَ مَنْنْتَ عَلَيَّ فَاعْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي
وَعَافِنِي وَاعْفُ عَنِّي إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اَللّٰهُمَّ يَسِّرْ



لِي الْيُسْرَى وَجَنَّبَنِي الْعُسْرَى. وَاعْفِرْ لِي فِي الْآخِرَةِ وَالْأُولَى.
اَللّٰهُمَّ اعْصِمْنِي بِالطَّافِكِ، وَاجْعَلْنِي مِمَّنْ يُحِبُّكَ وَيُحِبُّ
مَلَائِكَتَكَ وَرُسُلَكَ وَأَنْبِيَائَكَ وَعِبَادَكَ الصَّالِحِينَ وَأَوْلِيَائَكَ
الْمُتَّقِينَ. اَللّٰهُمَّ كَمَا هَدَيْتَنِي لِلْإِسْلَامِ فَثَبِّتْنِي عَلَيْهِ وَاسْتَعْمِلْنِي
فِي طَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ وَأَجِرْنِي مِنْ مُضَلَّاتِ الْفِتَنِ.
اَللّٰهُمَّ إِنَّكَ تَعْلَمُ سِرِّي وَعَلَانِيَتِي، فَاقْبَلْ مَعْدِرَتِي وَتَعْلَمُ
حَاجَتِي فَأَعْطِنِي سُؤْلِي وَتَعْلَمُ مَا فِي نَفْسِي فَاعْفِرْ لِي ذَنْبِي،
اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ إِيمَانًا دَائِمًا يُبَاشِرُ قَلْبِي، وَأَسْأَلُكَ يَقِينًا
صَادِقًا حَتَّى أَعْلَمَ أَنَّهُ لَنْ يُصِيبَنِي إِلَّا مَا كَتَبَتْهُ عَلَيَّ وَرَضْنِي
بِمَا قَسَمْتَهُ لِي يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ
عَلَى حَبِيبِكَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى جَمِيعِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ.
وَأَلِ كُلِّ مِنْهُمْ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.



Maksudnya: "Ya Allah, sesungguhnya ini negeriMu yang suci, masjidMu yang suci, rumahMu yang suci, aku adalah hambaMu dan anak kepada hambaMu, telah datang dengan dosa dan banyak kesalahan dan amalan-amalan yang buruk dan inilah tempatnya bagi hamba yang berlindung denganMu dari api neraka.

Ya Allah, selamatkanlah kami, ampunilah kami, kasihanilah kami, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Ya Allah, bahawasanya Engkau telah memanggil hamba-hambaMu ke rumah suciMu dan sesungguhnya aku telah datang memohon keredaanMu, dan Engkau telah memberi kurnia kepadaku. Maka ampunilah aku, kasihanilah aku, afiatkan aku dan maafkan aku, sesungguhnya Engkau berkuasa atas segala sesuatu.

Ya Allah, berikanlah aku kemudahan dan jauhkan aku dari kepayahan, ampunilah aku di akhirat dan di dunia. Ya Allah, peliharalah aku dengan sifat kelembutanMu, dan jadikanlah aku dari golongan mereka yang cintakanMu, cintakan malaikat-malaikatMu, rasul-rasulMu, nabi-nabiMu, hamba-hambaMu yang soleh dan wali-waliMu orang yang bertakwa.

Ya Allah, sebagaimana Engkau telah tunjuki aku kepada Islam, maka tetapkanlah aku di dalamnya, arahkanlah aku kepada ketaatanMu, ketaatan rasulMu, mengetahui perkara yang tersembunyi dan terang dariku, maka terimalah keuzuranku. Engkaulah yang mengetahui hajatku maka berilah keinginanku, dan Engkau mengetahui apa yang di dalam diriku, maka ampunilah dosaku.

Ya Allah, aku bermohon mendapat keimanan yang sentiasa hidup dalam hatiku dan keyakinan yang benar, hingga aku yakin tidak ada sesuatu yang menimpaku melainkan apa yang telah Engkau tuliskanbuatku, maka redakanlah aku dengan apa yang Engkau bahagikan untukku ya Tuhan yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan.

Ya Allah, selawatMu atas kekasihMu Muhammad dan atas sekalian Nabi dan Rasul dan keluarga setiap orang dari mereka dan sesiapa yang mengikutnya hingga ke hari kemudian. Ya Allah, yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang."



DOA KETIKA BERADA DI AL-MULTAZAM

اَللّٰهُمَّ يَا رَبَّ الْبَيْتِ الْعَتِيقِ . اُعْتِقْ رِقَابَنَا وَرِقَابَ آبَائِنَا
 وَاُمَّهَاتِنَا وَاِخْوَانِنَا وَاَوْلَادِنَا مِنَ النَّارِ، يَا ذَا الْجُودِ وَالْكَرَمِ
 وَالْفَضْلِ وَالْمَنِّ وَالْعَطَاءِ وَالْاِحْسَانِ . اَللّٰهُمَّ اَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا
 فِيْ الْاُمُوْر كُلِّهَا وَاَجِرْنَا مِنْ خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْاٰخِرَةِ .
 اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ عَبْدُكَ وَابْنُ عَبْدِكَ وَاَقِفْ تَحْتَ بَابِكَ، مُلْتَمِمْ
 بِاِعْتَابِكَ، مُتَذَلِّلٌ بَيْنَ يَدَيْكَ، اَرْجُوْ رَحْمَتَكَ وَاَخْشَى
 عَذَابَكَ، يَا قَدِيْمَ الْاِحْسَانِ . اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ اَسْأَلُكَ اَنْ تَرْفَعَ
 ذِكْرِيْ، وَتَضَعَ وَزْرِيْ، وَتُصْلِحَ اَمْرِيْ، وَتُطَهِّرَ قَلْبِيْ،
 وَتُنَوِّرَ لِيْ فِيْ قَبْرِىْ، وَتَغْفِرَ لِيْ ذَنْبِيْ، وَاَسْأَلُكَ الدَّرَجَاتِ
 الْعُلَى مِنَ الْجَنَّةِ، اٰمِيْن .

Maksudnya: Ya Allah Tuhan yang empunya rumah yang unggul ini, merdekakanlah kami, ibu bapa kami, saudara-mara kami dan anak-anak kami daripada neraka. Ya Allah yang mempunyai kemurahan kurniaan dan pemberian ihsan, perbaikilah kesudahan urusan kami dan selamatkanlah kami daripada kehinaan dunia dan



azab di akhirat. Ya Allah sesungguhnya aku ini hambaMu dan anak dari hambaMu, berdiri di bawah pintuMu, merendahkan diri di hadapanMu dengan mengharapakan rahmatmu dan takutkan azabMu. Ya Allah, Engkau muliakan namaku, ringankan bebanku, perbaiki urusanku, sucikan hatiku, terangi kuburku dan ampunilah dosaku. Dan aku bermohon mendapat tempat yang tinggi di dalam syurgamu. Amin.

DOA KETIKA BERADA DI HIJIR ISMAIL

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلَهَ اِلَّا اَنْتَ خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ وَاَنَا
 عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا
 صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ فَاغْفِرْ لِيْ
 فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ. اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ
 مَا سَأَلَكَ بِهِ عِبَادُكَ الصّٰلِحُوْنَ. وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا
 اسْتَعَاذَكَ مِنْهُ عِبَادُكَ الصّٰلِحُوْنَ. اَللّٰهُمَّ بِاَسْمَائِكَ الْحُسْنٰى،
 وَصِفَاتِكَ الْعُلْيَا، طَهِّرْ قُلُوْبَنَا مِنْ كُلِّ وَصْفٍ يُبَاعِدُنَا عَنْ
 مُشَاهَدَتِكَ وَمَحَبَّتِكَ، وَاَمِتْنَا عَلَى السُّنَّةِ وَالْجَمَاعَةِ وَالشَّوْقِ
 اِلَى لِقَائِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ نَوِّرْ بِالْعِلْمِ قَلْبِيْ
 وَاسْتَعْمِلْ بِطَاعَتِكَ بَدَنِيْ وَخَلِّصْ مِنَ الْفِتَنِ سِرِّيْ وَاشْغَلْ
 بِالْاَعْتِبَارِ فِكْرِيْ وَقِنِيْ شَرَّ وَسَاوِسِ الشَّيْطَانِ، وَاجِرْنِيْ



مِنْهُ يَا رَحْمَنُ حَتَّى لَا يَكُونَ لَهُ عَلَيَّ سُلْطَانٌ، رَبَّنَا إِنَّا
آمَنَّا فَاعْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

Maksudnya: “Ya Allah, Engkaulah Tuhanku, tiada Tuhan melainkan Engkau, Engkau telah menjadikan aku, aku hambaMu dan aku patuh kepada janjiMu sedaya upayaku, aku berlindung denganMu dari kejahatan diriku sendiri. Aku berserah kepadaMu akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku kerana tiada siapa yang dapat mengampuni dosaku melainkan Engkau. Ya Allah, aku bermohon segala kebaikan yang diminta oleh hamba-hamba yang soleh, dan aku berlindung denganMu dari segala apa yang diminta perlindunganMu daripadanya oleh hamba-hambaMu yang soleh. Ya Allah, dengan kemuliaan namaMu yang banyak dan sifat-sifatMu yang tinggi, bersihkanlah hati kami, matikanlah kami atas dasar ahli sunnah wal jemaah serta rindukan pertemuan denganMu. Ya Allah, terangkanlah hatiku dengan cahaya ilmu, arahkan badanku supaya digunakan untuk taat kepadaMu. Bersihkanlah batinku, selamatkanlah aku dari was-was syaitan, jangan sampai ia dapat menguasai aku. Ya Tuhan kami, kami telah beriman kepadaMu, maka ampunilah kami dan selamatkanlah kami dari api neraka.”



TELAGA ZAMZAM

Telaga Zamzam yang terletak di dalam Masjidil Haram, telah berada di sana sejak zaman Nabi Ibrahim a.s.. Telaga Zamzam telah mengalami beberapa kali proses perubahan dan perbaikan, hinggalah berada dalam keadaannya sekarang.

ASAL TELAGA ZAMZAM

Menurut riwayatnya, Telaga Zamzam bermula apabila Nabi Ibrahim a.s. dengan perintah Allah s.w.t. meninggalkan isterinya Hajar dan anaknya Ismail di Makkah. Sesudah bekalan Hajar habis, dia mencari air kerana mereka merasa sangat dahaga. Beliau pergi ke satu bukit (Safa) dan melihat ke lembah kalau ada air. Kemudian beliau menuju ke satu bukit yang lain (Marwah) dan melihat ke lembah. Beliau berulang alik di antara bukit Safa dan bukit Marwah sebanyak tujuh kali.

Akhirnya Hajar melihat seorang makhluk berdiri di tempat telaga Zamzam (Malaikat Jibril). Makhluk itu mengorek bumi dengan tumitnya (sayapnya) hingga terpancut air. Hajar pun membuat batas untuk menahan air itu dari terus mengalir dan membuat kolam. Kemudian Hajar mengambil air itu dengan tangannya untuk diminum. Itulah Telaga Zamzam.

FADILAT AIR ZAMZAM

Sabda Rasulullah s.a.w.

خَيْرُ مَاءٍ عَلَى وَجْهِ الْأَرْضِ مَاءُ زَمَزَمَ فِيهِ طَعَامُ الطَّعْمِ
وَشِفَاءُ السَّقَمِ.

Maksudnya: "Sebaik-baik air di muka bumi ialah air zamzam. Padanya terdapat makanan yang mengenyangkan dan padanya terdapat penawar bagi segala penyakit."



Sabdanya lagi:

وَهَذَا أَشْرَبُهُ لِعَطَشٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ثُمَّ شَرِبَ.

Maksudnya: "Dan ini aku meminumnya untuk menolak kehausan di hari kiamat. Kemudian baginda meminumnya."

Sabdanya lagi:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَاءُ زَمْزَمَ لِمَا شَرِبَ لَهُ إِنْ شَرِبْتَهُ لَتَسْتَشْفِيَ شَفَاكَ اللَّهُ وَإِنْ شَرِبْتَهُ لَتَشْبِعَكَ أَشْبَعَكَ اللَّهُ وَهِيَ هِزْمَةٌ جِبْرَائِيلَ وَسُقْيَا اللَّهِ لِإِسْمَاعِيلَ.

Maksudnya: "Telah bersabda Rasulullah s.a.w: Air zamzam adalah untuk apa yang diminumnya. Jika engkau meminumnya untuk penawar nescaya Allah akan menyembuhkan engkau. Jika engkau meminumnya untuk menghilangkan kehausan, nescaya Allah menghilangkannya. Telaga Zamzam adalah satu telaga yang digali oleh Jibril a.s. dan air minum yang disediakan Allah untuk Ismail."

Sabdanya lagi:

آيَةٌ مَا بَيْنَنَا وَبَيْنَ الْمُنَافِقِينَ أَنَّهُمْ لَا يَتَضَلَّعُونَ مِنْ زَمْزَمَ.

Maksudnya: "Tanda yang membezakan kita dengan orang-orang munafik, ialah mereka tidak minum air zamzam sehingga kenyang benar."



CARA DAN DOA KETIKA MINUM AIR ZAMZAM

1. Berniat dengan niat yang baik. Ini sesuai dengan maksud sabda baginda Rasulullah s.a.w. “Air zamzam adalah untuk sesuatu yang kita minum kerananya.”
2. Hadapkan muka ke Kaabah.
3. Menyebut nama Allah.
4. Minum dengan tiga tegok (nafas).
5. Minum dengan sepuas-puasnya (hingga kenyang).
6. Bersyukur ke hadrat Allah.
7. Berdoa.

اَللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا وَرِزْقًا وَاسِعًا، وَشِفَاءً مِنْ
كُلِّ دَاءٍ

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku bermohon kepada Engkau ilmu yang bermanfaat, dan rezeki yang luas (banyak), dan sembuh dari segala penyakit.”



SAI

PENGERTIAN SAI

Sai ialah berjalan berulang alik di antara Bukit Safa dan Bukit Marwah, sebanyak tujuh perjalanan. Dimulai dari Bukit Safa dan diakhiri di Bukit Marwah menurut peraturan dan syarat-syarat yang telah ditentukan.

HUKUM SAI

Sai ialah satu rukun daripada rukun-rukun haji dan umrah, yang mesti dikerjakan. Seseorang yang tidak mengerjakan sai, haji dan umrahnya tidak sah dan tidak boleh diganti dengan membayar dam.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

عَنْ صَفِيَّةَ بِنْتِ شَيْبَةَ أَنَّ امْرَأَةً أَخْبَرَتْهَا أَنَّهَا سَمِعَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ يَقُولُ: كُتِبَ عَلَيْكُمُ السَّعْيُ فَاسْعَوْا.

Maksudnya: “Dari Safiah binti Syaibah, bahawasanya seorang perempuan telah mengkhabarkan kepadanya, bahawa dia telah mendengar Nabi s.a.w. diantara Safa dan Marwah, bersabda:” Telah diwajibkan atas kamu sai, maka hendaklah kamu kerjakan.” - Diriwayatkan oleh Ahmad.

SYARAT-SYARAT SAI

Syarat sai empat perkara:

1. Dimulakan dari Bukit Safa.
2. Tujuh perjalanan yang sempurna.
3. Dilakukan sesudah tawaf.
4. Tidak berkasad yang lain.



Dimulakan dari Bukit Safa - Sai hendaklah dimulakan dari Bukit Safa dan diakhiri di Bukit Marwah. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (فَابْدُءُوا بِمَا
بَدَأَ اللَّهُ بِهِ).

Maksudnya: "Hendaklah kamu mulakan sai di bukit yang lebih dahulu disebut Allah dalam Al-Quran." - Diriwayatkan oleh An-Nasai.

Firman Allah s.w.t:

﴿إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوَّاعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ
عَلَيْهِ أَنْ يَطُوفَ بِهِمَا وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya: "Sesungguhnya Safa dan Marwah itu, adalah daripada syiar-syiar Allah, maka barangsiapa mengerjakan haji atau umrah, tidaklah berdosa ia bertawaf (bersai) antara keduanya. Dan siapa yang menambah kebaikan maka sesungguhnya Allah menerima syukur dan Maha Mengetahui."

Tujuh perjalanan yang sempurna - Sai hendaklah dilakukan dengan tujuh perjalanan yang sempurna. Perjalanan yang ganjil iaitu; yang pertama, yang ketiga, yang kelima dan yang ketujuh, bermula dari Bukit Safa. Perjalanan yang genap iaitu; yang kedua, yang keempat dan yang keenam, bermula dari Bukit Marwah. Ini bererti yang sai itu bermula dari Bukit Safa dan berakhir di Bukit Marwah.

Safa ke Marwah - Perjalanan yang pertama.

Marwah ke Safa - Perjalanan yang kedua.


Safa ke Marwah - Perjalanan yang ketiga.

Marwah ke Safa - Perjalanan yang keempat.

Safa ke Marwah - Perjalanan yang kelima.

Marwah ke Safa - Perjalanan yang keenam.

Safa ke Marwah - Perjalanan yang ketujuh.





Dilakukan sesudah tawaf - Sai hendaklah dilakukan selepas melakukan tawaf rukun atau selepas tawaf kudum. Sai haji yang dilakukan selepas tawaf kudum, tidak perlu diulang lagi sai hajinya. Afdal sai haji dilakukan selepas tawaf ifadah (rukun).

Tidak berkasad yang lain - Sai adalah ibadat, dari itu dalam melakukan sai, janganlah mengkasadkan yang lain. Umpamanya memanggil atau mengejar kawan yang dilihat ada di hadapan atau mengatakan sai sebagai senaman dan lain-lain.

SUNAT-SUNAT SAI

Di antara sunat-sunat sai ialah:

1. Masuk dari Babus Safa (pintu Safa).
2. Naik ke atas Bukit Safa dan Bukit Marwah (bagi lelaki).
3. Membaca zikir-zikir.
4. Membaca doa-doa yang lain.
5. Mengulang doa dan zikir tiga kali.
6. Sai dengan tidak memakai kasut.
7. Berwuduk dan menutup aurat.
8. Berturut-turut di antara perjalanan sai.
9. Berturut-turut di antara tawaf dan sai.
10. Berjalan perlahan-lahan (seperti kebiasaan berjalan).
11. Berlari-lari anak di antara dua tiang hijau (bagi lelaki).
12. Membaca Quran, doa dan zikir.

LAFAZ NIAT SAI HAJI

نَوَيْتُ أَنْ أَسْعَى مَا بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ سَعْيِ الْحَجِّ سَبْعَةَ
أَشْوَاطٍ لِلَّهِ تَعَالَى.



Maksudnya: “Sahaja aku berniat sai antara Safa dan Marwah, sai haji tujuh perjalanan kerana Allah Taala.”

LAFAZ NIAT SAI UMRAH

نَوَيْتُ أَنْ أَسْعَى مَا بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ سَعْيَ الْعُمْرَةِ سَبْعَةً
أَشْوَاطٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: “Sahaja aku berniat sai antara Safa dan Marwah, sai umrah tujuh perjalanan kerana Allah Taala.”

DOA DAN CARA MENERJAKAN SAI

Setelah selesai mengerjakan tawaf, pergilah ke Bukit Safa dan naik ke atasnya untuk mengerjakan sai. Bukit Safa ialah tempat permulaan sai, dan Bukit Marwah ialah tempat penghabisannya. Pastikan sai itu tujuh perjalanan yang sempurna. Safa ke Marwah dikira satu perjalanan. Marwah ke Safa dikira satu perjalanan. Sambil menghadap kiblat bacalah:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ؛ أَبْدَأُ بِمَا بَدَأَ اللَّهُ بِهِ وَرَسُولُهُ.
إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ
فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ
شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

Maksudnya: “Dengan nama Allah yang Maha Pengasih, Maha Penyayang. Aku mulai dengan apa yang telah dimulai Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Safa dan Marwah adalah sebahagian dari tanda-tanda kebesaran Allah. Barangsiapa yang menunaikan ibadat haji atau umrah ke Baitullah, maka tiada salahnya berjalan (sai)



di antara keduanya (Safa dan Marwah). Dan barangsiapa yang berbuat baik dengan sukarela, maka sesungguhnya Allah Maha Menerima dan Maha Mengetahui.”

Kemudian bacalah doa ini

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ
الْحَمْدُ. الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى مَا هَدَانَا، الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى مَا أَوْلَانَا،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ
يُحْيِي وَيُمِيتُ بِيَدِهِ الْخَيْرُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ
الْكَافِرُونَ.

Maksudnya: “Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tiada Tuhan melainkan Allah. Segala puji bagi Allah kerana memberi hidayat kepada kami. Segala puji bagi Allah yang Maha Esa tiada sekutu bagiNya. Kekuasaan juga bagiNya dan segala puji bagiNya. Dia yang menghidupkan dan yang mematikan. Segala kebaikan dalam genggamannya. Dan Dia amat berkuasa atas segala sesuatu. Tiada Tuhan melainkan Dia yang Maha Esa. Dia telah menunaikan janjinya. Dia telah menolong hambaNya dan Dia telah memusnahkan kumpulan-kumpulan jahat itu dengan sendiriNya. Tiada Tuhan melainkan Allah. Tidakkah kami menyembah akan sesuatu kecuali Dia sahaja. Kami semua ikhlaskan agama untukNya walaupun orang-orang kafir tidak menyukainya.”

Sesudah berniat (sai haji atau umrah), mulakanlah perjalanan sai yang pertama. Untuk memudahkan kiraan perjalanan, bacalah doa-doa sai menurut perjalanan dari perjalanan yang pertama hingga perjalanan yang ketujuh.



DOA-DOA SAI

DOA SAI PERJALANAN PERTAMA

(Di antara Safa dan Marwah)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا،
 سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ، وَبِحَمْدِهِ الْكَرِيمِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، وَمِنَ
 اللَّيْلِ فَاسْجُدْ لَهُ وَسَبِّحْهُ لَيْلًا طَوِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ،
 صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا شَيْءَ
 قَبْلَهُ وَلَا بَعْدَهُ، يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ حَيٌّ دَائِمٌ لَا يَمُوتُ وَلَا يَفُوتُ
 أَبَدًا، بِيَدِهِ الْخَيْرُ وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Maksudnya: "Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Allah Maha Besar dengan segala kebesaranNya. Segala puji bagi Allah. Maha Suci Allah, yang Maha Agung, dengan puji-pujian yang mulia setiap pagi, petang dan malam. Tiada Tuhan kecuali Allah semata. Dia memenuhi janjiNya, menolong hambaNya serta menghancurkan sendiri musuh-musuhNya. Tiada sesuatu, baik yang mendahuluiNya, mahupun sesudahNya menghidupkan dan mematikan. Dia yang selalu hidup, tidak mati dan luput selama-lamanya. Di tanganNya segala kebajikan dan kepadaNya lah tempat kembali dan Dialah yang Maha Kuasa atas segalanya."

Doa ketika berlari-lari anak (di antara dua tiang hijau)

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَاعْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ، إِنَّكَ
 تَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ.



Maksudnya: “Ya Allah, ampunilah, sayangilah dan maafkanlah serta hapuskanlah apa-apa yang Engkau ketahui tentang dosa kami, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau adalah Allah yang Maha Mulia dan Maha Pemurah.”

Setelah melintasi dua tiang hijau bacalah

رَبِّ أَجْرْنَا مِنَ النَّارِ سَالِمِينَ. وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ غَانِمِينَ
فَرِحِينَ مُسْتَبْشِرِينَ، مَعَ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ، مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمَ
اللَّهُ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصَّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ،
وَحَسَنَ أَوْلِيَّكَ رَفِيقًا، ذَلِكَ الْفَضْلُ مِنَ اللَّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ
عَلِيمًا. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ حَقًّا حَقًّا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ تَعَبُّدًا وَرِقًّا،
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ
كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

Maksudnya: “Ya Tuhan kami, selamatkanlah kami dari api neraka, dan gembirakanlah kami masuk ke syurga bersama-sama hambaMu yang telah Engkau kurniakan nikmat daripada para Nabi, para sidiqqin, para syuhada dan solehin. Dan mereka itulah sebaik-baik teman. Itu semua limpah kurnia dari Allah s.w.t.. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui. Tiada Tuhan melainkan Allah. Tidaklah kami menyembah akan sesuatu kecuali Dia sahaja. Kami semua ikhlaskan agama untukNya walaupun orang-orang kafir tidak menyukainya.”



Doa setiap kali menaiki bukit Safa atau bukit Marwah

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ
اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا، وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا
فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

Maksudnya: “Sesungguhnya Safa dan Marwah itu adalah sebagai tanda-tanda kebesaran Allah. Barangsiapa yang menunaikan ibadat haji dan umrah ke Baitullah, maka tiada salahnya untuk berjalan di antara keduanya, dan barang siapa yang berbuat baik dengan suka rela, maka sesungguhnya Allah Maha Menerima dan Maha Mengetahui.”

DOA SAI PERJALANAN KEDUA

(Di antara Marwah dan Safa)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
الْوَحِيدُ الْفَرْدُ الصَّمَدُ الَّذِي لَمْ يَتَّخِذْ صَاحِبَةً وَلَا وَلَدًا،
وَلَمْ يَكُنْ لَهُ شَرِيكٌ فِي الْمُلْكِ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ وَلِيٌّ مِنَ الذَّلِّ
وَكَبْرُهُ تَكْبِيرًا. اَللّٰهُمَّ اِنَّكَ قُلْتَ فِي كِتَابِكَ الْمُنَزَّلِ :
اُدْعُونِي اَسْتَجِبْ لَكُمْ. دَعَوْنَاكَ رَبَّنَا كَمَا اَمَرْتَنَا، فَاسْتَجِبْ
لَنَا كَمَا وَعَدْتَنَا اِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ. رَبَّنَا اِنَّا سَمِعْنَا مُنَادِيًا



يُنَادِي لِلْإِيمَانِ أَنْ آمِنُوا بِرَبِّكُمْ فَآمَنَّا رَبَّنَا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا
وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّئَاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ الْأَبْرَارِ، رَبَّنَا وَآتِنَا مَا وَعَدْتَنَا
عَلَى رُسُلِكَ وَلَا تُخْزِنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ الْمِيعَادَ،
رَبَّنَا عَلَيْكَ تَوَكَّلْنَا وَإِلَيْكَ أَنَبْنَا، وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ، رَبَّنَا اغْفِرْ
لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ، وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا
غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَؤُوفٌ رَحِيمٌ.

Maksudnya: “Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Dan bagi Allah segala pujian. Tiada Tuhan kecuali Allah yang Maha Esa, tempat bergantung segala sesuatu. Yang tiada beristeri dan tiada beranak. Tiada sekutu bagiNya dalam kekuasaan. Tiada bagiNya wakil dari yang hina, dan agunglah Dia dengan segenap kebesaran. Ya Allah, Engkau berfirman dalam Kitab Suci yang Engkau turunkan: “Mohonlah kepadaku, Aku perkenankan bagimu”. Ya Tuhan, kami mohon kepadaMu, sebagaimana Kau perintahkan. Engkau tidak memungkir janji. Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami telah mendengar orang yang menyeru supaya beriman: “Berimanlah kamu dengan Tuhanmu”. Maka kami beriman. Ampunilah dosa-dosa kami dan hapuskanlah kejahatan dari diri kami dan wafatkanlah kami bersama orang-orang yang baik. Ya Tuhan kami, anugerahilah kami dengan apa yang telah Engkau janjikan melalui rasul-rasulMu. Dan janganlah Engkau kecewakan kami pada hari kiamat. Sesungguhnya Engkau tidak mungkir janji. Ya Tuhan kami, kepadaMu kami menyerah dan kepadaMu kami kembali, dan Engkaulah tumpuan harapan kami. Ya Tuhan kami, ampunilah kami serta saudara-saudara kami yang telah mendahului kami dalam beriman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami rasa dengki kepada orang-orang yang beriman. Ya Tuhan kami, Engkau Maha Pengasih dan Maha Penyayang.”

**Doa ketika berlari-lari anak(di antara dua tiang hijau)**

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَاعْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ، إِنَّكَ
تَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ.

Maksudnya: “Ya Allah, ampunilah, sayangilah dan maafkanlah serta hapuskanlah apa-apa yang Engkau ketahui tentang dosa kami, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau adalah Allah yang Maha Mulia dan Maha Pemurah.”

Doa setiap kali menaiki bukit Safa atau bukit Marwah

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ
اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا، وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا
فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

Maksudnya: “Sesungguhnya Safa dan Marwah itu adalah sebagai tanda-tanda kebesaran Allah. Barangsiapa yang menunaikan ibadat haji dan umrah ke Baitullah, maka tiada salahnya untuk berjalan di antara keduanya, dan barang siapa yang berbuat baik dengan suka rela, maka sesungguhnya Allah Maha Menerima dan Maha Mengetahui.”



DOA SAI PERJALANAN KETIGA

(Di antara Safa dan Marwah)

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ، رَبَّنَا اَتِمِّمْ نُورَنَا
وَاعْفِرْ لَنَا إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ
الْخَيْرَ كُلَّهُ عَاجِلَهُ وَآجِلَهُ وَاسْتَغْفِرُكَ لِذَنْبِيْ، وَاسْأَلُكَ
رَحْمَتَكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

Maksudnya: "Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Dan bagi Allah segala pujian. Ya Allah, sempurnakanlah cahaya terang bagi kami, dan ampunilah kami. Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu. Ya Allah, Sesungguhnya aku mohon kepadaMu kebaikan seluruhnya, yang cepat dan yang lambat. Dan aku mohon kepadaMu ampun atas dosaku, juga aku mohon kepadaMu rahmatMu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih dan Penyayang."

Doa ketika berlari-lari anak(di antara dua tiang hijau)

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَاعْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ، إِنَّكَ
تَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ اللهُ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ.

Maksudnya: "Ya Allah, ampunilah, sayangilah dan maafkanlah serta hapuskanlah apa-apa yang Engkau ketahui tentang dosa kami, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau adalah Allah yang Maha Mulia dan Maha Pemurah."



Setelah melintasi dua tiang hijau bacalah

رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا وَلَا تُرْغِ قَلْبِي بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنِي، وَهَبْ لِي
مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ، اَللّٰهُمَّ عَافِنِي فِي
سَمْعِي وَبَصَرِي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ
مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ
الظَّالِمِينَ. اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْكُفْرِ وَالْفَقْرِ. اَللّٰهُمَّ
إِنِّي أَعُوذُ بِرِضَاكَ مِنْ سَخَطِكَ وَبِمُعَافَاتِكَ مِنْ عُقُوبَتِكَ،
وَأَعُوذُ بِكَ مِنْكَ لَا أُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى
نَفْسِكَ، فَلَكَ الْحَمْدُ حَتَّى تَرْضَى.

Maksudnya: “Ya Tuhan, tambahkan aku ilmu, jangan palingkan hatiku setelah Engkau beri hidayah kepadaku, berilah aku rahmat dariMu, sesungguhnya Engkau Maha Pemberi. Ya Allah, baikilah keadaan aku dengan pendengaran dan penglihatan aku, tiada Tuhan melainkan Engkau. Ya Allah, aku berlingung denganMu dari seksa kubur, tiada Tuhan melainkan Engkau. Maha Suci Engkau, sesungguhnya aku dari golongan zalim. Ya Allah, sesungguhnya aku berlingung dari kekufuran dan kepapaan. Ya Allah, aku berlingung dengan keredaanMu dari kemurkaanMu, dan dengan kemaafanMu dari azabMu. Aku tidak dapat memuji kepadaMu, seperti pujiMu sendiri kepada diriMu, segala puji bagi Mu hingga Engkau redhai.”



Doa setiap kali menaiki bukit Safa atau bukit Marwah

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ
اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا، وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا
فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

Maksudnya: “Sesungguhnya Safa dan Marwah itu adalah sebagai tanda-tanda kebesaran Allah. Barangsiapa yang menunaikan ibadat haji dan umrah ke Baitullah, maka tiada salahnya untuk berjalan di antara keduanya, dan barang siapa yang berbuat baik dengan suka rela, maka sesungguhnya Allah Maha Menerima dan Maha Mengetahui.”

DOA SAI PERJALANAN KEEMPAT

(Di antara Marwah dan Safa)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ، اَللّٰهُمَّ اِنِّیْ
اَسْأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا تَعْلَمُ، وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا تَعْلَمُ اِنَّكَ
اَنْتَ عَلَّامُ الْغُیُوْبِ. لَا اِلٰهَ اِلَّا اللهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِیْنُ،
مُحَمَّدٌ رَسُوْلُ اللهِ الصَّادِقُ الْوَعْدُ الْاَمِیْنُ. اَللّٰهُمَّ اِنِّیْ اَسْأَلُكَ
كَمَا هَدَيْتَنِیْ لِلْاِسْلَامِ اَنْ لَا تَنْزِعَهُ مِنْیْ حَتّٰی تَتَوَفَّانِیْ وَاَنَا
مُسْلِمٌ. اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ فِیْ قَلْبِیْ نُوْرًا، وَفِیْ سَمْعِیْ نُوْرًا،



وَفِي بَصَرِي نُورًا، اَللّٰهُمَّ اشرحْ لِيْ صَدْرِيْ، وَيَسِّرْ لِيْ
 اَمْرِيْ، وَاَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ وَسَاوِسِ الصَّدْرِ، وَشَتَاتِ الْاَمْرِ،
 وَفِتْنَةِ الْقَبْرِ. اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا يَلِجُ فِي اللَّيْلِ،
 وَشَرِّ مَا يَلِجُ فِي النَّهَارِ، وَمِنْ شَرِّ مَا تَهْبُّ بِهِ الرِّيَّاحُ،
 يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ، سُبْحَانَكَ مَا عَبْدُنَاكَ حَقَّ عِبَادَتِكَ
 يَا اَللهُ سُبْحَانَكَ مَا ذَكَرْنَاكَ حَقَّ ذِكْرِكَ يَا اَللهُ.

Maksudnya: “Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Dan bagi Allah segala pujian. Ya Allah, sesungguhnya aku mohon kepadaMu sebaik-baik perkara yang Engkau mengetahuinya, serta mohon perlindunganMu dari seburuk-buruk perkara yang Engkau ketahui dan aku mohon ampun atas segala yang Engkau tahu, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui yang ghaib. Tiada Tuhan kecuali Allah yang memiliki kebenaran yang nyata. Muhammad Rasulullah yang benar janjinya lagi dipercayai. Ya Allah, aku mohon kepadaMu, sebagaimana Engkau telah memberi petunjuk kepadaku, sehingga aku meninggal dalam Islam. Ya Allah, berilah cahaya dalam hatiku, telingaku dan penglihatanku. Ya Allah, lapangkanlah dadaku, dan mudahkanlah urusanku, dan aku berlindung kepadaMu daripada was-was dan kucar-kacir urusan dan aku berlindung daripada azab kubur. Ya Allah, aku berlindung kepadaMu dari kejahatan yang timbul pada malam dan siang hari, dan kejahatan yang dibawa oleh angin. Wahai Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Ya Allah kami tidak dapat menyembahMu sebagaimana yang sepatutnya dan kami tidak dapat mengingatiMu sebagaimana yang sewajarnya.”

Doa ketika berlari-lari anak(di antara dua tiang hijau)

رَبِّ اغْفِرْ وَاَرْحَمْ وَاَعْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ، اِنَّكَ
 تَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُ، اِنَّكَ اَنْتَ اللهُ الْاَعَزُّ الْاَكْرَمُ.



Maksudnya: “Ya Allah, ampunilah, sayangilah dan maafkanlah serta hapuskanlah apa-apa yang Engkau ketahui tentang dosa kami, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau adalah Allah yang Maha Mulia dan Maha Pemurah.”

Doa setiap kali menaiki bukit Safa atau bukit Marwah

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ
اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا، وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا
فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

Maksudnya: “Sesungguhnya Safa dan Marwah itu adalah sebagai tanda-tanda kebesaran Allah. Barangsiapa yang menunaikan ibadat haji dan umrah ke Baitullah, maka tiada salahnya untuk berjalan di antara keduanya, dan barang siapa yang berbuat baik dengan suka rela, maka sesungguhnya Allah Maha Menerima dan Maha Mengetahui.”

DOA SAI PERJALANAN KELIMA

(Di antara Safa dan Marwah)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرٌ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا.
اللَّهُمَّ حَبِّبْ إِلَيَّ الْإِيمَانَ وَزَيْنَهُ فِي قَلْبِي، وَكَرِّهْ إِلَيَّ الْكُفْرَ
وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ، وَاجْعَلْنِي مِنَ الرَّاشِدِينَ.

Maksudnya: “Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar dengan segala kebesaranNya, segala puji bagi Allah. Ya Allah cintakanlah aku kepada keimanan dan hiaskanlah ia di hati ku. Bencikanlah aku kepada kekafiran, kefasikan dan kedurhakaan. Jadikanlah aku di antara orang-orang yang mendapat petunjuk.”



Doa ketika berlari-lari anak(di antara dua tiang hijau)

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَاعْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ، إِنَّكَ
تَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ.

Maksudnya: “Ya Allah, ampunilah, sayangilah dan maafkanlah serta hapuskanlah apa-apa yang Engkau ketahui tentang dosa kami, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau adalah Allah yang Maha Mulia dan Maha Pemurah.”

Setelah melintasi dua tiang hijau bacalah

اللَّهُمَّ قِنِي عَذَابَكَ يَوْمَ تَبْعَثُ عِبَادَكَ، اللَّهُمَّ اهْدِنِي بِالْهُدَى
وَنَقِّنِي بِالتَّقْوَى، وَاعْفِرْ لِي فِي الْآخِرَةِ وَالْأُولَى، اللَّهُمَّ ابْسُطْ
عَلَيْنَا مِنْ بَرَكَاتِكَ وَرَحْمَتِكَ وَفَضْلِكَ وَرِزْقِكَ. اللَّهُمَّ
إِنِّي أَسْأَلُكَ النِّعَمَ الْمُقِيمَ الَّذِي لَا يَحُولُ وَلَا يَزُولُ أَبَدًا.
اللَّهُمَّ اجْعَلْ فِي قَلْبِي نُورًا، وَفِي سَمْعِي نُورًا، وَفِي بَصَرِي
نُورًا، وَفِي لِسَانِي نُورًا، وَعَنْ يَمِينِي نُورًا، وَعَنْ شِمَالِي
نُورًا وَمِنْ فَوْقِي نُورًا، وَاجْعَلْ فِي نَفْسِي نُورًا وَعَظْمِي
نُورًا. رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي.

Maksudnya: “Ya Allah, selamatkanlah aku dari azabMu, di hari Engkau membangkitkan hamba-hambaMu. Ya Allah, pimpinlah aku dengan hidayat, dan sucikanlah aku dengan takwa, dan ampunilah aku di dunia dan di akhirat. Ya



Allah, limpahkanlah atas aku berkatMu, rahmatMu, kurniaMu dan rezekiMu. Ya Allah, aku bermohon nikmat yang berkekalan, tidak berpindah dan tidak hilang. Ya Allah, jadikanlah cahaya di dalam hatiku, pendengaranku, penglihatanku, lidahku, di kanan dan di kiriku, di atasku dan pada diriku dan takzimkan aku dengan cahayaMu. Lapangkanlah dadaku dan mudahkanlah urusanku”

Doa setiap kali menaiki bukit Safa atau bukit Marwah

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ
اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا، وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا
فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

Maksudnya: “Sesungguhnya Safa dan Marwah itu adalah sebagai tanda-tanda kebesaran Allah. Barangsiapa yang menunaikan ibadat haji dan umrah ke Baitullah, maka tiada salahnya untuk berjalan di antara keduanya, dan barang siapa yang berbuat baik dengan suka rela, maka sesungguhnya Allah Maha Menerima dan Maha Mengetahui.”

DOA SAI PERJALANAN KEENAM

(Di antara Marwah dan Safa)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ، لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ
وَحْدَهُ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ
وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ، اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ الْهُدٰى وَالتَّقٰى



وَالْعَفَافَ وَالْغَنَى، اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ، وَاعُوْذُ
بِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ، وَمَا يُقَرِّبُنِيْ اِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ اَوْ
فِعْلٍ اَوْ عَمَلٍ. اَللّٰهُمَّ بِنُوْرِكَ اهْتَدَيْنَا وَبِفَضْلِكَ اسْتَغْنَيْنَا
وَفِيْ كَنَفِكَ وَاِنْعَامِكَ وَعَطَائِكَ وَاِحْسَانِكَ اَصْبَحْنَا وَاَمْسَيْنَا
اَنْتَ الْاَوَّلُ فَلَا قَبْلَكَ شَيْءٌ، وَالْاٰخِرُ فَلَا بَعْدَكَ شَيْءٌ،
وَالظَّاهِرُ فَلَا شَيْءَ فَوْقَكَ، وَالْبَاطِنُ فَلَا شَيْءَ دُوْنَكَ،
نَعُوْذُبِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَعَذَابِ الْقَبْرِ وَفِتْنَةِ الْغِنَى،
وَنَسْأَلُكَ الْفَوْزَ بِالْجَنَّةِ.

Maksudnya: "Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Dan bagi Allah segala pujian. Tiada Tuhan kecuali Allah Yang Maha Esa. JanjiNya benar, Dia menolong hambaNya, Dia menghancurkan musuh-musuhNya. Tiada Tuhan selain Allah, dan kami tidak menyembah selainNya dengan penuh ikhlas. Dialah yang empunya agama ini walaupun orang-orang kafir tidak merasa senang. Ya Allah, aku bermohon hidayah, takwa, kesucian budi dan kekayaan. Ya Allah, aku mohon keredhaanMu dan syurga, dan aku mohon dilindungi dari kemurkaanMu dan neraka, dan segala yang mendekatkan aku kepadanya, baik berupa kata, perbuatan atau pekerjaan. Ya Allah, dengan cahayaMu kami mendapat hidayah. Kami kaya dengan kurniaanMu berserta pertolongan, nikmat, anugerah dan ihsan Mu pagi dan petang. Engkaulah yang pertama, tidak ada sesuatupun yang ada sebelumMu dan Engkau pula paling akhir dan tidak ada sesuatupun yang ada di belakang (sesudah) Mu. Engkau pula yang zahir maka tidak ada sesuatupun yang melebihi Engkau, Engkau pula yang batin tidak ada sesuatupun yang menyamaiMu. Kami mohon perlindunganMu dari kemiskinan, kemalasan dan azab kubur, serta ujian kekayaan. Kami mohon kepadaMu kemenangan mencapai syurga."



Doa ketika berlari-lari anak(di antara dua tiang hijau)

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَاعْفُ وَتَكْرَمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ، إِنَّكَ
تَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُ، إِنَّكَ أَنْتَ اللَّهُ الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ.

Maksudnya: “Ya Allah, ampunilah, sayangilah dan maafkanlah serta hapuskanlah apa-apa yang Engkau ketahui tentang dosa kami, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau adalah Allah yang Maha Mulia dan Maha Pemurah.”

Doa setiap kali menaiki bukit Safa atau bukit Marwah

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ
اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا، وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا
فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

Maksudnya: “Sesungguhnya Safa dan Marwah itu adalah sebagai tanda-tanda kebesaran Allah. Barangsiapa yang menunaikan ibadat haji dan umrah ke Baitullah, maka tiada salahnya untuk berjalan di antara keduanya, dan barang siapa yang berbuat baik dengan suka rela, maka sesungguhnya Allah Maha Menerima dan Maha Mengetahui.”

**DOA SAI PERJALANAN KETUJUH**

(di antara Safa dan Marwah)

اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، اَللّٰهُ اَكْبَرُ، وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ سُبْحَانَكَ مَا
شَكَرْنَاكَ حَقَّ شُكْرِكَ يَا اَللّٰهُ، سُبْحَانَكَ مَا اَعْلٰى شَأْنِكَ
يَا اَللّٰهُ، اَللّٰهُمَّ حَبِّبْ اِلَيْنَا الْاِيْمَانَ وَزَيِّنْهُ فِي قُلُوْبِنَا، وَكَرِّهْ
اِلَيْنَا الْكُفْرَ وَالْفُسُوْقَ وَالْعِصْيَانَ وَاجْعَلْنَا مِنَ الرَّاشِدِيْنَ.

Maksudnya: “Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar. Dan bagi Allah segala pujian. Segala puji bagi Allah. Maha Suci Engkau Ya Allah, sesungguhnya kami tidak dapat bersyukur kepada Engkau sebagaimana yang sepatutnya, Ya Allah. Maha Suci Engkau Ya Allah, tidak ada tolok banding sama sekali kemuliaanMu Ya Allah. Ya Allah, cintakanlah kami kepada keimanan dan hiaskanlah ia di dalam hati kami. Bencikanlah kami kepada kekafiran, kefasikan dan kederhakaan dan jadikanlah kami di antara orang-orang yang mendapat petunjuk.”.

Doa ketika berlari-lari anak(di antara dua tiang hijau)

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ وَاغْفُ وَتَكْرَّمْ، وَتَجَاوَزْ عَمَّا تَعْلَمُ، اِنَّكَ
تَعْلَمُ مَا لَا نَعْلَمُ، اِنَّكَ اَنْتَ اللهُ الْاَعَزُّ الْاَكْرَمُ.

Maksudnya: “Ya Allah, ampunilah, sayangilah dan maafkanlah serta hapuskanlah apa-apa yang Engkau ketahui tentang dosa kami, sesungguhnya Engkau Maha Mengetahui apa yang tidak kami ketahui. Sesungguhnya Engkau adalah Allah yang Maha Mulia dan Maha Pemurah.”



Setelah melintasi dua tiang hijau bacalah

اَللّٰهُمَّ اخْتِمِ بِالْخَيْرَاتِ اَجَالَنَا، وَحَقِّقْ بِفَضْلِكَ اَمَالَنَا،
وَسَهِّلْ لِبُلُوْغِ رِضَاكَ سُبُلَنَا، وَحَسِّنْ فِيْ جَمِيْعِ الْاَحْوَالِ
اَعْمَالَنَا، يَا مُنْقِذَ الْغَرْقَى يَا مُنْجِيَ الْهَلَكَى، يَا شَاهِدَ كُلِّ
نَجْوَى، يَا مُنْتَهَى كُلِّ شَكْوَى، يَا قَدِيْمَ الْاِحْسَانِ، يَا دَائِمَ
الْمَعْرُوْفِ، اَللّٰهُمَّ اِنِّىْ عَائِدُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا اَعْطَيْتَنَا، وَمِنْ
شَرِّ مَا مَنَعْتَنَا، اَللّٰهُمَّ تَوَقَّنَا مُسْلِمِيْنَ. وَالْحَقُّنَا بِالصَّالِحِيْنَ
غَيْرِ خَزَايَا وَلَا مَفْتُوْنِيْنَ، رَبِّ يَسِّرْ وَلَا تُعَسِّرْ، رَبِّ اَتِمِّمْ
بِالْخَيْرِ.

Maksudnya: "Ya Allah, sudahkanlah hayat kami dengan kebajikan, dan laksanakanlah cita-cita kami dengan limpah dan kurniaMu, dan mudahkanlah perjalanan kami untuk mencapai keredaanMu. Perbaikilah amalan kami dalam segala hal. Ya Tuhan yang menyelamatkan mereka yang tenggelam, yang menyelamatkan mereka yang terjerumus, yang melihat segala apa yang tersembunyi, yang menjadi tumpuan segala rayuan, yang sentiasa bersifat ihsan, yang sentiasa memberi kebaikan, aku berlindung denganMu, dari kejahatan apa yang telah Engkau beri kepada kami, dan apa yang Engkau tahan dari kami. Ya Allah, matikanlah kami dalam keadaan Islam, dan masukkan kami ke dalam golongan orang yang soleh, hal keadaan tidak kecewa dan terfitnah. Ya Allah, permudahkanlah dan janganlah dipersusahkan, Ya Allah, sudahilah dengan kebaikan.."



Doa setiap kali menaiki bukit Safa atau bukit Marwah

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ
اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا، وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا
فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ.

Maksudnya: "Sesungguhnya Safa dan Marwah itu adalah sebagai tanda-tanda kebesaran Allah. Barangsiapa yang menunaikan ibadat haji dan umrah ke Baitullah, maka tiada salahnya untuk berjalan di antara keduanya, dan barang siapa yang berbuat baik dengan suka rela, maka sesungguhnya Allah Maha Menerima dan Maha Mengetahui."

DOA SETELAH SELESAI SAI

Setelah selesai mengerjakan sai tujuh perjalanan, ketika berada di Bukit Marwah, bacalah:

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا، وَعَافِنَا وَاعْفُ عَنَّا، وَعَلَى طَاعَتِكَ وَشُكْرِكَ
أَعْنَا، وَعَلَى غَيْرِكَ لَا تَكِلْنَا وَعَلَى الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ
الْكَامِلِ جَمْعًا تَوْفَّقْنَا وَأَنْتَ رَاضٍ عَنَّا، اَللَّهُمَّ ارْحَمْنِي بِتَرْكِ
الْمَعَاصِي، مَا أَبْقَيْتَنِي، وَارْحَمْنِي أَنْ أَتَكَلَّفَ مَا لَا يَغْنِيَنِي
وَارْزُقْنِي حُسْنَ النَّظَرِ فِيمَا يُرْضِيكَ عَنِّي، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.



Maksudnya: “Ya Tuhan, kami memohon diterima doa kami. Afiatkanlah dan ampunilah kami. Berilah pertolongan kepada kami untuk taat dan bersyukur kepada Engkau. Janganlah membiarkan kami bergantung kepada yang lain, selain dari Engkau. Matikanlah kami di dalam iman dan Islam yang sempurna, sedang Engkau reda kepada kami. Ya Allah, Ya Tuhan, peliharalah diriku dengan meninggalkan segala kejahatan selama hidupku, dan peliharalah aku supaya tidak membuat perkara yang tidak memberi guna, dan kurniakanlah kepadaku elok pandangan pada perkara-perkara yang membawa keredaan Engkau wahai Tuhan yang bersifat Amat Belas Kasihan.”



TAHALLUL

PENGERTIAN TAHALLUL

Tahallul ialah melepaskan diri daripada pantang larang dalam masa berihram haji atau umrah. Untuk keluar daripada ihram haji atau umrah, hendaklah seseorang itu menggugurkan rambut di kepala dengan bercukur atau bergunting kerana bertahallul.

HUKUM BERTAHALLUL

Tahallul ialah satu daripada rukun ibadat haji atau umrah yang mesti dilakukan.

BAHAGIAN TAHALLUL

Bagi ibadat haji, tahallul dibahagi dua:

1. Tahallul awal.
2. Tahallul thani.

Tahallul awal - Apabila seseorang yang mengerjakan ibadat haji telah melakukan dua daripada tiga perkara yang berikut:

- a) Melontar jamrah aqabah.
- b) Tawaf rukun dan sai.
- c) Bercukur atau bergunting.

Apabila selesai melakukan tahallul awal, orang yang mengerjakan ibadat haji telah keluar dari ihramnya (sebahagian). Dia tidak lagi diwajibkan memakai pakaian ihram, dan halal baginya melakukan perkara-perkara yang diharamkan ke atasnya ketika dia berihram seperti memakai pakaian yang berjahit, memakai bau-bauan, memakai minyak rambut di kepala, mengerat kuku, menggugurkan rambut dan lain-lain.

Tetapi masih ada tiga perkara lagi yang masih diharamkan ke atasnya iaitu:

- a) Bersetubuh.



- b) Bercumbu-cumbuan.
- c) Akad nikah.

Tahallul thani - Apabila seseorang yang mengerjakan ibadat haji telah melakukan ketiga-tiga perkara yang berikut:

- a) Melontar jamrah aqabah.
- b) Tawaf rukun dan sai.
- c) Bercukur atau bergunting.

Dengan melakukan ketiga-tiga perkara yang tersebut, maka halal baginya kesemua perkara-perkara yang diharamkan semasa dia berihram. Semua pantang larang semasa berihram telah diangkat.

Bagi ibadat umrah, hanya ada satu tahallul iaitu dengan menyempurnakan kesemua rukun-rukun umrah yang lima: niat ihram umrah, tawaf umrah, sai umrah, bergunting atau bercukur dan ikut tertibnya. Dengan bergunting atau bercukur, keluarlah dia dari ihram umrahnya.

SYARAT TAHALLUL

Menghilangkan sekurang-kurangnya tiga helai rambut di kepala, sekalipun di hujungnya sahaja.

SUNAT TAHALLUL

1. Bercukur bagi lelaki dan bergunting bagi wanita.
2. Suci dari hadas kecil dan besar, juga bersih dari najis.
3. Menghadap kiblat ketika bercukur atau bergunting.
4. Memegang ubun-ubun ketika hendak dicukur atau digunting, sambil bertakbir dan membaca doa ini:



dan sekalian muslimin. Ya Allah, tambahkanlah kami dengan keimanan, keyakinan, taufik dan pertolongan. Dan ampunilah kami serta ibu bapa kami. Selawat Allah ke atas penghulu kami Nabi Muhammad beserta keluarga dan sahabatnya. Dan segala puji bagi Allah semesta alam. Amin.”

6. Menanam rambutnya.
7. Memberi upah dengan ikhlas.

SUNAT-SUNAT BAGI YANG MENCUKUR /MENGGUNTING

1. Muslim-adil
2. Suci dari dua hadas dan najis
3. Mencukur dimulai dari sebelah kanan, kemudian hadapan, seterusnya sebelah kiri. Menggunting sebelah tepi.

KELEBIHAN BERCUKUR DARI BERGUNTING

Telah diterangkan oleh Rasulullah s.a.w. dengan sabdanya:

رَحِمَ اللَّهُ الْمُحَلِّقِينَ. قَالُوا: وَالْمُقَصِّرِينَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ:
 رَحِمَ اللَّهُ الْمُحَلِّقِينَ. قَالُوا: وَالْمُقَصِّرِينَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ:
 رَحِمَ اللَّهُ الْمُحَلِّقِينَ. قَالُوا: وَالْمُقَصِّرِينَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ:
 وَالْمُقَصِّرِينَ.

Maksudnya: Rasulullah s.a.w telah bersabda: “Allah memberi rahmat kepada orang-orang yang bercukur.” Mereka berkata: “Dan rahmat juga kepada orang-orang yang bergunting, ya Rasulullah?” Baginda bersabda: “Allah memberi rahmat kepada orang-orang yang bercukur.” Mereka berkata: “Dan rahmat juga kepada orang-orang yang bergunting, ya Rasulullah?” Baginda bersabda: “Allah memberi



rahmat kepada orang-orang yang bercukur.” Mereka berkata “Dan rahmat juga kepada orang-orang yang bergunting ya Rasulullah?” Baginda bersabda: “Dan orang-orang yang bergunting.”

Rasulullah s.a.w. bersabda:

وَأَمَّا حِلَاقُكَ رَأْسَكَ فَلَكَ بِكُلِّ شَعْرَةٍ حَلَقْتُهَا حَسَنَةً
وَيُمَحِّى عَنْهَا بِكَ خَطِيئَةٌ.

Maksudnya: “Adapun mencukur engkau akan rambutmu, maka bagi setiap helai rambut yang dicukur, diberi satu kebajikan dan dihapuskan satu kesalahan (dosa).”

TERTIB PADA KEBANYAKAN RUKUN

Rukun haji hendaklah dikerjakan menurut susunan (tertib) yang telah ditentukan:

1. Dahulukan niat ihram dari rukun-rukun yang lain.
2. Dahulukan wukuf dari tawaf ifadah.
3. Dahulukan tawaf dari sai.
4. Bercukur atau bergunting (boleh dilakukan selepas wukuf dan sebelum tawaf rukun dan sai)

(sai haji boleh dilakukan sebelum wukuf dan tawaf rukun, bagi yang mengerjakan haji ifrad dan qiran selepas tawaf qudum).

WAJIB HAJI

Wajib haji enam perkara:

1. Berihram dari miqat
2. Bermalam di Muzdalifah
3. Melontar jamrah aqabah
4. Bermalam di Mina
5. Melontar ketiga jamrah
6. Menjauhi larangan-larangan ihram



BERMALAM DI MUZDALIFAH

PENGERTIAN BERMALAM DI MUZDALIFAH

Muzdalifah ialah satu tempat yang terletak lebih kurang 8km dari Arafah. Maksud bermalam di Muzdalifah ialah, seorang jemaah hendaklah berada di bumi Muzdalifah sesudah tengah malam syarie, pada malam 10 Zulhijjah. Bermalam di Muzdalifah, bukanlah bermakna menginap. Sudah dianggap bermalam di Muzdalifah, apabila seorang jemaah itu berjalan (melalui) di bumi atau udara Muzdalifah sesudah tengah malam syarie 10 Zulhijjah. Masa bermalam ialah sekadar satu lahzah (seketika).

HUKUM BERMALAM DI MUZDALIFAH

Para jemaah haji diwajibkan bermalam di Muzdalifah (wajib haji). Jemaah haji yang tidak bermalam di Muzdalifah tanpa uzur syarie, dikehendaki membayar dam. Damnya ialah tertib dan takdir.

SUNAT-SUNAT DI MUZDALIFAH

Di antara sunat-sunatnya ialah:

1. Meninggalkan Arafah selepas maghrib.
2. Membaca talbiyah.
3. Mengutip batu.
4. Mendahulukan orang-orang yang lemah.
5. Bermalam hingga subuh.

Meninggalkan Arafah selepas maghrib - Berjalan dengan sopan dan tidak terburu-buru.

Mengutip batu - Sebanyak tujuh biji batu untuk melontar jamrah Aqabah, atau tujuh puluh biji batu untuk melontar ketiga-tiga jamrah pada hari-hari tasyrik (11, 12 dan 13 Zulhijjah).



Mendahulukan orang-orang yang lemah - Dahulukan orang-orang yang lebih tua, lemah dan wanita ketika berangkat ke Mina setelah berlalu tengah malam syarie 10 Zulhijjah.

Bermalam hingga subuh - Bagi orang lelaki, sunat menginap di Muzdalifah hingga waktu subuh dan berangkat ke Mina setelah menunaikan solat subuh.

DOA-DOA DI MUZDALIFAH

Sebaik-baik tiba di Muzdalifah, bacalah doa ini:

اَللّٰهُمَّ هَذَا جَمْعٌ اَسْأَلُكَ اَنْ تَرْزُقْنِيْ جَوَامِعَ الْخَيْرِ كُلِّهِ.
اَللّٰهُمَّ رَبَّ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ، وَرَبَّ الرُّكْنِ وَالْمَقَامِ، وَرَبَّ
الْبَلَدِ الْحَرَامِ، وَرَبَّ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ، اَسْأَلُكَ بِنُورِ وَجْهِكَ
الْكَرِيْمِ اَنْ تَغْفِرَ لِيْ ذُنُوْبِيْ وَتَرْحَمَنِيْ، وَتَجْمَعَ عَلَيَّ الْهُدَى
اَمْرِيْ، وَتَجْعَلَ التَّقْوَى زَادِيْ وَذَخِرِيْ وَالْآخِرَةَ مَآبِيْ،
وَهَبْ لِيْ رِضَاكَ عَنِّيْ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. وَصَلَّى اللهُ
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَالْحَمْدُ
لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Maksudnya: "Ya Allah, ini adalah suatu tempat perkumpulan ramai. Aku bermohon kepada Engkau supaya mengurniakan aku segala kebaikan yang terkumpul Ya Allah, Tuhan bagi Al-Masyaril Haram, Tuhan bagi Rukun (Kaabah) dan Al-Makam,



Tuhan bagi negeri Tanah Haram. Tuhan bagi Masjidil Haram. Aku bermohon dengan berkat cahaya ZatMu yang Mulia, agar mengurniakan aku pengampunan di atas segala dosaku dan merahmatiku dan mengumpulkan segala masalahku dengan petunjuk, dan takwa sebagai bekalanku, dan akhirat tempat kembaliku yang baik, dan kurniakan aku dengan keredaanMu, di dunia dan di akhirat. Selawat dan salam atas junjungan kami Nabi Muhammad dan atas para sahabatnya, dan segala puji bagi Tuhan seru sekalian alam.”

KETIKA DI MASYARIL HARAM

Bacalah doa ini:

اَللّٰهُمَّ كَمَا اَوْقَفْتَنَا وَارَيْتَنَا اِيَّاهُ فَوْقَنَا لِذِكْرِكَ كَمَا هَدَيْتَنَا
وَاغْفِرْلَنَا وَارْحَمْنَا كَمَا وَعَدْتَنَا بِقَوْلِكَ وَقَوْلِكَ الْحَقُّ فَاِذَا
اَفْضَيْتُمْ مِنْ عَرَافَاتٍ فَادْكُرُوا اللّٰهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ
وَادْكُرُوْهُ كَمَا هَدَاكُمْ وَاِنْ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ لَمَنِ الصّٰلِّيْنَ .
ثُمَّ اَفِيْضُوْا مِنْ حَيْثُ اَفَاضَ النَّاسُ وَاسْتَغْفِرُوا اللّٰهَ اِنَّ اللّٰهَ
غَفُوْرٌ رَّحِيْمٌ . اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ يَا غُفُوْرُ يَا رَحِيْمٌ اَنْ
تَفْتَحَ لِادْعِيَّتِنَا اَبْوَابَ الْاِجَابَةِ يَا مَنْ اِذَا سَاَلَهُ الْمُضْطَرُّ
اِجَابَهُ يَا مَنْ يَقُوْلُ لِلشَّيْءِ كُنْ فَيَكُوْنُ . اَللّٰهُمَّ اِنَّا جِئْنَاكَ
بِجَمْعِنَا، مُتَشَفِّعِيْنَ اِلَيْكَ فِيْ غُفْرَانِكَ ذُنُوْبَنَا، فَلَا تَرُدَّنَا
خَائِبِيْنَ، وَآتِنَا اَفْضَلَ مَا تُؤْتِيْ عِبَادَكَ الصّٰلِحِيْنَ، وَلَا تَصْرِفْنَا



مِنْ هَذَا الْمَشْعَرِ الْعَظِيمِ إِلَّا فَائِزِينَ، غَيْرَ خَزَايَا وَلَا نَادِمِينَ،
 وَلَا ضَالِّينَ وَلَا مُضِلِّينَ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اَللّٰهُمَّ وَفَّقْنَا
 لِلْهُدَىٰ وَاعْصِمْنَا مِنْ أَسْبَابِ الْجَهْلِ وَالرَّدَىٰ، وَسَلِّمْنَا
 مِنْ آفَاتِ النَّفُوسِ فَإِنَّهَا شَرُّ الْعَدَىٰ، وَاجْعَلْنَا مِمَّنْ أَقْبَلَتْ
 عَلَيْهِ فَأَعْرَضَ عَنْ سِوَاكَ، وَخُذْ بِأَيْدِينَا إِلَيْكَ. وَارْحَمْ
 تَضَرُّعًا بَيْنَ يَدَيْكَ إِلَهَنَا قَوْمَنَا إِذَا اغْوَجَجْنَا، وَأَعِنَّا إِذَا
 اسْتَقَمْنَا وَكُنْ لَنَا وَلَا تَكُنْ عَلَيْنَا، وَأَحِينَا فِي الدُّنْيَا مُؤْمِنِينَ
 طَائِعِينَ، وَتَوَفَّنا مُسْلِمِينَ تَائِبِينَ، وَاجْعَلْنَا عِنْدَ السُّؤَالِ
 ثَابِتِينَ، وَاجْعَلْنَا مِمَّنْ يَأْخُذُ كِتَابَهُ بِيَمِينِهِ، وَاجْعَلْنَا يَوْمَ
 الْفَرَعِ الْأَكْبَرِ مِنَ الْأَمِنِينَ، وَمَتَّعْنَا اللَّهُمَّ بِالنَّظَرِ إِلَىٰ وَجْهِكَ
 الْكَرِيمِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Maksudnya: “Ya Allah. Ya Tuhan, sebagaimana Engkau himpunkan kami dan Engkau perlihatkan kami pada hari ini, berilah taufik kepada kami untuk mengingat dan memuji-muji kebesaran Engkau sebagaimana yang telah Engkau tunjukkan kepada kami, ampunilah kami serta kasihanilah kepada kami sebagaimana yang telah Engkau janjikan kepada kami di dalam kitab Engkau Al-Quran (apabila kamu telah selesai menunaikan rukun haji kamu, yaitu berwukuf di Padang Arafah maka hendaklah kamu mengingat Allah banyak-banyak dengan menyebut-nyebutNya di Al-Masyaril Haram (Muzdalifah) sebagaimana yang telah diberi petunjuk kepada kamu, sesungguhnya kamu sebelum daripada mendapat hidayah petunjuk daripada



Allah adalah di dalam keadaan sesat yang amat nyata. Setelah selesai kamu berzikir di sini, turunlah kamu ke Mina sepertimana yang dilakukan oleh semua manusia dan hendaklah kamu memohon ampun kepada Allah, bahawasanya Allah itu Maha Pengampun dan Maha Penyayang).

Ya Allah, kami memohon kepadaMu, wahai Tuhan yang Maha Pengampun, Maha Penyayang, terimalah segala permohonan kami, wahai Tuhan yang menerima segala permohonan mereka yang di dalam kecemasan, wahai Tuhan yang apabila menghendaki sesuatu berlakulah perkara itu dengan tidak dapat dirintangi lagi.

Ya Allah, ya Tuhan kami, kami ini datang beramai-ramai untuk mendapat keampunan daripada Engkau di atas segala dosa kami. Janganlah Engkau kecewakan kami, berilah kepada kami sepertimana yang Engkau berikan kepada hamba-hamba Engkau yang soleh-soleh, janganlah Engkau palingkan kami daripada tempat suci ini melainkan kami mendapat kemenangan dan tidak kecewa, tidak menyesal dan tidak pula kami daripada golongan orang yang sesat dan menyesatkan wahai Tuhan Yang Maha Penyayang.

Ya Allah ya Tuhan, berilah petunjuk dan taufik kepada kami, peliharakanlah kami daripada terjerumus di dalam lembah kejahilan dan kemusnahan, dan selamatkan kami daripada segala penyakit jiwa, jadikanlah kami daripada golongan orang yang menjauhkan diri dari runtunan hawa nafsu yang buas kerana itulah sejahat jahat musuh.

Ya Allah, jadikanlah kami daripada golongan mereka yang sentiasa menghadap Engkau, tidak pada yang lain. Bawalah kami ke jalan Engkau, belas kasihanlah ketika kami bertadharuk bersemadi terhadap Engkau.

Ya Allah, perbetulkan kami kiranya kami telah menyeleweng, perkuatkanlah kami di dalam pendirian kami, hidupakanlah kami di dalam iman dan taat kepada Engkau, matikanlah kami di dalam Islam dari golongan mereka yang bertaubat begitu juga semasa soal di akhirat. Jadikanlah kami daripada mereka yang menerima suratan amalannya dengan tangan kanan, jadikanlah kami daripada golongan mereka yang beroleh keamanan pada hari kiamat, berilah kegembiraan kepada kami ya Allah dengan dapat memandang kepada wajah Engkau Yang Mulia dengan berkat rahmat Engkau wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.”



MELONTAR JAMRAH

PENGERTIAN MELONTAR

Melontar tujuh biji batu ke dalam jamrah (marma). Jamrah ialah tempat khas bagi jemaah haji untuk melakukan lontaran. Di sana ada tiga jamrah, jamrah ula (pertama), jamrah wusta (kedua) dan jamrah aqabah (ketiga).

HUKUM MELONTAR

Para jemaah haji diwajibkan melontar tiga jamrah (wajib haji) selepas bermalam di Muzdalifah. Jemaah haji yang tidak melontar tanpa uzur syarie, diwajibkan membayar dam. Damnya ialah tertib dan takdir.

MASA MELONTAR

Masa melontar jamrah aqabah ialah selepas tengah malam syarie, malam 10 Zulhijjah hingga terbenam matahari pada akhir hari tasyrik (13 Zulhijjah). Masa melontar ketiga-tiga jamrah (ula, wusta dan aqabah) ialah selepas tergelincir matahari pada hari-hari tasyrik (11, 12 dan 13 Zulhijjah) hingga terbenam matahari pada akhir hari tasyrik (13 Zulhijjah).

BAHAN LONTARAN

Hendaklah menggunakan batu. Yang baiknya ialah biji-biji batu yang kecil, separuh dari ruas hujung jari kelingking atau sebesar kacang pool.

CARA-CARA MELONTAR TIGA JAMRAH

1. **10 Zulhijjah** - Melontar jamrah aqabah sahaja dengan tujuh biji batu (satu demi satu). Lontaran bermula tengah malam Hari Raya hingga akhir hari-hari tasyrik.



2. **11 Zulhijjah** - Melontar ketiga-tiga jamrah (ula, wusta dan aqabah) dengan tujuh biji batu pada setiap satu jamrah. Jumlah batu ialah 21 biji. Lontaran bermula selepas gelincir matahari.
3. **12 Zulhijjah** - Melontar ketiga-tiga jamrah (ula, wusta dan aqabah) dengan tujuh biji batu pada setiap satu jamrah. Jumlah batu ialah 21 biji. Lontaran bermula selepas gelincir matahari.
4. **13 Zulhijjah** - Melontar ketiga-tiga jamrah (ula, wusta dan aqabah) dengan tujuh biji batu pada setiap satu jamrah. Jumlah batu ialah 21 biji. Lontaran bermula selepas gelincir matahari.

SYARAT-SYARAT MELONTAR

1. Hendaklah dilakukan sesudah masuk waktunya. iaitu sesudah gelincir matahari pada hari-hari tasyrik (11,12 dan 13 Zulhijjah) dan selepas tengah malam syarie, malam 10 Zulhijjah untuk melontar jamrah aqabah sahaja.
2. Melontar secara tertib. iaitu bermula dari jamrah ula, wusta dan aqabah.
3. Tujuh kali lontaran dengan yakin pada tiap-tiap jamrah.
4. Melontar hendaklah dengan batu.
5. Melontar dengan tangan.
6. Pastikan yang batu-batu lontaran itu masuk ke dalam kolam (marma).
7. Lakukan dengan gaya melontar.
8. Jangan berkasad yang lain daripada melontar.

SUNAT-SUNAT MELONTAR

1. Bertakbir pada tiap-tiap lontaran.
2. Melontar dengan tangan kanan, dengan cara mengangkatnya sehingga nampak ketiak.
3. Memberhentikan talbiyah ketika mulai melakukan lontaran.
4. Mendahulukan melontar dari solat zuhur.



5. Berturut-turut dalam lontaran dan juga perpindahan di antara jamrah.
6. Hampir dengan tempat lontaran (marma).
7. Menghadap kiblat.
8. Batu-batu lontaran hendaklah bersih dan kecil.

MAKRUH-MAKRUH MELONTAR

1. Batu-batu lontaran lebih besar dari kadar yang ditentukan.
2. Batu-batu lontaran sangat kecil.
3. Melontar dengan batu yang bernajis.
4. Batu-batu lontaran diambil dari bahagian batu masjid.

DOA KETIKA MELONTAR

بِسْمِ اللَّهِ، اللَّهُ أَكْبَرُ، رَجَمًا لِلشَّيْطَانِ وَحَزْبِهِ.

Maksudnya: "Dengan nama Allah, Allah Maha Besar, aku melontar kepada syaitan dan pengikut-pengikutnya."

Atau baca doa ini

بِسْمِ اللَّهِ، اللَّهُ أَكْبَرُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَخَدَّهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ. وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.



Maksudnya: “Dengan nama Allah, Allah Maha Besar, Tuhan yang menepati dengan benar pada janjiNya, Tuhan yang telah memberi pertolongan pada hambaNya, memuliakan tenteraNya dan menghapuskan segala seteru-seteruNya dengan ZatNya sendiri. Tiada Tuhan melainkan Allah dan kita tidak menyembah melainkan kepadaNya dengan berikhlash hati mengerjakan agama untukNya, sekalipun dibenci oleh orang-orang kafir. Selawat dan salam Allah kepada junjungan kita Nabi Muhammad dan atas semua keluarga dan sahabatnya.”

DOA SELEPAS MELONTAR

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا وَذَنْبًا مَغْفُورًا وَسَعْيًا مَشْكُورًا
وَعَمَلًا صَالِحًا مَقْبُولًا، وَتِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ.

Maksudnya: “Ya Allah. Ya Tuhanku, kurniakanlah haji yang mabrur, dosa yang diampun, usaha yang dipuji, amalan soleh yang diterima dan perniagaan yang tidak rugi.”

LAMBAT ATAU TIDAK DAPAT MELONTAR

Jika tidak dapat melontar pada hari-hari tasyrik pertama dan kedua, diharuskan melontar pada hari tasyrik yang ketiga. Ini kerana ketiga-tiga hari tasyrik ialah waktu untuk melontar. Jika lambat melontar untuk semua jamrah, iaitu dari sepuluh hingga tiga belas Zulhijjah cara melontarnya adalah sebagai berikut:

1. Melontar jamrah aqabah sahaja dengan niat untuk hari Nahar.
2. Kembali semula ke jamrah ula. Melontar ketiga-tiga jamrah (ula, wusta dan aqabah), dengan niat melontar untuk hari yang ke sebelas Zulhijjah. Melontar dengan tujuh biji batu pada setiap jamrah.
3. Kembali semula ke jamrah ula. Melontar ketiga-tiga jamrah (ula, wusta dan aqabah), dengan niat melontar untuk hari yang kedua belas Zulhijjah. Melontar dengan tujuh biji batu pada setiap jamrah.



4. Kembali semula ke jamrah ula. Melontar ketiga-tiga jamrah (ula, wusta dan aqabah), dengan niat melontar untuk hari yang ketiga belas Zulhijjah. Melontar dengan tujuh biji batu pada setiap jamrah.

MELONTAR DENGAN BERWAKIL

Diharuskan bagi orang yang sakit, mengandung dan tidak boleh melontar sendiri berwakil kepada orang lain. Wajib bagi orang yang sakit itu menunggu hingga akhir hari tasyrik. Mungkin dia sembuh dan boleh melontar. Ini lebih afdal.

Tidak diharuskan berwakil kepada orang lain untuk melontar, sekiranya orang tersebut berkuasa untuk melontar sendiri. Tidak wajib diulang lontaran seseorang yang telah berwakil kerana uzur, dan uzurnya hilang sedangkan waktu melontar masih ada.

NAFAR AWAL

Keluar dari Mina pada hari tasyrik yang kedua, iaitu dua belas Zulhijjah dinamakan nafar awal dan keluar dari Mina pada hari yang ketiga, iaitu tiga belas Zulhijjah dinamakan nafar thani. Nafar thani adalah lebih afdal dari nafar awal.

Untuk melakukan nafar awal, hendaklah mengikut syarat-syarat di bawah ini:

1. Sudah melontar untuk hari kesebelas Zulhijjah.
2. Sudah bermalam selama dua malam di Mina. Iaitu pada malam kesebelas dan kedua belas Zulhijjah.
3. Hendaklah meninggalkan Mina sesudah gelincir matahari pada hari yang kedua belas Zulhijjah, dan sesudah melontar jamrah pada hari tersebut.
4. Hendaklah meninggalkan Mina sebelum terbenam matahari.
5. Hendaklah bernafar awal di dalam kawasan Mina sesudah melontar. Tidak sah niat yang dilakukan di jamrah aqabah, kerana dia terkeluar dari batas Mina. Hendaklah dia balik kebelakang selepas melontar jamrah aqabah dan berniat nafar awal di kawasan Mina.
6. Berazam tidak akan kembali lagi ke Mina.



BERMALAM DI MINA

PENGERTIAN BERMALAM DI MINA

Bermalam di Mina bermaksud seseorang jemaah haji berada di Mina pada malam-malam Tasyriq (11, 12, dan 13 Zulhijjah). Ia tidak disyaratkan berada di Mina sepanjang malam, tetapi memadai dengan berada di sana sekadar lebih sedikit daripada separuh waktu malam.

Yang dimaksudkan dengan “malam” ialah tempoh antara waktu Maghrib sehingga waktu Subuh. Cara menentukan separuh malam ialah dengan mengambil jumlah keseluruhan tempoh antara Maghrib dan Subuh, kemudian dibahagikan dua.

Sekiranya jemaah berada di Mina lebih sedikit daripada tempoh separuh malam, maka kewajipan bermalam telah ditunaikan.

Contoh Pengiraan Separuh Malam

Contoh 1	Contoh 2
Maghrib: 7:00 malam	Maghrib: 6:30 malam
Subuh: 4:00 pagi	Subuh: 5:00 pagi
Tempoh malam: 9 jam	Tempoh malam: 10 jam 30 minit
Separuh malam: 4 jam 30 minit	Separuh malam: 5 jam 15 minit
Waktu tengah malam: 11:30 malam	Waktu tengah malam: 11:45 malam
(4 jam 30 minit selepas 7:00 malam)	(5 jam 15 minit selepas 6:30 malam)

HUKUM BERMALAM DI MINA

Menurut mazhab Syafi'i, bermalam di Mina pada malam-malam Tasyriq adalah wajib.

Sesiapa yang meninggalkan bermalam di Mina tanpa uzur syarie, maka dia dikenakan dam. Damnya ialah tertib dan takdir.



SYARAT BERMALAM DI MINA

Antara syarat sah bermalam di Mina ialah:

- 1 Bermalam itu dilakukan pada malam-malam Tasyriq. 2 malam jika nafar awal (malam 11 dan 12 Zulhijjah) atau 3 malam jika nafar thani (malam 11,12 dan 13 Zulhijjah).
- 2 Berada di Mina lebih sedikit daripada tempoh separuh malam.

BACALAH DOA INI KETIKA MASUK KE MINA

اَللّٰهُمَّ هَذِهِ مِنِّيْ فَامْنُنْ عَلَيَّ بِمَا مَنَنْتَ بِهِ عَلٰى اَوْلِيَائِكَ
 وَاَهْلِ طَاعَتِكَ سُبْحَانَ الَّذِيْ فِي السَّمَاۤءِ عَرْشُهُ سُبْحَانَ
 الَّذِيْ فِي الْاَرْضِ سَطُوْتُهُ سُبْحَانَ الَّذِيْ فِي الْبَحْرِ سَبِيْلُهُ
 سُبْحَانَ الَّذِيْ فِي النَّارِ سُلْطَانُهُ سُبْحَانَ الَّذِيْ فِي الْجَنَّةِ
 رَحْمَتُهُ، سُبْحَانَ الَّذِي رَفَعَ السَّمَاۤءَ وَوَضَعَ الْاَرْضَ بِقُدْرَتِهِ
 سُبْحَانَ الَّذِي لَا مَنَجَا وَلَا مَلْجَأَ مِنْهُ اِلَّا اِلَيْهِ.

Maksudnya: “Ya Allah, aku memohon dengan berkat Mina ini, Engkau anugerahkan daku dengan apa yang telah Engkau anugerahkan kepada wali-wali Engkau dan hamba-hamba Engkau yang taat kepada Engkau, Maha Suci Allah yang ArasyNya terletak di langit, Maha Suci Allah yang memperlihatkan kekuatanNya di bumi, Maha Suci Allah yang menjalankan lautan, Maha Suci Allah yang melihatkan kekuasaan dan pemerintahan di api neraka, Maha Suci Allah yang melihatkan rahmatNya di dalam syurga, Maha Suci Allah yang telah mengangkat tujuh petala langit dan menetapkan tujuh petala bumi dengan kudratNya, Maha Suci Allah yang tidak ada tempat untuk meminta pertolongan melainkan kepadaNya semata-mata.”



TAWAF WADAK

PENGERTIAN TAWAF WADAK

Tawaf wadak ialah tawaf selamat tinggal, yang mesti dilakukan oleh setiap orang yang akan meninggalkan kota Makkah, kerana akan kembali ke negerinya atau kerana pergi ke sesuatu tempat yang jauhnya dua marhalah (91km) atau lebih, atau kerana pergi ke satu tempat yang dia hendak tinggal di sana selama empat hari atau lebih.

HUKUM TAWAF WADAK

Tawaf wadak ialah wajib yang tersendiri, ia bukanlah salah satu daripada wajib haji. Tawaf wadak diwajibkan ke atas setiap orang yang hendak meninggalkan kota Makkah.

Wajib diniatkan ketika hendak melakukan tawaf wadak. Diwajibkan meninggalkan kota Makkah dengan segera sesudah sempurna tawaf wadaknya. Batal tawaf wadaknya jika dia tidak meninggalkan kota Makkah dengan segera tanpa uzur (selesai solat dua rakaat).

TIDAK BATAL TAWAF WADAK

Tidak batal tawaf wadaknya jika lambat kerana:

1. Berdoa selepas solat sunat tawaf.
2. Minum air zamzam.
3. Berdoa di Multazam.
4. Solat fardu berjemaah.
5. Menguruskan hal-hal pelayaran (contohnya, membeli bekalan).

Wajib mengerjakan tawaf wadak sekali lagi bila tawaf wadaknya batal. Wajib membayar dam jika tawaf wadak tidak dikerjakan tanpa uzur syarie. Damnya ialah tertib dan takdir.



Seorang yang meninggalkan tawaf wadak, dan kembali semula ke Makkah sebelum perjalanannya sampai dua marhalah dan belum sampai ke tempat yang dituju, dan dia mengerjakan tawaf wadak, maka tidak wajib membayar dam. Tetapi jika dia telah sampai ke tempat yang dituju, walaupun kurang dari dua marhalah, maka dia wajib membayar dam.

Tawaf wadak tidak wajib ke atas perempuan yang haid atau nifas. Tetapi dia wajib kembali dan mengerjakan tawaf wadak, jika dia sudah bersih sebelum keluar dari bumi Makkah. Tidak wajib kembali untuk mengerjakan tawaf wadak, jika dia bersih sesudah berada di luar bumi Makkah.

PERKARA YANG DISUNATKAN SELEPAS TAWAF WADAK

Di antara perkara yang disunatkan selepas mengerjakan tawaf wadak ialah:

1. Solat sunat tawaf dua rakaat kerana tawaf wadak.
2. Berdoa di Multazam sesudah solat.
3. Minum air zamzam hingga kenyang.
4. Mengucup Hajar Aswad.
5. Berjalan keluar melalui Babul Wadak.

DOA SEBELUM MEMBACA LAFAZ NIAT TAWAF WADAK

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اُرِيْدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ فَيَسِّرْهُ لِيْ وَتَقَبَّلْهُ مِنِّيْ.

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku hendak mengerjakan tawaf mengelilingi rumahMu yang suci maka berikanlah aku kemudahan dan terimalah ia daripada aku.”



LAFAZ NIAT TAWAF WADAK

نَوَيْتُ أَنْ أَطُوفَ طَوَافَ الْوَدَاعِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: "Sahaja aku berniat mengerjakan tawaf wadak tujuh pusingan kerana Allah Taala."

DOA TAWAF WADAK DI SEMUA PUSINGAN

بِسْمِ اللَّهِ اللَّهُ أَكْبَرُ، سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَاللَّهُ أَكْبَرُ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.
اَللّٰهُمَّ اِيْمَانًا بِكَ وَتَصَدِّيقًا بِكِتَابِكَ وَوَفَاءً بِعَهْدِكَ وَاتِّبَاعًا
لِسُنَّةِ نَبِيِّكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. إِنَّ الَّذِي فَرَضَ
عَلَيْكَ الْقُرْآنَ لَرَادُّكَ إِلَىٰ مَعَادٍ. يَا مُعِيدُ أَعِدْنِي، وَيَا سَمِيعُ
اسْمِعْنِي. يَا جَبَّارُ اجْبُرْنِي، يَا سَتَّارُ اسْتُرْنِي، يَا رَحْمَنُ
ارْحَمْنِي، يَا رَدَّادُ ارْدُدْنِي إِلَىٰ بَيْتِكَ هَذَا وَارْزُقْنِي الْعُودَ
ثُمَّ الْعُودَ كَرَّاتٍ بَعْدَ مَرَّاتٍ. تَائِبُونَ عَابِدُونَ،
سَائِحُونَ لِرَبِّنَا حَامِدُونَ، صَدَقَ اللَّهُ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ،



وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحَدَهُ، اَللّٰهُمَّ احْفَظْنِيْ عَنْ يَمِيْنِيْ وَعَنْ
يَسَارِيْ، وَمِنْ قُدَّامِيْ وَمِنْ وَّرَاءِ ظَهْرِيْ، وَمِنْ فَوْقِيْ وَمِنْ
تَحْتِيْ حَتَّى تُوَصِّلَنِيْ اِلَى اَهْلِيْ وَبَلَدِيْ. اَللّٰهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا
السَّفَرَ وَاطْوِلْنَا الْاَرْضَ. اَللّٰهُمَّ اَصْحِبْنَا فِيْ سَفَرِنَا وَاخْلُفْنَا
فِيْ اَهْلِنَا يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ وَيَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

Maksudnya: “Dengan nama Allah, Allah Maha Besar, Allah Maha Suci dan segala puji bagi Allah. Tiada Tuhan kecuali Allah dan Allah Maha Besar. Tiada upaya dan tiada kekuatan kecuali dengan izin Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Agung. Selawat dan salam bagi Rasulullah s.a.w. Ya Allah, aku datang ke sini kerana beriman kepadaMu dan mempercayai kitabMu, memenuhi janjiMu dan kerana mengikut sunnah NabiMu, Muhammad s.a.w. Sesungguhnya Tuhan yang menurunkan kepadamu Al-Quran akan mengembalikan ke tempatmu.

Ya Tuhan Yang Maha Mengembalikan, kembalikanlah aku. Ya Tuhan Yang Maha Mendengar, dengarkanlah aku. Ya Tuhan Yang Maha Perkasa, kuatkanlah aku. Wahai Tuhan Yang Maha Menutup, tutuplah aibku. Wahai Tuhan Yang Maha Pengasih, kasihilah aku. Wahai Tuhan Yang Maha Mengembalikan, kembalikanlah aku ke KaabahMu ini dan anugerahilah aku kesempatan untuk kembali dan kembali berulang-ulang kembali, bertaubat, beribadat mengembara dalam keadaan memujiMu. Allah Maha Menepati janji dan membantu hambaNya, dan menghancurkan musuh, sendiri sahaja.

Ya Allah, peliharalah aku dari kanan, dan kiri, dan dari hadapan, dan dari belakang, dan dari atas, dan dari bawah, sehingga Engkau sampaikan aku kepada keluargaku dan negeriku. Ya Allah, ringankanlah bagi kami perjalanan ini dan lipatkanlah bagi kami bumi ini. Ya Allah, sertailah kami dalam perjalanan kami, dan peliharalah keluarga kami, wahai Tuhan Yang Maha Penyayang, Ya Tuhan Pemelihara alam semesta”



DOA SETELAH SELESAI TAWAF WADAK DI MULTAZAM

اللَّهُمَّ إِنَّ الْبَيْتَ بَيْتُكَ وَالْعَبْدَ عَبْدُكَ وَالْبُنَّ عَبْدُكَ وَالْبُنَّ
 أَمْتِكَ حَمَلْتَنِي عَلَى مَا سَخَّرْتَنِي لِي مِنْ خَلْقِكَ حَتَّى
 سَيَّرْتَنِي فِي بِلَادِكَ وَبَلَغْتَنِي بِنِعْمَتِكَ حَتَّى أَعْنَتَنِي عَلَى
 قَضَاءِ مَنَاسِكَكَ، فَإِنْ كُنْتَ رَضِيتَ عَنِّي فَازِدْ عَنِّي رِضًا،
 وَإِلَّا فَمُنَّ الْآنَ قَبْلَ تَبَاعُدِي عَنْ بَيْتِكَ هَذَا أَوْ أَنْ أَنْصِرَافِي
 إِنْ أَذْنْتَ لِي غَيْرَ مُسْتَبَدِّلٍ بِكَ وَلَا بَيْتِكَ وَلَا رَاغِبٍ عَنْكَ
 وَلَا عَنْ بَيْتِكَ، اللَّهُمَّ أَصْحَبْنِي الْعَافِيَةَ فِي بَدَنِي وَالْعِصْمَةَ
 فِي دِينِي وَأَحْسِنْ مُنْقَلَبِي وَارْزُقْنِي طَاعَتَكَ مَا أَبْقَيْتَنِي
 وَاجْمَعْ لِي خَيْرِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ
 قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ لَا تَجْعَلْ هَذَا آخِرَ الْعَهْدِ بِبَيْتِكَ الْحَرَامِ،
 وَإِنْ جَعَلْتَهُ آخِرَ عَهْدِي فَعَوِّضْنِي عَنْهُ الْجَنَّةَ بِرَحْمَتِكَ
 يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.



Maksudnya: “Ya Allah, rumah ini rumahMu, dan hamba, adalah hambaMu, anak hambaMu yang lelaki dan hambaMu yang perempuan. Engkau bawa aku dengan kenderaan yang Engkau mudahkan bagiku, sehingga Engkau jalankan aku di negeriMu ini dan Engkau sampaikan aku dengan nikmatMu, sehingga Engkau tolong aku untuk melaksanakan ibadat haji (umrah). Jika Engkau reda kepadaku, maka tambahilah bagiku redaMu. Jika tidak, maka sejak dari sekarang, redakanlah aku sebelum aku jauh dari rumahMu. Sekarang waktuku untuk pulang jika Engkau izinkan bagiku, tanpa menukar sesuatu untuk Engkau dan juga tidak dengan rumahMu, serta tidak benci kepada rumahMu.

Ya Allah, dampingilah tubuhku dengan kesihatan, dan bentengi agamaku, dan baikan kepulangkanku. Kurniailah aku ketaatan kepadaMu selama-lamanya. Selama Engkau biarkan aku hidup, maka kumpulkanlah bagiku kebaikan di dunia dan di akhirat. Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala-galanya. Ya Allah, janganlah jadikan ini akhir kesempatan bagiku kebaikan di dunia dan di akhirat. Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala-galanya. Ya Allah, janganlah jadikan ini akhir bagiku di rumahMu yang mulia ini. Bila Engkau jadikan kesempatan yang terakhir bagiku, maka gantilah ia dengan syurga dan rahmatMu, Wahai Yang Maha Pengasih dan Penyayang. Perkenankanlah ya Tuhan seru sekalian alam.”



BAYARAN DAM

PENGERTIAN MEMBAYAR DAM

Bayaran dam ialah tebusan atau denda yang dikenakan ke atas orang yang mengerjakan ibadat haji atau umrah yang melakukan beberapa kesalahan.

SEBAB-SEBAB DIKENAKAN DAM

Dikenakan membayar dam kepada jemaah haji atau umrah kerana:

1. Meninggalkan wajib-wajib haji.
2. Melakukan perkara-perkara yang diharamkan ketika dalam ihram.
3. Melakukan perkara-perkara yang diharamkan di Tanah Haram.
4. Tidak wukuf di Arafah.
5. Ikhsar (tertegah di perjalanan sesudah ihram).

BAHAGIAN BAYARAN DAM

Bayaran dam terbahagi kepada empat bahagian:

1. *Tertib dan takdir.*
 2. *Tertib dan takdil.*
 3. *Takhyir dan takdil.*
 4. *Takhyir dan takdir.*
1. **Tertib dan takdir** - Damnya terdiri dari beberapa perkara. Dam ini hendaklah dibayar menurut susunannya. Tidak harus dibayar dengan yang kedua, kecuali tidak mampu untuk membayar dengan yang pertama. Dam takdir ialah dam yang telah ada ketetapan dari syarak.



Damnya ialah dengan

1. Menyembelih seekor kambing. Jika tidak terdaya;
2. Wajib berpuasa sepuluh hari (tiga hari dalam masa haji dan tujuh hari setelah pulang ke negerinya).

Sebab-sebab dikenakan dam tertib dan takdir

1. Mengerjakan haji tamattuk.
2. Mengerjakan haji qiran.
3. Tidak wukuf di Arafah sesudah berniat ihram.
4. Tidak berihram di Miqat.
5. Tidak bermalam di Muzdalifah.
6. Tidak bermalam di Mina
7. Tidak melontar jamrah.
8. Tidak bertawaf wadak.
9. Tidak menunaikan nazar dalam ibadat haji.

Cara berpuasa tiga hari dalam masa haji

Hendaklah dia berniat ihram haji, pada lima hari bulan Zulhijjah. Kemudian dia berpuasa hari keenam, ketujuh dan kedelapan bulan Zulhijjah. Jika putus puasa tiga hari dalam masa haji, hendaklah dia puasa qadak, ceraikan puasa qadak tiga hari itu dengan puasa tujuh hari di negerinya, selama dalam perjalanan pulang. Cara menunaikan puasa tiga hari dalam masa haji bagi orang yang meninggalkan tawaf wadak, ialah berpuasa tiga hari ketika meninggalkan Makkah sejauh dua marhalah (91 km).

2. **Tertib dan takdil** - Damnya terdiri dari beberapa perkara. Dam ini hendaklah dibayar menurut susunannya. Tidak harus dibayar dengan yang kedua, kecuali tidak mampu untuk membayar dengan yang pertama. Dam takdil ialah dam menurut nilai harga bagi dam itu yang tidak ditetapkan oleh syarak akan harganya.

Damnya ialah dengan

1. Menyembelih seekor unta yang sudah boleh dibuat korban. Jika tidak



terdaya:

2. Menyembelih seekor lembu. Jika tidak terdaya;
3. Menyembelih tujuh ekor kambing. Jika tidak terdaya;
4. Memberi makan fakir miskin dengan harga unta. Jika tidak terdaya;
5. Hendaklah berpuasa sebanyak bilangan cupak (mud) daripada makanan yang dikira dengan kadar harga seekor unta. Satu cupak satu hari puasa.

Sebab-sebab dikenakan dam tertib dan takdil

1. Persetubuhan yang merosakkan haji.
2. Ikhsar (tertegah dari menyempurnakan ibadat haji sesudah berniat ihram).

Perkara-perkara yang menyebabkan ikhsar

Ada beberapa perkara yang menyebabkan ikhsar. Di antaranya:

- (a) Ditegah oleh musuh masuk ke Makkah untuk menyelesaikan ibadat haji atau umrah.
- (b) Dikurung dengan zalim.
- (c) Hamba yang berihram tanpa izin tuannya.
- (d) Isteri yang ditegah oleh suaminya.
- (e) Anak yang ditegah oleh ayah atau datuknya.
- (f) Ditegah oleh orang yang memberi hutang.

3. **Takhyir dan takdil** - Damnya diserahkan kepada orang yang kena membayar dam itu mengadakan pilihannya sendiri, di antara beberapa jenis dam yang telah ditentukan. Seperti memilih di antara bersedekah dan berpuasa. Dam takdil ialah dam menurut nilai harga bagi dam itu yang tidak ditentukan oleh syarak. Maksud dam takhyir dan takdil secara ringkas ialah dam yang diserahkan pilihannya kepada orang yang kena membayarnya dan menurut harga dam tersebut.

Damnya ialah dengan

1. Menyembelih seekor unta. Jika tidak terdaya;
2. Menyembelih seekor lembu. Jika tidak terdaya;
3. Menyembelih tujuh ekor kambing. Jika tidak terdaya;



4. Memberi makan fakir miskin dengan harga unta. Jika tidak terdaya;
5. Hendaklah berpuasa sebanyak bilangan cupak (mud) daripada makanan yang dikira dengan kadar harga unta. Satu cupak satu hari puasa.

Sebab-sebab dikenakan dam takhyir dan takdil

1. Memburu binatang darat yang liar yang harus dimakan.
2. Memotong atau mencabut pokok kayu dan tumbuh-tumbuhan di dalam tanah Haram.

Binatang darat

Binatang darat yang harus dimakan seperti:

- (a) Burung Kasuari.
- (b) Rusa.
- (c) Kijang.
- (d) Pelanduk.
- (e) Arnab.

4. **Takhyir dan takdir** - Damnya diserahkan kepada orang yang membayar dam itu, mengadakan pilihannya sendiri di antara beberapa jenis dam yang telah ada ketetapan dari syarak.

Damnya ialah dengan

1. Menyembelih seekor kambing. Atau;
2. Bersedekah tiga gantang makanan, kepada enam orang fakir miskin (setengah gantang bagi tiap-tiap seorang). Atau;
3. Berpuasa tiga hari.

Sebab-sebab dikenakan dam takhyir dan takdir

1. Menggugurkan rambut atau bulu.
2. Mengerat kuku.
3. Pemakaian (menutup kepala, memakai pakaian yang berjahit bagi lelaki. Menutup muka, memakai sarung tangan bagi wanita).



4. Memakai minyak pada rambut kepala atau janggut.
5. Memakai bau-bauan pada badan atau pakaian.
6. Melakukan perkara-perkara pendahuluan bagi jimak.
7. Jimak sesudah tahallul yang pertama, sebelum tahallul kedua.
8. Jimak, sesudah jimak yang merosakkan haji atau umrah.

TEMPAT MENYEMBELIH DAN MEMBAHAGIKAN DAGING DAM

Wajib bagi dam disembelih di Tanah Haram; tidak sah jika dilakukan di luar. Daging sembelihan atau makanan ganti juga wajib dibahagikan di Tanah Haram, dan tidak sah jika diagihkan di tempat lain. Pengecualian hanya bagi dam ikhsar, yang disembelih serta diagihkan di tempat terhalang, dan tidak boleh dipindahkan kecuali ke Tanah Haram.

MASA BAGI MENYEMBELIH DAM

Tidak ada masa yang ditentukan untuk menyembelih dam.

PERINGATAN

1. Dam Tertib dan Takdir - Tidak boleh berpindah.
2. Dam Tertib dan Takdil - Boleh berpindah ikut susunan.
3. Dam Takhyir dan Takdir - Boleh memilih.
4. Dam Takhyir dan Takdil - Boleh dipindahkan.



SOLAT JENAZAH

Setelah disempurnakan mengkafankan mayat, hendaklah ia diletakkan di hadapan imam, melintang kiblat. Kepala mayat di sebelah kanan imam, sama ada mayat itu lelaki atau perempuan. Jika mayat itu lelaki, hendaklah imam berdiri bertentangan dengan kepalanya. Jika mayat itu perempuan, hendaklah imam berdiri bertentangan dengan punggungnya.

RUKUN SOLATJENAZAH

Hukum solat jenazah ialah fardu kifayah, dan rukunnya ada tujuh perkara:

1. Berniat dalam takbiratul ihram.
2. Berdiri betul (jika berkuasa).
3. Bertakbir empat kali (termasuk takbiratul ihram).
4. Membaca surah al-Fatihah, sesudah takbiratul ihram.
5. Membaca selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. sesudah takbir kedua.
6. Membaca doa untuk mayat, sesudah takbir ketiga.
7. Memberi salam, sesudah takbir keempat.

CARA-CARA MENGERJAKAN SOLATJENAZAH

Berniat: Jika mayat lelaki hadir, lafaz niatnya ialah:

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ كِفَايَةً مَأْمُومًا
لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: "Sahaja aku solat bagi mayat lelaki ini empat takbir fardu kifayah, makmuman kerana Allah Taala."



Jika mayat perempuan hadir, lafaz niatnya ialah:

أُصَلِّي عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ كِفَايَةً مَأْمُومًا
لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: "Sahaja aku solat bagi mayat perempuan ini, empat takbir fardu kifayah, makmuman kerana Allah Taala."

Jika kita tidak pasti akan jenis mayat, memadai dengan lafaz ini:

أُصَلِّي عَلَى مَنْ صَلَّى عَلَيْهِ الْإِمَامُ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ
كِفَايَةً مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: 'Sahaja aku solat mengikut apa yang disolatkan oleh imam, empat takbir fardu kifayah, makmuman kerana Allah Taala'

Takbir Pertama, membaca surah al-Fatihah: Setelah selesai membaca surah al-Fatihah, bertakbir kali kedua.

Takbir Kedua, membaca selawat keatas Nabi Muhammad s.a.w.:

Sekurang-kurangnya selawat ini:

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

Atau membaca selawat sebagaimana dalam tahiyat akhir, dalam solat biasa.



Takbir Ketiga, membaca doa untuk mayat seperti berikut:

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَاَرْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاَعْفُ عَنْهُ، وَاَكْرِمْ نَزْلَهُ
وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ. وَاغْسِلْهُ بِالْمَاءِ وَالتَّلْجِ وَالْبَرْدِ. وَنَقِّهِ مِنَ
الْخَطَايَا كَمَا يُنْقَى الثَّوْبُ الْاَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ. وَاَبْدِلْهُ دَارًا
خَيْرًا مِنْ دَارِهِ. وَاَهْلًا خَيْرًا مِنْ اَهْلِهِ. وَزَوْجًا خَيْرًا مِنْ
زَوْجِهِ. وَاَدْخِلْهُ الْجَنَّةَ وَاَعِزَّهُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَفِتْنَتِهِ وَمِنْ
عَذَابِ النَّارِ.

Maksudnya: “Ya Allah, kurniakan keampunan baginya, dan kurniakan rahmat untuknya, dan maafkan dia, dan maafkan kesalahan daripadanya, muliakanlah tempat kembalinya, dan lapangkanlah kuburnya, dan mandikanlah dia dengan air yang sejuk dan air batu, dan bersihkan dia dari segala kesalahan (dosa), sebagaimana bersihnya baju putih dari kekotoran, dan gantikan rumah yang lebih baik dari rumahnya, dan ahli yang lebih baik dari ahlinya, dan suami isteri yang lebih baik dari suami isterinya dan masukkan dia ke dalam syurga, dan jauhkan dia dari seksa kubur dan fitnahnya dan dari azab neraka.”

Takbir Keempat, bacalah doa ini:

اَللّٰهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا اَجْرَهُ وَلَا تَفْتِنَّا بَعْدَهُ وَاغْفِرْ لَنَا وَلَهُ وَلَا خَوَانَنَا
الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْاِيْمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًا لِلَّذِينَ
اٰمَنُوا اِنَّكَ رَءُوْفٌ رَحِيْمٌ.



Maksudnya: “Ya Allah, janganlah Engkau luputkan diri kami dari ganjarannya, dan janganlah Engkau beri fitnah sesudahnya, ampunkanlah kami dan dia, dan saudara-saudara kami yang beriman, yang mendahului kami dan jangan Engkau jadikan di hati kami kebencian/ceburu pada orang-orang yang beriman, sesungguhnya Engkau Maha Lembut dan Maha Penyayang.”

Memberi salam: Sesudah membaca doa di atas, hendaklah memberi salam ke kanan dan kiri (dua salam).

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

TAMBAHAN DOA JENAZAH KANAK-KANAK

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْهُ فَرْطًا لِابْوَيْهِ وَسَلَفًا وَذُخْرًا وَعِظَةً وَاعْتِبَارًا وَشَفِيعًا
وَتَقْلٌ بِهِ مَوَازِينُهُمَا وَاَفْرِغِ الصَّبْرَ عَلَى قُلُوْبِهِمَا وَلَا تَفْتِنَهُمَا
بَعْدَهُ وَلَا تَحْرِمَهُمَا اَجْرَهُ.

Maksudnya: “Ya Allah jadikanlah dia sebagai penolong kepada kedua ibu bapanya, dan sebagai harta pertaruhan bagi keduanya. Dan jadikanlah dia sebagai peringatan dan iktibar dan pemohon syafaat bagi kedua ibu bapanya. Dan beratkanlah timbangan amal keduanya dan penuhilah kesabaran di dada kedua ibu bapanya. Dan janganlah dia menjadi (fitnah) ujian selepas kematiannya dan janganlah hampakan kedua ibu bapanya dari mendapat pahala di atas pemergiannya.”



SUJUD TILAWAH

Sujud tilawah, ialah sujud ketika membaca Al-Quran, atau mendengar orang lain membaca Al-Quran. Sebaik-baik sahaja selesai membaca ayat **“Sajadah”**, sunat melakukan sujud tilawah. Sujud ini dilakukan sama ada di dalam atau di luar solat.

CARA MELAKUKAN SUJUD TILAWAH DI DALAM SOLAT

1. Apabila membaca ayat sajadah, angkat takbir dan terus sujud tanpa rukuk.
2. Bacalah doa ini ketika sujud tilawah:

سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلَقَهُ وَصَوَّرَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ
بِحَوْلِهِ وَقُوَّتِهِ.

Maksudnya: “Telah sujud mukaku kepada Tuhan yang menciptanya, dengan merupakan dan melubangi pendengaran dan penglihatannya, dengan daya upaya dan kekuatan Allah.”

3. Bangkit berdiri semula, sambil membaca takbir.
4. Menyambung semula pembacaan surah sajadah. Setelah selesai, barulah rukuk, dan menyelesaikan solatnya hingga selesai.

CARA MELAKUKAN SUJUD TILAWAH DI LUAR SOLAT

1. Suci badan dari dua hadas dan suci pakaian dari najis.
2. Menghadap kiblat.
3. Menutup aurat.
4. Berniat: *“Sahaja aku mengerjakan sujud tilawah kerana Allah Taala.”*



5. Membaca takbiratul ihram dalam keadaan berdiri atau duduk, sambil mengangkat tangan.
6. Sujud sekali sambil membaca:

سَجَدَ وَجْهِي لِلَّذِي خَلَقَهُ وَصَوَّرَهُ وَشَقَّ سَمْعَهُ وَبَصَرَهُ
بِحَوْلِهِ وَقُوَّتِهِ.

Maksudnya: "Telah sujud mukaku kepada Tuhan yang menciptanya, dengan merupakan dan melubangi pendengaran dan penglihatannya, dengan daya upaya dan kekuatan Allah."

7. Setelah membaca tasbih, sambil bertakbir bangkit duduk tawarruk.
8. Memberi salam, ke kanan dan ke kiri.



UMRAH

Ertinya: Mengunjungi Baitullah Al-Haram kerana tujuan beribadat, pada sebarang masa, di sepanjang tahun.

Hukumnya: Adalah wajib fardu ain, seumur hidup sekali. Difardukan ke atas tiap-tiap muslim lelaki dan perempuan; sesuai dengan firman Allah s.w.t:

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Maksudnya: "Sempurnakanlah olehmu haji dan umrah kerana Allah."

Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللَّهِ! هَلْ عَلَى النِّسَاءِ مِنْ جِهَادٍ؟
قَالَ: نَعَمْ، عَلَيْهِنَّ جِهَادٌ لَا قِتَالَ فِيهِ. الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ.

(رواه أحمد وابن ماجه)

Maksudnya: "Dari Aisyah yang berkata kepada baginda Rasulullah s.a.w "Wahai Rasulullah! Adakah wajib di atas orang perempuan berperang?" Baginda menjawab: "Ya, tetapi peperangan yang tidak bunuh membunuh, hanya mengerjakan haji dan umrah" - Diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibnu Majah.

Fadilatnya: Di antara fadilatnya, baginda Rasulullah s.a.w. bersabda:

عُمْرَةٌ فِي رَمَضَانَ تَعْدِلُ حَجَّةً.

Maksudnya: "Umrah di bulan Ramadan, disamakan pahalanya dengan haji"
- Diriwayatkan oleh Ahmad dan Ibnu Majah.



Baginda Rasulullah s.a.w. bersabda:

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ
لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

Maksudnya: “Umrah ke umrah menjadi kafarat bagi dosa yang di antara keduanya, haji yang mabrur tiada lain balasannya kecuali syurga.” - Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim.

MASA MENGERJAKAN UMRAH

Masa mengerjakan ibadat umrah ialah sepanjang tahun. Maksudnya, ibadat umrah boleh dikerjakan pada bila-bila masa di sepanjang tahun. Sama ada dalam bulan-bulan haji atau di luar bulan-bulan haji.

RUKUN-RUKUN UMRAH

Sebagaimana ibadat haji, ibadat umrah juga mempunyai rukun-rukun yang mesti dilakukan. Yakni jika salah satu rukunnya tidak dilakukan, ibadat umrahnya tidak sah. Rukun-rukun ibadat umrah ialah lima:

1. **Niat ihram umrah:** Memakai dan berniat ihram umrah, boleh dilakukan pada bila-bila masa. Ini kerana miqat zamani (masa) bagi ibadat umrah ialah sepanjang tahun. Adapun miqat makaninya (tempat), sama dengan ibadat haji. Kecuali bagi orang-orang yang sudah berada di Makkah, miqat makaninya ialah di tanah halal. Misalnya di Ja'aranah, Tan'im, dan lain-lain.

Lafaz niat ihram umrah

نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: “Sahaja aku berniat umrah dan aku berihram dengannya kerana Allah Taala.”

2. **Tawaf:** Berjalan mengelilingi Kaabah, sebanyak tujuh pusingan mengikut peraturan dan syarat-syarat yang tertentu.



Lafaz niat tawaf umrah

نَوَيْتُ أَنْ أَطُوفَ طَوَافَ الْعُمْرَةِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: "Sahaja aku berniat mengerjakan tawaf umrah tujuh pusingan kerana Allah Taala"

3. **Sai:** Berjalan berulang alik di antara Bukit Safa dan Bukit Marwah sebanyak tujuh perjalanan. Perjalanan ini dimulakan dari Bukit Safa dan diakhiri di Bukit Marwah.

Lafaz niat sai umrah

نَوَيْتُ أَنْ أَسْعَى مَا بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ سَعْيِ الْعُمْرَةِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya: "Sahaja aku berniat sai antara Safa dan Marwah, sai umrah tujuh perjalanan kerana Allah Taala."

4. **Bercukur atau bergunting:** Menggugurkan sekurang-kurangnya tiga helai rambut di kepala kerana tahallul.
5. **Tertib:** Hendaklah dikerjakan segala rukun Umrah menurut susunannya. Yang dahulu didahulukan, dan yang kemudian di kemudiakan.

WAJIB-WAJIB UMRAH

Hendaklah dikerjakan oleh orang-orang yang mengerjakan ibadat umrah. Jika salah satu wajib umrah tidak dikerjakan, ibadat umrahnya masih sah tetapi dikenakan membayar dam. Wajib-wajib umrah ialah dua:

1. **Niat ihram di miqat:** Memakai pakaian ihram dan berniat ihram umrah di miqat yang telah ditetapkan oleh syarak.
2. **Meninggalkan larangan-larangan ihram:** Segala larangan- larangan ihram yang telah ditentukan hendaklah ditinggalkan, semasa dalam ihram.



MADINAH

Madinah adalah kota suci kedua, bagi umat Nabi Muhammad s.a.w. Dahulu, namanya ialah Yathrib. Ketika Nabi Muhammad s.a.w. tiba di sana, namanya ditukar menjadi Madinatul Rasul dan disebut juga Madinah Al-Munawwarah. Madinah ialah kota utama di dunia, kerana di sana terletak Al-Masjid Nabawi, dan juga tempat dimakamkan junjungan besar penghulu kita Nabi Muhammad s.a.w. dan beberapa orang sahabat dan isterinya. Jarak di antara Kota Makkah dan Kota Madinah ialah lebih kurang 450km.

SEJARAH RINGKAS HIJRAH BAGINDA RASULULLAH S.A.W.

Menurut sejarah, junjungan Rasulullah s.a.w. telah berhijrah ke Madinah Al-Munawwarah setelah tiga belas tahun lamanya baginda menjadi Rasul. Ini bermakna usia baginda junjungan ketika itu 53 tahun. Sejarah menerangkan, hijrahnya junjungan Rasulullah s.a.w. berlaku pada tahun 622 Masihi.

Baginda tiba di kota Madinah Al-Munawwarah pada 12 Rabiulawal tahun pertama Hijrah. Pada tahun itu juga baginda mendirikan Masjid Nabawi di tempat berhentinya unta kenaikan baginda setibanya di kota Madinah (di hadapan rumah Abu Ayub Al-Ansari). Tapak masjid itu dipunyai oleh dua orang anak yatim bernama Sahal dan Sahil anak Amru.

Baginda membayar harga tanah itu, walaupun pada mulanya tanah itu dihadihkan sahaja oleh penjaganya untuk dijadikan tapak masjid, tetapi baginda tidak mahu menerimanya melainkan dibayar harganya.

Masjid yang didirikan oleh baginda itu sangat sederhana keadaannya, bentuknya hampir empat persegi, tiangnya daripada batang pokok kurma dan dindingnya daripada batu bata dan tanah. Sebahagian atapnya ialah daripada daun-daun kurma. Sebahagian yang lain ditinggalkan tidak beratap. Ukuran luasnya lebih kurang 60 x 70 hasta dan ditambah keluasanya pada tahun hijrah yang ketujuh.



KELEBIHAN KOTA MADINAH AL-MUNAWWARAH

Di antara beberapa kelebihan kota Madinah, telah diterangkan oleh baginda Rasulullah s.a.w.dengan beberapa buah hadisnya:

إِنَّ إِبْرَاهِيمَ حَرَّمَ مَكَّةَ وَدَعَا لِأَهْلِهَا وَإِنِّي حَرَّمْتُ الْمَدِينَةَ
كَمَا حَرَّمَ إِبْرَاهِيمُ مَكَّةَ وَإِلَيَّ أَدْعُوكَ فِي مُدَّهَا وَصَاعِهَا
بِمِثْلِ دَعَا إِبْرَاهِيمَ لِأَهْلِ مَكَّةَ.

Maksudnya: “Sesungguhnya Ibrahim telah menjadikan Makkah daerah haram, (dimuliakan) dan berdoa untuk penduduknya. Dan sesungguhnya aku menjadikan Madinah daerah haram, (dimuliakan) sebagaimana Ibrahim telah menjadikan Makkah daerah haram. Dan sesungguhnya aku telah berdoa terhadap takaran-takarannya sebagaimana Ibrahim telah berdoa untuk penduduk Makkah.”

Sabdanya lagi:

مَنْ صَبَرَ عَلَى لَأَوَاءِ الْمَدِينَةِ وَشِدَّتِهَا كُنْتُ لَهُ شَهِيدًا أَوْ
شَفِيعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang boleh bersabar menanggung kesusahan penderitaan Madinah, nescaya aku akan menjadi saksi dan pemberi syafaat baginya di hari kiamat.”

Sabdanya lagi:

إِنَّ الْإِيمَانَ لَيَأْرِزُ إِلَى الْمَدِينَةِ كَمَا تَأْرِزُ الْحَيَّةُ إِلَى جُحْرِهَا.

Maksudnya: “Iman itu akan berkumpul dan berhimpun di Madinah seperti ular kembali berkumpul dan berhimpun ke lubangnya.”



MASJID NABAWI

Peninggalan sejarah yang paling besar bagi umat Islam, di Madinah ialah Masjid Nabawi. Masjid Nabawi ialah masjid yang kedua, yang dibenarkan kita menyimpan dan menyiapkan bekalan untuk pergi berziarah dan mengunjunginya. Sesuai dengan sabda baginda Rasulullah s.a.w.:

لَا تَشُدُّ الرَّحَالَ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ: الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ،
وَمَسْجِدِي هَذَا وَالْمَسْجِدِ الْأَقْصَى.

Maksudnya: "Tidak digalakkan pergi mengembara melainkan kepada tiga buah masjid iaitu Masjidil Haram, Masjidku ini (Masjid Nabawi) dan Masjidil Aqsa (di Baitul Mukadis)"

Masjid Nabawi yang terletak di tengah-tengah kota Madinah itu, telah dibina pada tahun yang pertama Hijrah. Masjid yang dibina oleh baginda Rasulullah s.a.w. adalah sederhana dan hampir berbentuk empat persegi. Masjid Nabawi yang ada sekarang ini, telah mengalami proses penambahan, pembesaran dan perluasan dari masa ke semasa, sehinggalah bentuknya yang indah tersergam dan kawasannya yang luas sekarang ini.

KELEBIHAN SOLAT DI MASJID NABAWI

Di antara beberapa kelebihan solat di Masjid Nabawi, telah diterangkan oleh baginda Rasulullah s.a.w. dengan beberapa buah hadisnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

صَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي هَذَا كَأَلْفِ صَلَاةٍ فِيَمَا سِوَاهُ إِلَّا
الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ. وَصِيَامُ شَهْرِ رَمَضَانَ بِالْمَدِينَةِ كَصِيَامِ



أَلْفَ شَهْرٍ فِيمَا سِوَاهُ. وَصَلَاةُ الْجُمُعَةِ بِالْمَدِينَةِ كَأَلْفِ
جُمُعَةٍ فِيمَا سِوَاهَا.

Maksudnya: “Solat di masjidku ini pahalanya adalah seperti seribu solat di tempat lain, melainkan di Masjidil Haram. Berpuasa sebulan Ramadan di Madinah adalah seumpama berpuasa seribu bulan di tempat lain. Dan solat Jumaat di Madinah adalah seumpama seribu kali solat Jumaat di tempat lain”

Sabdanya lagi:

مَنْ صَلَّى فِي مَسْجِدِي هَذَا أَرْبَعِينَ صَلَاةً لَمْ تَفُتْهُ صَلَاةٌ
كُتِبَ لَهُ بَرَاءَةٌ مِنَ النَّارِ وَبَرَاءَةٌ مِنَ الْعَذَابِ وَبَرَاءَةٌ مِنَ
النِّفَاقِ.

Maksudnya: “Barangsiapa yang solat di masjidKu empat puluh waktu dengan tidak luput walau satu waktu pun, nescaya dilepaskan daripada azab neraka dan azab kubur dan daripada nifak.”

Sabdanya lagi:

صَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي هَذَا أَفْضَلُ مِنْ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيمَا سِوَاهُ
إِلَّا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ. وَصَلَاةٌ فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ أَفْضَلُ
مِنْ مِائَةِ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيمَا سِوَاهُ.

Maksudnya: “Satu solat yang dikerjakan di masjid ku, lebih utama dari seribu solat yang dikerjakan di masjid yang lain kecuali di Masjidil Haram. Satu solat yang dikerjakan di Masjidil Haram, lebih utama dari seratus ribu solat yang dikerjakan di masjid yang lain.”



ZIARAH MAKAM NABI MUHAMMAD S.A.W.

Menziarahi makam Nabi Muhammad s.a.w. bukanlah satu ibadat yang diwajibkan bagi para jemaah haji. Menziarahi makam Nabi Muhammad s.a.w. adalah satu ibadat sunat bagi orang yang menziarahi Masjid Nabawi. Walaupun demikian, menziarahi makam Nabi Muhammad s.a.w. mempunyai beberapa fadilat dan kelebihan. Di antaranya telah diterangkan oleh baginda dengan beberapa buah hadis.

Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَنْ حَجَّ الْبَيْتَ وَلَمْ يَزُرْنِي فَقَدْ جَفَانِي.

Maksudnya: “Barangsiapa yang menunaikan fardu haji dan tidak menziarahi aku, maka sesungguhnya dia telah menjauhkan dirinya daripada aku.”

Sabdanya lagi:

مَنْ زَارَ قَبْرِي وَجَبَتْ لَهُ شَفَاعَتِي.

Maksudnya: “Barangsiapa yang menziarahi kuburku, maka wajiblah baginya syafaatku.”

Sabdanya lagi:

مَنْ حَجَّ فَزَارَ قَبْرِي بَعْدَ وَفَاتِي فَكَأَنَّمَا زَارَنِي فِي حَيَاتِي.

Maksudnya: “Barangsiapa yang menunaikan fardu haji lalu dia menziarahiku sesudah wafatku, seolah-olah dia telah menziarahi aku semasa hidupku.”

Sabdanya lagi:

مَنْ زَارَنِي وَزَارَ إِبْرَاهِيمَ فِي عَامٍ وَاحِدٍ ضَمَنْتُ لَهُ عَلَى
اللَّهِ الْجَنَّةَ.

Maksudnya: “Barangsiapa menziarahi aku dan menziarahi Ibrahim pada tahun yang sama, maka aku janjikan syurga untuknya.”



ZIARAH KE MADINAH AL-MUNAWWARAH

Di antara adab-adab berziarah ke Madinah Al-Munawwarah ialah:

1. Dalam perjalanan menuju ke Madinah Al-Munawwarah, hendaklah seseorang itu memperbanyak membaca selawat.
2. Apabila nyata kelihatan bangunan kota Madinah Al-Munawwarah, hendaklah membaca doa ini:

اَللّٰهُمَّ اِنَّ هٰذَا حَرَمٌ نَّبِيِّكَ، وَقَدْ حَرَّمْتُهُ عَلٰى لِسَانِهِ صَلَّى
اَللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاجْعَلْهُ وَقَايَةً لِّيْ مِنَ النَّارِ وَاَمَانًا مِنْ سُوءِ
اَلْحِسَابِ.

Maksudnya: “Ya Tuhanku, sesungguhnya tanah haram ini tempat Nabi Engkau Muhammad s.a.w. dan Engkau telah menjadikan ia Tanah Haram menerusi kenyataan lisan Nabi Engkau s.a.w. Maka aku mohonkan dengan kemuliaannya, jadikanlah ia sebagai perisai bagi diriku daripada api neraka dan keamanan daripada perhitungan yang tidak baik pada hari kiamat.”

3. Setelah sampai ke Madinah Al-Munawwarah, hendaklah mandi dan kemaskan diri dengan pakaian yang bersih dan indah, serta bau-bauan yang harum untuk berkunjung ke Masjid Nabawi.

ADAB ZIARAH KE MASJID NABAWI

Di antara adab-adab berziarah ke Masjid Nabawi ialah:

1. Sunat bersedekah sebelum masuk ke masjid.
2. Masuklah ke masjid dengan tenang dan sopan.
3. Pakailah pakaian yang baik dan bau-bauan yang harum.
4. Apabila sampai ke masjid, jika boleh masuklah dari Babu Jibril atau Babu Salam sambil membaca:



بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ، رَبِّ أَدْخِلْنِي مُدْخَلَ صِدْقٍ،
وَأَخْرِجْنِي مُخْرَجَ صِدْقٍ، وَاجْعَلْ لِي مِنْ لَدُنْكَ سُلْطَانًا
نَصِيرًا. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ. وَاعْفِرْ لِي ذُنُوبِي، وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ
وَأَدْخِلْنِي فِيهَا، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Maksudnya: “Dengan nama Allah, dan di atas agama Rasulullah. Ya Tuhanku, masukkanlah aku ke dalam pintu kebenaran, dan keluarkanlah aku ke pintu kebenaran. Ya Tuhanku. Berikanlah kepadaku dari sisiMu hujah keterangan serta kekuasaan yang menolongku. Ya Allah, Ya Tuhanku selawat dan rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad s.a.w. dan keluarganya. Ampunilah dosa-dosaku dan bukakanlah pintu-pintu rahmatMu, dan masukkan daku ke dalamnya Wahai Tuhan Yang Amat Mengasihani”

5. Selepas masuk ke dalam masjid, seelok-eloknya menuju ke Raudah. Kelebihan Raudah telah diterangkan oleh junjungan kita Rasulullah s.a w dengan sabdanya:

مَا بَيْنَ بَيْتِي وَمَنْبَرِي رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ.

Maksudnya: “Tempat yang di antara rumahku dan mimbarku, ialah satu taman daripada taman-taman syurga.”

Di Raudah, solatlah sunat tahiyatul masjid dengan khusyuk dan selepas itu, bacalah doa khas di Raudah:



اَللّٰهُمَّ اِنَّ هَذِهِ رَوْضَةٌ مِنْ رِيَاضِ الْجَنَّةِ شَرَفْتَهَا وَكَرَّمْتَهَا
وَنَوَّرْتَهَا بِنُورِ نَبِيِّكَ وَحَبِيبِكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.
فَاَحْشُرْنِيْ فِيْ زُمْرَتِهِ. وَاُمِّتْنِيْ عَلٰى مَحَبَّتِهِ وَسُنَّتِهِ. وَاسْقِنِيْ
مِنْ حَوْضِهِ وَبِيْدِهِ الشَّرِيْفَةِ شَرْبَةً هَنِئَةً لَا اَظْمَأُ بَعْدَهَا
اَبَدًا. اِنَّكَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ. وَصَلَّى اللهُ عَلٰى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ.

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya inilah satu dari taman-taman syurga yang telah Engkau muliakan dan Engkau terangi dengan cahaya NabiMu dan kekasihMu Muhammad s.a.w. Maka himpunkanlah aku di dalam kumpulannya, dan matikanlah aku atas kecintaannya, kepadanya dan atas sunahnya. Dan berikanlah aku minum dari telaganya dan dari tangannya yang mulia dengan minuman yang memuaskan, yang tidak akan haus lagi selepasnya. Sesungguhnya Engkau Amat Berkuasa atas segala sesuatu. Selawat Allah ke atas penghulu kami Nabi Muhammad berserta keluarga dan sahabatnya. Dan segala puji bagi Allah semesta alam.”

Setelah selesai solat dan berdoa, bangunlah untuk menziarahi makam baginda yang mulia.

ZIARAH KE MAKAM BAGINDA NABI MUHAMMAD S.A.W.

Di antara adab-adab menziarahi makam Rasulullah s.a.w. ialah:

1. Berdiri di hadapan makam dengan penuh hormat dan tunduk ke bawah sambil mengucapkan salam seperti berikut:



Salam kepada baginda Rasulullah s.a.w.

السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ الْكَرِيمُ وَالرَّسُولُ الْعَظِيمُ وَالرَّءُوفُ
الرَّحِيمُ وَرَحِمَتُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا نَبِيَّ اللَّهِ.
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا صَفْوَةَ خَلْقِ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَبِيبَ
اللَّهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّكَ
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّكَ بَلَغْتَ الرِّسَالَةَ وَأَدَيْتَ الْأَمَانَةَ
وَنَصَحْتَ الْأُمَّةَ وَجَاهَدْتَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ. فَصَلَّى عَلَيْكَ
اللَّهُ صَلَاةً دَائِمَةً إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اَللّٰهُمَّ آتِهِ الْفَضِيلَةَ وَالْدَّرَجَةَ
الرَّفِيعَةَ وَابْعَثْهُ مَقَامًا مَحْمُودًا الَّذِي وَعَدْتَهُ إِنَّكَ لَا تُخْلِفُ
الْمِيعَادَ.

Maksudnya: "Selamat sejahtera atas engkau wahai junjungan yang mulia, Rasul yang agung, yang pemurah, penyayang. Moga-moga dirahmati dan diberkati Allah atasnya. Selamat sejahtera wahai Nabi Allah. Selamat sejahtera wahai makhluk pilihan Allah. Selamat sejahtera wahai kekasih Allah. Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah Yang Tunggal. Tiada sekutu bagiNya, dan sesungguhnya engkau adalah hambaNya dan RasulNya. Aku bersaksi bahawa engkau telah menyampaikan tanggungjawab kerasulan, dan telah menunaikan amanat, dan telah menasihatkan umat, dan telah berjihad ke jalan Allah. Maka Allah memberi selawat (rahmat) ke atasmu, berkekalan sehingga hari kiamat. Ya Allah, kurniakanlah kepada Junjungan akan kemuliaan, pangkat-pangkat dan darjat, serta anugerahkanlah kepadanya tempat yang terpuji yang Engkau telah janjikan. Sesungguhnya Engkau tidak sekali-kali memungkirkan janji"



2. Melangkah ke kanan kadar sehasta, untuk menghadap makam Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq r.a. dan memberi salam seperti berikut:

Salam kepada Saiyidina Abu Bakar As-Siddiq r.a

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا خَلِيفَةَ رَسُولِ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا
صَاحِبَ رَسُولِ اللَّهِ فِي الْغَارِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَمِينَهُ عَلَى
الْأَسْرَارِ. جَزَاكَ اللَّهُ عَنَّا أَفْضَلَ مَا جَزَى بِهِ إِمَامًا عَنْ أُمَّةٍ
نَبِيَّهِ. فَلَقَدْ خَلَقْتَهُ أَحْسَنَ الْخَلْقِ. وَسَلَكْتَ طَرِيقَهُ
وَمِنْهَاجَهُ خَيْرَ سُلُوكٍ. وَنَصَرْتَ الْإِسْلَامَ. وَوَصَلْتَ الْأَرْحَامَ
وَلَمْ تَزَلْ قَائِمًا بِالْحَقِّ أَتَاكَ الْيَقِينُ. وَالسَّلَامُ عَلَيْكَ
وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Maksudnya: "Salam sejahtera kepada tuan, wahai khalifah Rasulullah s.a.w. Salam sejahtera wahai teman Rasulullah s.a.w. di gua Thur. Salam sejahtera ke atas tuan yang setia menyimpan rahsia. Terimalah balasan daripada Tuhan, sebagai balasan ketua yang memimpin umat Nabinya. Bahawasanya tuan telah menggantikan Rasulullah s.a.w dengan menjalankan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya dan tuan telah mengikuti jalannya dengan bersungguh-sungguh, serta berkhidmat kepada agama Islam dan telah menyambungkan silaturrahim sehingga akhir hayat tuan. Maka terimalah balasan, dan selamat sejahtera dan rahmat dari Allah dan berkahNya"



3. Melangkah ke kanan kadar sehasta, untuk menghadap makam Saiyidina Umar Al-Khattab r.a. dan memberi salam sebagai berikut:

Salam kepada Saiyidina Umar Al-Khattab r.a

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مُظْهَرَ الْإِسْلَامِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا فَارُوقُ.
السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا مَنْ نَطَقَ بِالصَّوَابِ. كَفَلْتَ الْيَتَامَ.
وَوَصَلْتَ الْأَرْحَامَ. وَقَوِيَ بِكَ الْإِسْلَامُ. السَّلَامُ عَلَيْكَ
وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Maksudnya: "Salam sejahtera kepada tuan, wahai pengembang agama Islam. Salam sejahtera kepada tuan, wahai yang telah diberi gelaran Faruk (yang memutuskan antara yang benar dan yang salah). Salam sejahtera kepada tuan, yang sentiasa bercakap benar serta memelihara hak anak yatim, dan menghubungkan kasih sayang. Maka dengan tuanlah agama Islam menjadi kuat. Maka terimalah salam sejahtera serta rahmat dari Allah dan berkahNya."

4. Balik semula ke makam Rasulullah s.a.w. dan berdoa dengan doa ini:

Doa di makam Baginda Rasulullah s.a.w.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا سَيِّدِيْ يَا
رَسُوْلَ اللّٰهِ. اِنَّ اللّٰهَ اَنْزَلَ اِلَيْكَ كِتَابًا صَادِقًا قَالَ فِيْهِ :
وَلَوْ اَنْهَمُ اِذْ ظَلَمُوْا اَنْفُسَهُمْ جَاءُوكَ فَاسْتَغْفَرُوْا اللّٰهَ
وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُوْلُ لَوَجَدُوْا اللّٰهَ تَوَّابًا رَّحِيْمًا. وَقَدْ جِئْتُكَ



مُسْتَغْفِرًا مِنْ ذَنْبِي مُسْتَشْفِعًا بِكَ إِلَى رَبِّي. فَاشْفَعْ لِي
يَا شَفِيعَ الْأُمَّةِ وَأَجِرْنِي مِنَ النَّارِ يَا نَبِيَّ الرَّحْمَةِ. الصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكَ وَعَلَى سَائِرِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ. وَالْحَمْدُ
لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Maksudnya: "Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. Salam sejahtera ke atasmu, wahai Penghulu, wahai Rasulullah s.a.w. Sesungguhnya Allah telah menurunkan kepadamu sebuah kitab yang benar, yang Dia telah berfirman di dalamnya: "...dan jika mereka sesudah menzalimi diri mereka datang kepadamu, lalu mereka memohon ampun kepada Allah dan Rasul juga mintakan ampun bagi mereka, nescaya mereka dapati Allah itu penerima taubat, penyayang.." Sesungguhnya aku datang memohon ampun dari dosaku, memohon syafaat kepada Allah, dengan berkatmu, berilah syafaat itu untukku wahai Nabi yang memberi syafaat kepada umatnya, dan jauhkanlah aku dari neraka, wahai Nabi yang mempunyai belas kasihan. Selawat dan salam atasmu dan ke atas semua para Nabi dan Rasul. Dan segala puji bagi Allah Tuhan seru sekalian alam."

5. Sampaikan salam kepada baginda Rasulullah s.a.w. dari mereka yang berkirim salam, dengan mengatakan:

Menyampaikan salam kepada baginda Rasulullah s.a.w.

السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ، يَا سَيِّدِي يَا
رَسُولَ اللَّهِ. جِئْتُكَ نَائِبًا وَزَائِرًا عَنْ مُسَلِّمًا عَنْهُ
سَائِلًا مِنْكَ الشَّفَاعَةَ لَهُ فِي غُفْرَانِ ذُنُوبِهِ. فَاشْفَعْ لَهُ عِنْدَ
اللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ.



Maksudnya: “Sejahtera atasmu wahai Nabi, serta rahmat Allah dan berkatNya. Ya junjunganku, wahai Rasulullah, saya datang memberi salam kepada tuan daripada bin dia memohon syafaat daripadamu untuk mendapatkan pengampunan bagi dosanya. Berilah syafaat di sisi Allah kepadanya wahai Rasulullah.”

Atau dengan mengatakan

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ مِنْ
..... بن

Maksudnya: “Salam padamu wahai Rasulullah, serta rahmat Allah dan berkatNya. Daripada bin

ZIARAH KE PERKUBURAN SYUHADAK UHUD

Di antara tempat-tempat yang baik diziarahi oleh seseorang yang sampai di Madinah, mereka digalakkan menziarahi perkuburan syuhadak, yang gugur di dalam peperangan Uhud. Di dalam peperangan yang berlaku, pada tahun ketiga hijrah, seramai tujuh puluh orang muslimin gugur, terkorban dan syahid. Di antaranya, ialah ayahanda saudara baginda Rasulullah s.a.w. iaitu Saiyidina Hamzah bin Abdul Motalib r.a. Baginda Rasulullah s.a.w. telah menerangkan akan kelebihan Uhud dengan sabdanya yang bermaksud: “Uhud ialah sebuah gunung yang kasih kepada kita, dan kita pun kasih kepadanya.” Oleh itu, sudah seharusnya bagi mereka yang sampai ke Madinah, menziarahi Jabal Uhud dan perkuburan Saiyidina Hamzah bin Abdul Motalib, Saiyidina Abdullah bin Jahsyi dan Saiyidina Musab bin Omair, dan lain-lain lagi. Radiallahuanhum.



Salam dan doa di perkuburan Syuhadak Uhud

السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا حَمْزَةَ عَمِّ رَسُولِ اللَّهِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا
 سَيِّدَ الشُّهَدَاءِ. السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا أَسَدَ اللَّهِ وَأَسَدَ رَسُولِهِ.
 السَّلَامُ عَلَيْكَ يَا عَبْدَ اللَّهِ بْنِ جَحْشٍ، السَّلَامُ عَلَيْكَ
 يَا مَضْعَبَ بْنِ عُمَيْرٍ. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ يَا شُهَدَاءَ أُحُدٍ.
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ. اَللّٰهُمَّ اجْزِهِمْ
 عَنِ الْإِسْلَامِ وَأَهْلِهِ أَفْضَلَ الْجَزَاءِ وَأَجْزَلْ ثَوَابَهُمْ وَأَكْرَمَ
 مَقَامَهُمْ وَارْفَعْ دَرَجَاتِهِمْ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

Maksudnya: "Salam sejahtera atas engkau wahai Saiyidina Hamzah, bapa saudara Rasulullah s.a.w. Salam sejahtera atas engkau wahai penghulu bagi para syahid. Salam sejahtera atas engkau singa Allah dan singa Rasulullah. Salam sejahtera atas engkau wahai Saiyidina Abdullah bin Jahsyi. Salam sejahtera atas engkau wahai Saiyidina Musab bin Omair. Salam sejahtera atas kamu wahai orang-orang yang mati di dalam peperangan Uhud. Salam sejahtera atas kamu, atas kesabaran kamu menghadapi musuh untuk menegakkan kebenaran Islam. Iaitu sebaik-baik balasan yang akan kamu terima dari Allah. Ya Allah. Ya Tuhanku, gandakanlah pahala amalan mereka, yang telah mereka lakukan untuk kesucian agama Islam dan pemeluk- pemeluknya. Tinggikan pangkat dan darjat mereka dengan kemurahan Engkau wahai Tuhan Yang Amat Pemurah"

TEMPAT-TEMPAT YANG BAIK DIZIARAH DI MADINAH AL-
 MUNAWWARAH

Di Madinah dan sekitarnya, terdapat beberapa buah masjid yang bersejarah, yang baik diziarahi oleh setiap orang yang sampai ke Madinah. Di antara masjid-



masjid itu ialah: Masjid Qubak, Masjid Al-Jumah, Masjid Al-Fatah, Masjid Al-Ghamamah, Masjid Abu Bakar Siddiq, Masjid Fatimah, Masjid Omar Khattab, Masjid Ali bin Abu Talib, Masjid Bilal, Masjid Al- Qiblatain dan Masjid Tujuh. Ketika menziarahi masjid-masjid dan tempat-tempat suci tersebut, sangat baik kalau kita membaca: Surah Al-Fatihah dan hadiahkan kepada Baginda Rasulullah s.a.w. serta para sahabat dan orang-orang mukminin.

Dan seterusnya membaca doa ini:

اَللّٰهُمَّ رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا وَعَافِنَا وَاعْفُ عَنَّا. اَللّٰهُمَّ تَوَفَّنَا
مُسْلِمِيْنَ. وَاٰخِيْنَا مُسْلِمِيْنَ وَاَلْحِقْنَا بِالصّٰلِحِيْنَ اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ
اَوْدَعْتُ هٰذَا الْمَحَلَّ الشَّرِيْفَ مِنْ يَوْمِنَا هٰذَا اِلَى يَوْمِ
الْقِيَامَةِ خَالِصًا مُّخْلِصًا. اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَاَنْ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. (اَلْفَاتِحَةُ)

